



**LAPORAN
TAHUNAN**

2011

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI



LAPORAN TAHUNAN 2011

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN BANTUAN GUAMAN
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA



LAPORAN
TAHUNAN

2011

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

SIDANG REDAKSI

LAPORAN TAHUNAN BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

PENASIHAT

YBhg. Dato' Hj Ismail bin Ibrahim

KETUA EDITOR

Tuan Haji Adnan bin Ibon

SIDANG PENGARANG

Puan Mahani Hj. Mohd. Yusoff
Encik Khairulizam Othman
Cik Selvakumari a/p Selvadasan
Cik Salehah Abu Nor
Puan Lizawati Zainal
Puan Sarune Beh
Cik Lau Yin Theng
Puan Farah Nadilah Rahmat
Puan Faridah Omar
Puan Nor A'amirah Mohamad Shafie
Puan Shamsiah Chee Ros
Puan Zurina Razali
Puan Naziah Mohamed

PEMBANTU PENERBITAN

Puan Isnaniwati Imran

JURUFOTO

Encik Amir Shah Hj Abu Adam

EDARAN

Encik Sheikh Farhan Ahmad
Puan Rohanizal Maal
Puan Intan Azwani Ahamad

KANDUNGAN

Perutusan YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
Perutusan Ketua Pengarah BHEUU

LAPORAN TAHUNAN BHEUU

Sejarah
Profil Korporat
Pembangunan Mahkamah
Pelaksanaan Akta Dan Undang-Undang
Keurusetiaan
Pengurusan Sistem Maklumat
Pengurusan Sumber Manusia
Pengurusan Kewangan
Pengurusan Organisasi
Pembudayaan Inovasi
Hubungan Majikan - Pekerja
Pengurusan Pelanggan

LAPORAN TAHUNAN JBG

Pengurusan Tertinggi
Sepintas Lalu Penubuhan Jabatan Bantuan Guaman
Visi, Misi Dan Objektif JBG
Carta Organisasi
Perjawatan
Laporan Kewangan
Pembangunan Portal JBG
Pencapaian JBG Bagi Tahun 2011
Pengurusan Aduan Dan Maklum Balas Pelanggan
Aktiviti JBG Sepanjang Tahun 2011

LAPORAN TAHUNAN Mdl

PENGENALAN

Trend Insolvensi 2011

PENCAPAIAN

Program 1

Mentadbir Aset Dan Hal Ehwal Insolvensi Dengan Cekap Dan Efisien

Program 2

Mempertingkatkan Pematuhan Bankrap Dan Syarikat Di Bawah

Perundangan Insolvensi

Program 3

Menyiasat Dan Mendakwa Kesalahan Di Bawah Akta Kebankrapan/Perundangan Insolvensi

Program 4

Pembaharuan Undang-Undang yang Menyokong Keperluan Persekitaran Ekonomi dan

Perniagaan

Program 5

Pemantauan dan Pengawal Seliaan Pelikuidasi yang Diluluskan dengan Efektif dan Berkesan

Program 6

Mempertingkatkan Kemudahan Perkhidmatan Secara Online

Program 7

Pembangunan Kapasiti & Keupayaan Sumber Manusia

4
5

6
7
13
20
24
29
36
38
38
39
41
43

46
47
47
48
50
54
55
56
71
79

87
89

93
100

111
114

125

126

127



PERUTUSAN MENTERI

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama mengharungi tahun 2011 dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga BHEUU, Mdl dan JBG yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan setiap aktiviti dan program yang dirancang pada tahun 2011 telah dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta mencapai matlamat yang diharapkan. Bagi saya ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan.

Tahniah juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan BHEUU, Mdl dan JBG 2011. Kepada semua warga BHEUU, Mdl dan JBG, Laporan Tahunan 2011 merupakan prestasi yang dapat dijadikan panduan dalam membuat perancangan, penambahbaikan serta pelaksanaan program dan aktiviti pada masa akan datang. Diharap kerjasama dan komitmen yang berterusan dalam kalangan warga BHEUU, Mdl dan JBG ini dapat merealisasikan hasrat kerajaan khususnya dalam menjayakan Transformasi Perkhidmatan Awam.

Sekian terima kasih.

(DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ)





PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri

Assalamualaikum Warrahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera Salam 1Malaysia.

Syabas dan tahniah kepada warga BHEUU, Mdl dan JBG amnya dan kepada sidang pengarang Laporan Tahunan ini khasnya yang telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2011. Mudah-mudahan dokumentasi pencapaian ini akan menjadi rujukan dan maklumat penting dalam kita merancang untuk menambahbaik pelaksanaan program dan aktiviti pada tahun berikutnya.

Setelah meneliti laporan pencapaian program dan aktiviti yang telah dilaksanakan bagi tahun 2011, saya amat berbangga kerana pencapaian dapat direalisasikan mengikut perancangan walaupun saya hanya menyertai jabatan ini pada akhir 2011. Tahun 2011 telah menyaksikan pencapaian yang memberangsangkan bagi ketiga-tiga agensi. Antara kejayaan yang telah diraih adalah pengiktirafan dari pelbagai pihak dalam pelbagai bidang seperti 5 Bintang Portal oleh MPGWA – MdeC 2011 (BHEUU, Mdl dan JBG), Pensijilan Amalan 5S dan Pensijilan MS ISO 9001:2008 (BHEUU), Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2010 serta *World Bank Doing Business* – Kedudukan Malaysia Melonjak Dari Tangga 55 ke 47 (Mdl). Saya percaya dan yakin kejayaan yang diperolehi pada tahun 2011 adalah hasil usaha dan komitmen yang padu daripada semua warga BHEUU, Mdl dan JBG. Selain itu, komitmen untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang terbaik sentiasa menjadi keutamaan kami. Ini dapat dimanifestasikan dalam setiap urusan dengan pelanggan sama ada dalam bentuk kualiti layanan, kemudahan-kemudahan yang disediakan, penggunaan ICT yang canggih serta terkini dan sebagainya. Ini merupakan sebahagian daripada perubahan berterusan yang dilaksanakan dan saya berharap komitmen ini dapat diterjemahkan dalam setiap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan demi memenuhi aspirasi pucuk pimpinan kerajaan kita yang amat mengutamakan rakyat dalam pelbagai perkara. Disamping mengutamakan pengurusan pelanggan, saya juga berharap dapat mewujudkan semangat keseronokan bekerja dalam kalangan warga BHEUU, Mdl dan JBG kerana ini juga dapat menjadi pendorong kepada kejayaan jabatan pada tahun mendatang.



Dato' Haji Ismail bin Ibrahim

Sebagai penutup, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga BHEUU, Mdl dan JBG atas usaha-usaha yang telah dilakukan dan kejayaan yang telah dicapai bagi tahun 2011 dan diharapkan usaha seperti ini dapat dipertingkatkan pada masa akan selaras dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan transformasikan perkhidmatan awam. Dengan izinNya juga saya berharap agar gandingan dan kerjasama yang erat antara ketiga-tiga agensi akan dapat menjadi penggerak kepada kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM)



SEJARAH

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvency Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvency Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai *Malaysia Department of Insolvency* (Mdi).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklumbalas kementerian terhadap laporan tahunan SUHAKAM.





VISI BHEUU

Penyumbang terulung kepada kecekapan pentadbiran keadilan negara.

MISI BHEUU

Memastikan pembangunan prasarana pentadbiran keadilan, penggubalan dasar dan peraturan serta penyeliaan agensi-agensi dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

OBJEKTIF BHEUU

- Merancang dan membangunkan prasarana fizikal dan ICT mahkamah dan agensi mengikut keperluan *stakeholders* dan pelanggan; dan
- Menggubal dasar dan peraturan yang efektif;
- Memberi perkhidmatan sokongan yang berkualiti kepada agensi-agensi

DASAR KUALITI BHEUU

“Adalah menjadi matlamat kami untuk menyediakan khidmat Pengurusan Pembangunan Mahkamah serta Pendaftaran dan Pemerbadanan Pemegang Amanah yang cekap, cepat dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang diwujudkan.

Kami juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa sesuai mengikut kehendak pelanggan”.





SENARAI AGENSI DI BAWAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI


- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
- Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- Bahagian Pembangunan Modal Insan (JPA)
- Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)
- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
- Institut Latihan Kefahaman Perundingan (ILKAP)
- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)
- Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)
- Lembaga Penasihat
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Amanah Raya Berhad (ARB)
- Parlimen
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang (BHEUU)
 - Jabatan Insolvensi Malaysia
 - Jabatan Bantuan Guaman





**LAPORAN TAHUNAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
2011**



CARTA ORGANISASI BAHAGIAN JABATAN PERDANA MENTERI





secara perjawatan, perjawatan seksyen perancangan



PENGURUSAN ATASAN BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

JABATAN PERDANA MENTERI



Duduk dari kiri : Puan Mahzum binti Arifin, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan), YBhg. Dato' Saripuddin Kasim, Ketua Pengarah BHEUU (10 Sept 2010 - 25 Dis 2011), Tn. Haji Adnan Ibon, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan).

Berdiri dari kiri : Mahani binti Hj. Mohd. Yusoff (Pegawai Perhubungan Awam), M. Kamroldin bin Hitam (Pengarah Seksyen Kewangan), Syed Mohamed bin Koyakutty (Pengarah Seksyen Pelaksanaan Projek), Solehuddin Alyubi bin Zakaria [Pengarah Seksyen Sumber Manusia] Hj. Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid [Penasihat Undang-Undang], Khalidah binti Othman [Pengarah Seksyen Teknologi Maklumat].



PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2011, Seksyen Pembangunan BHEUU telah meneruskan pelaksanaan 7 projek pembangunan yang merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan 1 projek yang diluluskan dalam 'Rolling Plan' Pertama Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10). Projek tersebut melibatkan projek pembangunan dan juga projek *Private Financing Initiatives* (PFI) yang mana 3 projek telah disiapkan, 4 projek dalam pembinaan dan 1 projek masih dalam fasa perancangan.

Selain itu, Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja ubahsuai, pembaikan dan naik taraf bangunan Mahkamah sedia ada di seluruh Malaysia dan juga pejabat Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia di cawangan-cawangan termasuk di Sabah dan Sarawak.

PROJEK-PROJEK YANG TELAH SIAP TAHUN 2011

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP	SKOP PROJEK
Bangunan Penyimpanan Fail di Sungai Petani, Kedah	02 Februari 2011	3 tingkat ruang penyimpanan fail dan ruang sokongan
Mahkamah Baru Sepang, Selangor	24 Februari 2011	2 bilik bicara dan ruang sokongan
Mahkamah Baru Samarahan, Sarawak	11 Mac 2011	1 bilik bicara dan ruang sokongan



Bangunan Penyimpanan Fail di Sungai Petani, Kedah



Mahkamah Baru Sepang, Selangor
2 Bilik Bicara Mahkamah Majistret



Mahkamah Baru Samarahan, Sarawak
1 Bilik Bicara Mahkamah Majistret



PROJEK DALAM PEMBINAAN



Mahkamah Baru Kajang, Selangor [3 Bilik Bicara]



Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang
[23 Bilik Bicara]



Mahkamah Baru Alor Gajah, Melaka [2 Bilik Bicara]



Bangunan Tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor
[8 Bilik Bicara]



KERJA-KERJA UBAHSUAI, PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF BANGUNAN-BANGUNAN MAHKAMAH JBG DAN MdI

Dalam tahun 2011, Bahagian ini telah melaksanakan kerja-kerja ubahsuai, pembaikan dan naik taraf di bangunan Mahkamah, Jabatan Insolvency Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman di seluruh Malaysia seperti berikut:-

Bangunan-Bangunan Mahkamah

NEGERI	LOKASI PROJEK
KEDAH	Mahkamah Jitra
	Mahkamah Majistret Yan
	Mahkamah Majistret Sik
	Mahkamah Majistret Gurun
TERENGGANU	Mahkamah Majistret Besut
	Mahkamah Majistret Dungun
PAHANG	Mahkamah Sesyen dan Majistret Temerloh
	Mahkamah Majistret Bentong
	Mahkamah Sesyen Raub
	Mahkamah Majistret Cameron Highlands
PERAK	Mahkamah Sesyen / Majistret Kuala Kangsar
	Mahkamah Tinggi, Sesyen, Majistret Ipoh
	Mahkamah Majistret Sri Manjung
	Mahkamah Majistret Kuala Kangsar
	Mahkamah Majistret Teluk Intan
PULAU PINANG	Bangunan Sri Pinang Kompleks Mahkamah Pulau Pinang
SELANGOR	Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
	Mahkamah Petaling Jaya
	Mahkamah Majistret Teluk Datok
KUALA LUMPUR	Kompleks Mahkamah Jalan Duta
NEGERI SEMBILAN	Mahkamah Majistret Jelebu
	Mahkamah Majistret Tampin
MELAKA	Mahkamah Majistret Jasin
JOHOR	Mahkamah Sesyen/ Majistret Batu Pahat
	Mahkamah Majistret Segamat
SABAH	Mahkamah Litar Kinabatangan

Bangunan Jabatan Insolvency Malaysia Dan Jabatan Bantuan Guaman

NEGERI	LOKASI PROJEK
PERLIS	Jabatan Bantuan Guaman
KEDAH	Jabatan Bantuan Guaman Langkawi
KELANTAN	Jabatan Bantuan Guaman Gua Musang
	Jabatan Bantuan Guaman Kota Bharu
TERENGGANU	Jabatan Insolvency Malaysia
	Jabatan Bantuan Guaman
PERAK	Jabatan Bantuan Guaman Ipoh
NEGERI SEMBILAN	Jabatan Insolvency Malaysia Seremban
KUALA LUMPUR	Jabatan Bantuan Guaman



Kerja-kerja menyiapkan bangunan satu tingkat Mahkamah Litar Kinabatangan, Sabah



Kerja-kerja menaiktaraf kabel TNB di Mahkamah Sesyen/ Majistret Batu Pahat, Johor



Kerja-kerja pemasangan perabot untuk satu bilik bicara Mahkamah Sesyen di Mahkamah Sesyen/ Majistret Kuala Kangsar, Perak



MEKANISME PEMANTAUAN PROJEK

MESYUARAT

Bagi memastikan kemajuan pelaksanaan projek adalah mengikut perancangan yang ditetapkan, beberapa mesyuarat bersama agensi pengguna, pelaksana, kontraktor, perunding dan lain-lain jabatan telah diadakan seperti berikut:

BIL	MESYUARAT	KEKERAPAN	CATATAN
1	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan [Bersama JKR dan Mahkamah]	Setiap Bulan	Membincangkan kedudukan projek pembangunan (fizikal dan kewangan)
2	Mesyuarat Pemantauan Status Pelaksanaan Kemajuan Pelaksanaan Projek	Setiap Bulan	Membincangkan mengenai status kemajuan projek dan peruntukan serta masalah yang timbul termasuk perolehan tanah.
3	Mesyuarat Tapak Projek [Bersama JKR, pengguna, kontraktor dan perunding]	Setiap Bulan	Membincangkan kemajuan projek dan permasalahan yang timbul di tapak projek.
4	Mesyuarat Penyelarasan Seksyen Dasar dan Seksyen Pembangunan	Setiap Bulan	Membincangkan status kemajuan pelaksanaan dan masalah yang timbul.
5	Mesyuarat Penyelarasan Projek [Bersama JKR]	Mengikut Keperluan	Memastikan perancangan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual asal dan peruntukan yang disediakan.
6	Mesyuarat Perancangan Keperluan Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Mengikut Keperluan	Memastikan projek dibekalkan dengan kelengkapan dan perabot yang mencukupi dan berkualiti.
7	Mesyuarat Semakan Kecacatan	Setiap 3 Bulan	Memantau kecacatan dan pembaikan dalam tempoh kecacatan bagi setiap projek yang telah siap





LAWATAN KERJA

Lawatan diadakan bagi tujuan pemantauan projek dan juga penyerahan projek oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan pengurusan tertinggi BHEUU.

BIL	TARIKH	CATATAN
1	23 Mac 2011	Majlis Penyerahan Mahkamah Baru Pasir Mas, Kelantan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di JPM
2	28 April 2011	Majlis Penyerahan Mahkamah Baru Samarahan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di JPM
3	12 Mei 2011	Majlis Perasmian Bangunan Tambahan Mahkamah Shah Alam disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor
4	16 Mei 2011	Majlis Penyerahan Bangunan Penyimpanan Fail di Sungai Petani, Kedah oleh Ketua Pengarah
5	18 Mei 2011	Lawatan Kerja YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di JPM ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur
6	19 Mei 2011	Majlis Penyerahan Mahkamah Baru Sepang, Selangor oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di JPM
7	3 Jun 2011	Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Projek Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang
8	20 Julai 2011	Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Projek Mahkamah Litar Kinabatangan, Sabah
9	20 Julai 2011	Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Sandakan, Sabah
10	26 Julai 2011	Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Projek Mahkamah Baru Alor Gajah, Melaka
11	29-30 September 2011	Lawatan Rasmi Ketua Pengarah ke Maxwell Chambers, Singapura Bagi Projek Ubahsuai Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRC)
12	5 Oktober 2011	Taklimat Rekabentuk Awal Kepada Hakim Besar Sabah Dan Sarawak Projek Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah
13	18 Oktober 2011	Lawatan Kerja Y.A. Hakim Besar Malaya Bersama Ketua Pengarah ke Projek Mahkamah Baru Kajang, Selangor



Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Projek Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang



Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Projek Mahkamah Litar Kinabatangan, Sabah



Lawatan Kerja Ketua Pengarah ke Projek Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang



Majlis Penyerahan Mahkamah Baru Samarahan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di JPM



Majlis Perasmian Bangunan Tambahan Mahkamah Shah Alam Disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor



Majlis Penyerahan Mahkamah Baru Sepang, Selangor oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di JPM



Majlis Penyerahan Mahkamah Baru Pasir Mas, Kelantan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di JPM



PROJEK 1st ROLLING PLAN RMKe-10

Projek Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10. Lokasi tapak projek yang dipersetujui ialah di Jalan Shariff Osman Off Jalan Kolam, Kota Kinabalu, Sabah seluas 6 ekar. Skop projek melibatkan pembinaan 20 Bilik Bicara (1 Mahkamah Persekutuan, 5 Mahkamah Tinggi, 7 Mahkamah Sesyen dan 7 Mahkamah Majistret). Projek dijangka ditender pada tahun 2012 dan dijangka siap dalam tahun 2015.

Di peringkat perancangan projek, beberapa program telah diadakan seperti berikut :-

- (i) Makmal Pengurusan Nilai oleh EPU telah diadakan pada 10-19 Januari 2011;
- (ii) Bengkel Pengesahan *Architectural Drawing* telah diadakan pada 18-20 September 2011; dan
- (iii) Taklimat Reka bentuk Awalan Kepada Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 5 Oktober 2011.

PROJEK 2nd ROLLING PLAN RMKe-10

BHEUU telah diluluskan 1 projek baru iaitu :-

- Projek Pemuliharaan Dan Pengubahsuaian Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur Untuk Dijadikan Pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCAs) dengan nilai siling diluluskan RM50 juta.
- Bagi menyegerakan proses perolehan projek ini, beberapa program telah dilaksanakan seperti berikut:-
 - (i) Makmal Pengurusan Nilai oleh EPU telah diadakan pada 17-25 Oktober 2011;
 - (ii) Taklimat mengenai 'Prinsip Asas Pemuliharaan Bangunan' oleh YBrs Prof. Dr. A. Ghaffar bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara telah diadakan pada 18 Oktober 2011; dan
 - (iii) Majlis *Signing-Off* Pengurusan Nilai antara BHEUU dan Unit Perancang Ekonomi pada 1 November 2011.

URUSAN PEROLEHAN TANAH

Urusan perolehan tanah bagi tapak projek pembangunan Mahkamah yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 seperti senarai berikut:-

BIL.	PROJEK	AKTIVITI
1	Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah	Permohonan pemberimilikan
2	Kompleks Mahkamah Baru Kangar, Perlis	Bayaran pampasan
3	Mahkamah Majistret Bahau, Negeri Sembilan	Bayaran premium
4	Mahkamah Bera, Pahang	Bayaran pampasan dan premium
5	Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah	Permohonan pemberimilikan
6	Mahkamah Sibul, Sarawak	Permohonan tapak
7	Kompleks Mahkamah Melaka	Bayaran premium
8	Mahkamah Baru Klang, Selangor	Bayaran pampasan



PELAKSANAAN AKTA DAN UNDANG-UNDANG

JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

JPUUM telah ditubuhkan pada Disember 2009 bagi mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang di Malaysia. Ia dipengerusikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ahli-ahlinya terdiri daripada pengamal undang-undang di Malaysia yang berpengalaman tidak kurang daripada 15 tahun serta ahli akademik perundangan. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang merupakan urusan setia bagi Jawatankuasa ini.

Sepanjang tahun 2011, JPUUM telah menawarkan peruntukan geran penyelidikan kepada IPTA/IPTS dan berjaya menganjurkan Kursus Pembaharuan Undang-Undang yang dikendalikan oleh Mr. Michael Sayers, Setiausaha Agung Commonwealth Association of Law Reform Agencies.

Ahli JPUUM :

PENGERUSI



YB Datuk Liew Vui Keong

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

AHLI-AHLI



YB Senator Datuk Maijol Mahap
Peguambela dan Peguamcara Sabah



Prof Madya Dr. Azmi Sharom
Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya



YBhg Dato' Ilani Mohamed Ibrahim
Wakil Jabatan Peguam Negara



YBhg Dato' Azhar Abdul Hamid
Penasihat Undang-Undang
YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



YBhg Datuk Abdul Karim Abdul Jalil
Ketua Pengarah Insolvency Jabatan Insolvency Malaysia



Cik Ira Biswas
Peguambela & Peguamcara

SETIAUSAHA



YBhg. Dato' Saripuddin Kasim
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
(10 September 2010 - 25 Disember 2011)



YBhg. Dato' Haji Ismail Bin Ibrahim
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
(bermula 26 Disember 2011)



GERAN PENYELIDIKAN JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

JPUUM telah menawarkan peruntukan geran penyelidikan kepada IPTA/IPTS dengan tujuan menggalakkan penjaan teori, konsep dan idea baru dalam mempercepatkan pembaharuan undang-undang. Hasil penyelidikan ini diharapkan menjadi asas kepada pembaharuan undang-undang Malaysia bagi membolehkan sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Sehingga kini, 19 geran penyelidikan JPUUM telah ditawarkan kepada para penyelidik IPTA / IPTS. Antara kajian yang berjaya ditawarkan geran penyelidikan adalah seperti berikut:

Bil.	Kajian	Institut Penyelidik
1.	<i>Review of the "Fault" Principle in Divorce Proceedings Under the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976</i>	UiTM
2.	<i>A Critical Study on the Pre Trial Process in the Administration of Juvenile Justice System in Malaysia under the Child Act 2001</i>	UiTM
3.	<i>Reforming Laws Relating to the Protection of the Marine Environment in Malaysia</i>	UIA
4.	<i>A Review of the Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) Regulations 1992 & Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business)(Amendment) Regulations 2000</i>	UiTM
5.	<i>The Legal Critiques of the Computer Crimes Act 1997 in Regulating Cybercrime</i>	UiTM
6.	<i>An Unfair Contract Terms Act for Malaysia</i>	UKM
7.	<i>A Reform of the Law of Sale of Goods in Malaysia</i>	UKM
8.	<i>The Applicability of the Biosafety Act 2007 in Addressing Bioethical Issues Relating to Genetically Modified Organisms (GMOs)</i>	UiTM
9.	<i>Integration of Revision of Section 34A of the Environmental Quality Act 1974 and Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 1987-Recommendations</i>	TAYLOR'S UNIVERSITY
10.	Penilaian Berhubung Kesesuaian Pengaplikasian Akta Kesihatan Mental 2001 kepada Pesakit-pesakit Tidak Upaya dalam Aspek Keizinan kepada Rawatan Perubatan	UKM
11.	<i>Revising the Flaws of the Digital Signature Act 1997 in Governing Security of Electronic Transactions</i>	UiTM
12.	<i>Native Chiefs' Observation as a New Approach in Solving the Conflict of Jurisdictions in the Administration in Native Law in Sabah</i>	UiTM
13.	<i>A Review of the Communications and Multimedia Act 1998 in Achieving Media Pluralism</i>	UiTM
14.	<i>Animal Welfare and Prevention of Cruelty: Proposed Amendments to the Animal Act 1953 [Act 647] and Relevant By-Laws</i>	TAYLOR'S UNIVERSITY
15.	<i>The Viability of Introducing No Fault Liability Insurance in Land Registration: A Pilot Study (National Land Code)</i>	UiTM
16.	<i>Specific Relief Act 1950: Proposal for Reform</i>	UIA
17.	<i>Laws Related to Trust Law, Charitable Fund and Organization in Malaysia</i>	UM
18.	<i>The Relevancy of Justice of Peace in Malaysia</i>	MMU
19.	<i>Reforming Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952 and Relevant Laws</i>	UM



AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010 dan dilaksanakan oleh tujuh (7) Agensi Penguatkuasaan utama seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras bagi Agensi Pelaksana dalam mendapatkan maklumat-maklumat untuk dibentangkan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Parlimen.

Promosi Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2011

a) Taklimat bersama Ahli CUEPACS

TARIKH	AKTIVITI
2 Mac 2011	Taklimat kepada 250 orang ahli CUEPACS bertempat di BHEUU
27 Jun 2011	Taklimat kepada 200 orang ahli CUEPACS Zon Utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perak) bertempat di Sungai Petani
29 September 2011	Taklimat kepada 200 orang ahli CUEPACS Zon Timur (Terengganu, Pahang dan Kelantan) bertempat di Kuala Terengganu.
31 Oktober 2011	Taklimat kepada 250 orang ahli CUEPACS Zon Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka) bertempat di Johor Baharu
8 Disember 2011	Taklimat kepada ahli CUEPACS Negeri Sarawak bertempat di Kuching
15 Disember 2011	Taklimat kepada ahli CUEPACS Negeri Sabah bertempat di Sandakan

b) Taklimat bersama Agensi-Agensi Penguatkuasa

TARIKH	AKTIVITI
21 Februari 2011	Taklimat kepada 100 orang Urus Setia Jawatankuasa Keutuhan Pentadbir Tadbir Urus (JKTU) Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Abu Kasim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
27 Mei 2011	Taklimat kepada 35 orang warga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Selangor
26-28 Jun 2011	Taklimat dan Bengkel Penyediaan Prosedur Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 di Hotel Le Paris, Negeri Sembilan melibatkan seramai 20 orang pegawai penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia
26 Julai 2011	Taklimat Akta 711 kepada ahli Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian Penguatkuasaan Se-Malaysia Kastam.
27 Julai 2011	Taklimat berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Akta 711 kepada Pegawai Penguatkuasaan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).
13 September 2011	Taklimat berhubung Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] kepada Pegawai Kanan Kastam Gred W44-W52



c) Taklimat kepada Kementerian / Agensi Kerajaan / Badan

TARIKH	AKTIVITI
21 Januari 2011	Taklimat kepada 120 orang pegawai dan kakitangan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan Port Klang Free Zone (PKFZ)
17 Februari 2011	Taklimat kepada 150 orang Ketua-Ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan di Sabah
14 Mac 2011	Taklimat kepada 30 orang ahli Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) bersama YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
4 April 2011	Taklimat kepada 150 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan Malaysia
11 Mei 2011	Taklimat kepada pegawai dan kakitangan MAMPU, Jabatan Perdana Menteri
20 Mei 2011	Taklimat kepada 500 orang warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
31 Mei 2011	Taklimat kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan Malaysia
14 Jun 2011	Taklimat kepada 40 orang ahli Mesyuarat Pemantauan Kes-Kes Tata tertib Jabatan/ Agensi di Jabatan Perdana Menteri
11 Julai 2011	Taklimat kepada ahli Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
24 Ogos 2011	Taklimat berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Akta 711 kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan Perkhidmatan Awam.
29 September 2011	Taklimat Akta 711 anjuran Universiti Islam Antarabangsa bersempena Minggu Integriti 2011
3 November 2011	Taklimat kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar
6 Disember 2011	Taklimat kepada warga Universiti Sains Malaysia di USM

ROADSHOW AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] SEPANJANG TAHUN 2011

Taklimat kepada ahli CUEPACS Zon Timur bertempat di Kuala Terengganu pada 29 September 2011



Taklimat kepada ahli CUEPACS Zon Selatan bertempat di Johor Bahru pada 31 September 2011






KEURUSETIAAN

PELANTIKAN PENASIHAT MAHKAMAH KANAK-KANAK DI BAWAH SUBSEKSYEN II (2) AKTA KANAK-KANAK 2001

Sehingga tahun 2011, seramai 1,045 orang Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) telah dilantik oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak bertanggungjawab untuk memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan perlakuan mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke Mahkamah serta menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut.



Statistik Pelantikan Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak Mengikut Negeri Sehingga Tahun 2011

JAWATANKUASA PENTADBIRAN KEADILAN

Jawatankuasa ini diwujudkan untuk membuat kajian terhadap kes-kes tertunggak di Mahkamah dan membincangkan isu-isu berkaitan sistem pentadbiran keadilan Negara. Terdapat 2 Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan tersebut iaitu Jawatankuasa Tertinggi Pentadbiran Keadilan dan Jawatankuasa Kerja Pentadbiran Keadilan.



Jawatankuasa Tertinggi Pentadbiran Keadilan

Jawatankuasa Tertinggi Pentadbiran Keadilan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2011, iaitu pada 2 Mei 2011 dan 12 Oktober 2011.

Pengerusi:

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Ahli :

- YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Peguam Negara
- Ketua Polis Negara
- Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Pengarah Insolvensi, Jabatan Insolvensi Malaysia
- Ketua Pengarah, Jabatan Bantuan Guaman
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
- Pendaftar Mahkamah Rayuan
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
- Pengerusi Majlis Peguam Malaysia
- Pengerusi Persatuan Undang-Undang Sabah
- Pengerusi Persatuan Peguambela Sarawak
- Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur

Jawatankuasa Kerja Pentadbiran Keadilan

Sepanjang tahun 2011, Jawatankuasa Kerja Pentadbiran Keadilan telah bermesyuarat sebanyak 4 kali iaitu pada 2 Mac 2011, 11 Mei 2011, 27 Julai 2011 dan 24 November 2011.

Pengerusi:

YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Ahli:

- Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
- Pendaftar Mahkamah Rayuan
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
- Ketua Pengarah Insolvensi Jabatan Insolvensi Malaysia
- Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman
- Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Pengarah Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan
- Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara
- Ketua Bahagian Guaman Jabatan Peguam Negara
- Penggubal Undang-Undang Parlimen Jabatan Peguam Negara
- Penasihat Undang-Undang kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
- Pengarah Sekretariat PEMUDAH
- Pengerusi Majlis Peguam Malaysia
- Pendaftar Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur
- Pendaftar Mahkamah Sesyen Selangor



LEMBAGA PENGAMPUNAN BAGI KES-KES KESELAMATAN DAN KES-KES WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA

Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Kes-Kes Keselamatan dan Kes-Kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 8 April 2011 dan 14 Oktober 2011. Sejumlah 29 kes telah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Ahli-ahli Mesyuarat ialah:


- i) YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri;
- ii) YBhg. Tan Sri Abd Gani Patail, Peguam Negara;
- iii) YBhg. Dato' Seri JJ Raj, Dato' Seri Sentosa Setia Diraja;
- iv) YBhg. Prof Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim; dan
- v) YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Bakri Haji Omar.

Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 1/2011 telah diadakan pada 28 Jun 2011 di Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat DYMM Sultan, Pejabat Yang Di-Pertua Negeri-Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia. Mesyuarat ini telah membincangkan isu-isu yang berkenaan dengan Lembaga Pengampunan Negeri secara keseluruhannya.



Ahli-Ahli Mesyuarat sedang meneliti maklum balas yang dibentangkan



Ketua Pengarah BHEUU menandatangani Buku Pelawat semasa lawatan ke Kompleks Penjara Puncak Borneo di Kuching.



BENGKEL ISU-ISU LEMBAGA PENGAMPUNAN NEGERI

Satu Bengkel Isu-Isu Lembaga Pengampunan telah diadakan selama 3 hari iaitu dari 25 sehingga 27 September 2011 bertempat di Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi Kedah. Bengkel tersebut yang telah dihadiri oleh seramai 45 orang pegawai-pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Saripuddin Kasim, Ketua Pengarah BHEUU, JPM. Bengkel ini yang julung kali diadakan merupakan kerjasama di antara BHEUU, JPM dan Jabatan Penjara Malaysia.



Tuan Ramzi Osman dari Mahkamah Persekutuan Malaysia melontarkan idea beliau semasa bengkel Penetapan "Standard Operating Procedure (SOP) Bagi Laporan di Bawah Seksyen 281, Kanun Tatacara Jenayah"



Puan Mahzum Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU menyampaikan taklimat kepada semua peserta Bengkel Isu-Isu Lembaga Pengampunan Negeri



YBhg. Dato' Saripuddin Kasim menyampaikan ucapan semasa Majlis Penutup Bengkel Isu-Isu Lembaga Pengampunan Negeri



Sesi perbincangan bengkel bagi Isu Lembaga Hakim Pelawat



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

BHEUU adalah urus setia yang membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjalankan tugas-tugas berkaitan SUHAKAM. Antara tanggungjawab BHEUU adalah menjadi urus setia kepada pelantikan anggota SUHAKAM, menyediakan Nota Jemaah Menteri mengenai Laporan Tahunan SUHAKAM sebelum Laporan Tahunan SUHAKAM dibentangkan di Parlimen, dan menyelaras maklum balas Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan tahunan SUHAKAM.

Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 telah diedarkan di Parlimen pada 21 Mac 2011 dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kedua Belas Tahun 2011 dan BHEUU telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 tersebut dan mengemukakan isu-isu tersebut kepada semua agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas. BHEUU bertanggungjawab untuk menyelaras maklum balas daripada semua agensi Kerajaan. Laporan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2010 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Jun 2011 dan di Dewan Rakyat pada 8 Julai 2011. Sebanyak 550 naskah Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM telah diedarkan ke Parlimen, SUHAKAM, semua agensi Kerajaan dan perpustakaan awam di seluruh Malaysia.

ANGGOTA SUHAKAM BAGI TEMPOH 2010 - 2013



YBhg. Tan Sri Hasmy Agam



YBhg. Prof. Datuk Dr.
Khaw Lake Tee



Encik Muhammad
Sha'ani Abdullah



YBhg. Prof. Datuk Dr.
Mahmood Zuhdi Hj. A. Majid



Encik James Deva
Nayagam



Ph. Jannie
Lasimbang



Encik Delta Anak Samen



PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT


Pembangunan Dan Penyelenggaraan Sistem

Tahun 2011 merupakan tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat BHEUU 2011 - 2015. Melalui Teras 3 PSTM - Pemantapan Keberkesanan Aplikasi Dan Integriti Maklumat, 19 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2011 di samping projek-projek sambungan dari tahun sebelumnya serta penyelenggaraan sistem.

Aktiviti 2011 Berdasarkan PSTM 2011 - 2015



Aktiviti 2011 (Sambungan)



Peningkatan pengetahuan dan kepakaran kakitangan teknikal amat penting untuk memastikan trend kaedah pembangunan secara dalaman diteruskan. Bagi projek yang kompleks dan besar, BHEUU sedang melaksanakan latihan menggunakan peruntukan *Development and Training Fund* (DTF) dibawah program *Role Base Training For Civil Servant* (RBTCS) yang disediakan dengan kerjasama kerajaan dan Microsoft (M) Sdn. Bhd. Latihan ini berbeza daripada pakej latihan yang biasa disediakan dengan menggunakan *coaching style* dan *on-job training*, berdasarkan skop kerja sebenar di BHEUU.

Selain perkhidmatan atas talian yang disediakan melalui projek eKhidmat, Mdl juga akan menyediakan perkhidmatan iaitu Semakan Status Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat secara atas talian melalui laman web Insovensi (www.insolvensi.gov.my). Serentak dengan pelaksanaan perkhidmatan atas talian ini, format Keputusan Carian Rasmi (KCR) yang baru akan digunakan. Selain daripada perubahan reka bentuk KCR, pelanggan yang membuat carian akan mendapat keputusan status kebangkrapan dan penggulungan syarikat bagi semua kes yang berkaitan mereka.

PORTAL RASMI BHEUU



Portal Rasmi BHEUU telah mendapat penarafan lima (5) bintang dan menduduki kedudukan ke-11 dalam MGPWA 2011. Jadual penuh pecahan markah adalah seperti:

No.	Rank	Portal Name	URL	Pillar								P/W
				Score	Star	C	U	Sec	P	Ser	B	
91	11	Legal Affairs Division	http://www.bheuu.gov.my	93	5	30	32	10	8	7	6	P

Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011 yang dianjurkan oleh MDeC bertujuan untuk membantu agensi meningkatkan kualiti portal dan laman web di samping menggalakkan pengguna kembali akses kepada portal terbabit.



YBhg Dato' KP BHEUU menerima sijil daripada YBhg. Dato' Dr Nor Aliah Bt. Mohd Zahari, Timbalan Ketua Pengarah (ICT), MAMPU di atas kejayaan Portal Rasmi BHEUU mendapat penarafan lima (5) bintang dalam MGPWA 2011

SISTEM PERMOHONAN KELUAR NEGERI ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Sistem Permohonan Keluar Negeri Atas Urusan Persendirian secara atas talian sedang dibangunkan berasaskan Sistem Permohonan Keluar Negara Atas Urusan Rasmi yang telah dibangunkan oleh PAJPM. Pengguna yang bakal menggunakan sistem ini adalah semua pegawai BHEUU, Mdl dan JBG. Tujuan sistem ini dibangunkan adalah bagi memudahkan dan memendekkan jangka masa permohonan pegawai-pegawai khususnya di cawangan-cawangan dalam urusan permohonan keluar negeri di atas urusan persendirian.

Sistem ini dibangunkan secara dalaman oleh pegawai-pegawai STM dan dijangka dapat digunakan pada tahun 2012.

PELAKSANAAN I-BOARD

Sistem Pengurusan Paparan Digital atau lebih dikenali sebagai i-Board merupakan sistem aplikasi web yang menggunakan konsep paparan digital yang memaparkan maklumat secara satu hala dengan menggunakan teknologi rangkaian berwayar (wired) atau tanpa wayar (wireless). i-Board menyokong format media seperti video, audio, animasi dan *streaming*. Pemasangan i-Board di BHEUU telah dilakukan oleh pihak JRC Pro Sdn. Bhd. secara *Proof Of Concept* (POC) pada 6 Oktober 2011 untuk tempoh setahun dan ditempatkan di Lobi Utama Bangunan BHEUU. Format paparan i-Board adalah seperti berikut:

- Video/ montaj;
- Aktiviti BHEUU, Mdl dan JBG;
- Pengumuman; dan
- Informasi.



SISTEM PENGURUSAN KES JABATAN BANTUAN GUAMAN (SPK-JBG)

Sistem Pengurusan Kes Jabatan Bantuan Guaman (CMS-JBG) berfungsi sebagai satu sistem menyimpan, merekodkan dan mengemas kini maklumat setiap kes pelanggan JBG iaitu maklumat pelanggan, tarikh-tarikh penting perjalanan kes, bayaran yang dikenakan serta status terkini kes yang dikendalikan oleh JBG. Sistem ini telah digunakan bermula daripada awal bulan Mei 2009. Bagi memantapkan lagi sistem yang sedia ada, ia ditambah baik dan dinamakan sebagai Sistem Pengurusan Kes Jabatan Bantuan Guaman (SPK-JBG). Projek ini telah ditauliahkan kepada pihak Creative World Industries Sdn. Bhd (CWISB) dengan kos projek sebanyak RM1.095 juta dan tempoh pelaksanaan selama empat belas (14) bulan sehingga November 2012. Penambahbaikan yang akan dilaksanakan ini diharap akan dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan JBG.

Sekitar aktiviti perbincangan *User Requirement Study* (URS) projek SPK-JBG







PELAKSANAAN MIGRASI KE RANGKAIAN 1GOV*NET

Kerajaan telah menetapkan semua agensi kerajaan perlu menggunakan satu (1) rangkaian komunikasi ICT yang terpusat pada tahun 2015. Kenyataan dasar ini telah dizahirkan melalui pelaksanaan inisiatif 1Gov*Net yang telah dilancarkan pada tahun 2010. BHEUU telah dipilih sebagai antara agensi *pilot* di dalam fasa *quick-win* pelaksanaan inisiatif tersebut. Sebanyak 44 buah cawangan BHEUU dan agensi di bawah seliaannya telah dibekalkan dengan talian rangkaian dengan kapasiti minimum jalur lebar 2Mbps.

Fakta Migrasi 1Gov*Net di BHEUU :



Fasa Pelaksanaan Rangkaian 1Gov*Net



PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN RANGKAIAN DAN ICT BHEUU

Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan ICT (SPA) di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah bermula pada 3 Oktober 2011. Tempoh pelaksanaan mengambil masa tiga bulan. Aktiviti penilaian ini terbahagi kepada dua aktiviti utama iaitu *Security Posture Assessment* dan *Network Forensic*.

Security Posture Assessment menjurus kepada penilaian infrastruktur rangkaian, hos dan pelayan (server), aplikasi web dan pangkalan data, penilaian fizikal Pusat Data, semakan Dasar Keselamatan ICT BHEUU, dan juga ujian penembusan secara dalaman dan luaran ke atas rangkaian dan sistem ICT di BHEUU. *Network Forensic* merupakan aktiviti yang dilaksanakan ke atas rangkaian ICT di BHEUU yang bertujuan untuk mengetahui tahap penggunaan jalur lebar, *application behavior*, penyalahgunaan sumber ICT yang disediakan dan lain-lain lagi.






OPERASI DAN BANTUAN TEKNIKAL


Projek Pembangunan Rangkaian Pusat Data

Projek Pembangunan Rangkaian Pusat Data telah dilaksanakan bermula Jun 2011 hingga Oktober 2011. Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk memastikan infrastruktur rangkaian di Pusat Data dapat menyokong peningkatan keperluan dan kapasiti trafik aplikasi serta perkhidmatan sedia ada dan akan datang di BHEUU, Mdl dan JBG. Selain itu, pelaksanaan projek ini juga dapat mewujudkan Pengurusan Pusat Data yang sistematik serta infrastruktur yang menyokong semua aplikasi dan perkhidmatan BHEUU, Mdl dan JBG sentiasa tersedia, kos efektif, efisien dan selamat.

Sebelum



Selepas






Helpdesk BHEUU

Helpdesk BHEUU berperanan sebagai pihak yang bertanggungjawab menerima aduan daripada pengguna di BHEUU, JBG dan Mdl dan disalurkan kepada pihak yang bertanggungjawab bagi tujuan penyelenggaraan dan pembetulan. Berikut merupakan statistik aduan yang diselesaikan bagi tahun 2011.

Peratus Penyelesaian Aduan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2011



Preventive Maintenance (PM)

Aktiviti PM telah dijalankan sepanjang 2011 mengikut zon. Tujuan utama aktiviti ini adalah bagi memastikan peralatan ICT yang sedang digunakan oleh pengguna dapat mencapai tahap penggunaan optimum tanpa sebarang masalah.

Pihak Seksyen Teknologi Maklumat telah ke cawangan-cawangan JBG dan Mdl pada ketentuan berikut:

Bil	Cawangan	Tarikh
1.	Zon Utara (Mdl/JBG Ipoh, Mdl/JBG Taiping, Mdl/JBG Pulau Pinang, Mdl/JBG Kedah, Mdl/JBG Perlis, JBG Langkawi)	18 Mei – 2 Jun 2011
2.	Zon Timur (JBG Raub, JBG Gua Musang, Mdl/ JBG Kota Bharu, Mdl/ JBG Terengganu, Mdl/ JBG Kuantan, Mdl Temerloh)	18 – 30 Mei 2011
3.	Zon Selatan (Mdl/ JBG Johor Bahru, Mdl/ JBG Muar, Mdl JBG Melaka, Mdl/ JBG Negeri Sembilan)	13 – 24 Jun 2011
4.	Zon Sabah (Mdl Sandakan, Mdl Tawau, Mdl/ JBG Kota Kinabalu, JBG Labuan)	11 – 17 Julai 2011
5.	Zon Sarawak (Mdl/ JBG Miri, Mdl/ JBG Sibuan, Mdl/ JBG Kuching)	10 – 19 Oktober 2011



APLIKASI E-KEHAKIMAN

Aplikasi e-Kehakiman merupakan sistem yang dibangunkan untuk mempertingkatkan kecekapan Mahkamah dalam mengendalikan kes-kes perbicaraan. Objektif utama sistem ini ialah untuk memudahkan dan mempercepatkan pengurusan kes dan seterusnya meningkatkan pelupusan kes-kes. Pada tahun 2011, beberapa projek baru telah dirancang dan sedang dalam pelaksanaan untuk memperkukuh aplikasi e-Kehakiman sedia ada. Antara projek-projek baru untuk tahun ini yang sedang dilaksanakan adalah:

Bil.	Projek
1.	Konsolidasi Rangkaian <i>Local Area Network</i> (LAN) di 95 Mahkamah Semenanjung
2.	Pembangunan dan implementasi <i>Radio Frequency Identification</i> (RFID) di Mahkamah Sabah dan Sarawak
3.	Perluasan penggunaan Sistem Transkripsi dan Rakaman Mahkamah (CRT) di Mahkamah Semenanjung

Aktiviti e-Kehakiman (Semenanjung, Sabah dan Sarawak)

18 Mei 2011- YB Datuk Liew Vui Keong telah turun padang meninjau pelaksanaan Sistem eFiling di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur (KMKL).



YB Datuk Liew Vui Keong bertanyakan pandangan pengguna yang berkongsi pengalaman mereka terhadap pelaksanaan Sistem eFiling di KMKL.



YB Timbalan Menteri melihat sendiri kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak Mahkamah dalam melaksanakan Sistem eFiling.

29 Jun 2011- YB Datuk Liew Vui Keong telah melancarkan Majlis Penyerahan Projek e-Kehakiman Mahkamah-Mahkamah Sabah Dan Sarawak, di Kuching Sarawak. Majlis juga dapat disaksikan secara lintas langsung di Kota Kinabalu, Sabah melalui perkhidmatan *video conferencing*.



Suasana semasa pelancaran majlis.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

KURSUS DAN LATIHAN

Pada tahun 2011, sebanyak 28 kursus/latihan telah dianjurkan dengan penglibatan pegawai BHEUU, Mdl dan JBG daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan. Kursus-kursus yang telah dianjurkan menjurus kepada penekanan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran pegawai secara umum dan khusus serta pembangunan nilai sikap yang positif.

RAKAN PEMBIMBING (RP)

Kursus Asas Kemahiran Kaunseling Peringkat 1 dan 2 yang dianjurkan telah berjaya melahirkan 15 orang Rakan Pembimbing (RP) yang terdiri daripada pegawai BHEUU, Mdl dan JBG. Pegawai-pegawai ini telah menerima tauliah dalam Majlis Pentauliah Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) pada Disember 2011 di mana mereka akan turut memberi sumbangan dalam memberi bimbingan kepada pegawai di dalam Jabatan.

PROGRAM PERKONGSIAN ILMU

Selain daripada itu, Program Perkongsian Ilmu yang melibatkan pegawai Gred 41 hingga 44 telah dilaksanakan sebanyak 7 sesi. Program ini merupakan salah satu usaha awal BHEUU dalam memupuk budaya pembelajaran dalam organisasi (*Learning Organisation*).

KEPERLUAN KURSUS SEKURANG-KURANGNYA 7 HARI

Bagi tahun 2011, seramai 208 orang pegawai/kakitangan BHEUU telah memenuhi keperluan 100% keperluan kursus sekurang-kurangnya 7 hari sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

LATIHAN ASAS KESELAMATAN KEBAKARAN DI BALAI BOMBA CYBERJAYA

BHEUU dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menganjurkan Latihan Asas Keselamatan Kebakaran pada 9 Mac 2012 bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat, Cyberjaya. Seramai 42 orang Pegawai Keselamatan Kebakaran (PKK) dari BHEUU, Mdl dan JBG telah mengambil bahagian dalam latihan tersebut. Latihan asas ini adalah merupakan langkah awal bagi memantapkan keupayaan Pasukan Keselamatan Kebakaran secara menyeluruh mengenai aspek pencegahan kebakaran, memberikan pendedahan serta memahami tentang keperluan keselamatan di tempat kerja khususnya bahaya-bahaya kebakaran dan keselamatan yang tidak dijangka.

Objektif latihan ini diadakan adalah untuk:

- Memberi pengetahuan tentang aspek keselamatan kebakaran di bangunan khususnya di tempat kerja;
- Kemahiran menggunakan peralatan kebombaian dan sistem menentang kebakaran yang terdapat di bangunan dan ditempat kerja;
- Memahami tugas dan tanggungjawab PKK kepada jabatan dalam aspek keselamatan pencegahan kebakaran.



Pegawai latihan menerangkan jenis dan cara-cara menggunakan peralatan kebakaran



Latihan pendedahan mengenai cara-cara menggunakan 'hose' api



Aksi salah seorang PKK memadam api menggunakan 'hose'



LATIHAN PENGOSONGAN BANGUNAN (FIRE DRILL) DI BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Latihan Pengosongan Bangunan (Fire Drill) di Bangunan Hal Ehwat Undang-Undang telah diadakan dengan jayanya pada 4 Mei 2011 dengan kerjasama Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (Cawangan Putrajaya) bermula jam 4.00 petang. Latihan Pengosongan Bangunan bermula dengan loceng amaran dibunyikan dan semua warga bangunan diarahkan berkumpul di perkarangan padang di hadapan Masjid Tuanku Mizan, Presint 3. Sesi latihan ini mendapat kerjasama yang memuaskan daripada warga bangunan dengan bantuan Pasukan Keselamatan Kebakaran yang dilantik di kalangan pegawai BHEUU, Mdl dan JBG.



Warga bangunan sedang mengosongkan bangunan




Warga bangunan sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai JBPM

PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

HRMIS merupakan salah satu Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam yang berobjektifkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz perkhidmatan awam yang berkesan melalui maklumat pengurusan sumber manusia, mengautomatiskan proses operasi pengurusan sumber manusia, membangunkan maklumat sumber manusia yang bersepadu untuk tujuan perancangan sumber manusia yang berkesan serta menyediakan satu sistem maklumat sumber manusia yang terbuka dan fleksibel serta kemas kini bagi memenuhi keperluan pengurusan di pelbagai peringkat agensi.

Peratus Pengemaskinian Modul dan Submodul HRMIS Sehingga 31 Disember 2011





PENGURUSAN KEWANGAN

Bajet Mengurus Tahun 2011 diluluskan untuk tiga (3) aktiviti di bawah program Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang berjumlah RM111,727,147.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2011, adalah sebanyak RM111,498,929.79 [99.79%]. Perbelanjaan ini turut melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM8,727,147 [8.47%] dan tiada AP58 yang direkodkan.

Bajet Pembangunan Tahun 2011 yang diluluskan adalah sebanyak RM111,702,956.00. Manakala jumlah pencapaian perbelanjaan sebenar adalah RM106,813,922.33 [95.62%]. Perbelanjaan projek bukan fizikal yang telah dilaksanakan dalam tahun 2011 adalah sebanyak RM23,344,720.46 [22%]. Manakala projek pembangunan fizikal melibatkan perbelanjaan sebanyak RM83,469,201.87 [78%].

Sejumlah 2808 baucar tuntutan bayaran bernilai RM77,841,681.24 telah diluluskan daripada peruntukan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan dan tiada bil yang diselesaikan pembayaran melebihi tempoh 14 hari.

PENGURUSAN ORGANISASI

PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)

BHEUU bertanggungjawab dalam menyelaras kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor bagi cawangan-cawangan Mdl dan JBG di bangunan swasta.

Sepanjang tahun 2011, BHEUU telah memproses perlanjutan serta penyewaan baru ruang pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) seperti berikut:

PENYEWAAN RUANG PEJABAT BARU (3 TAHUN)

Cawangan-cawangan Mdl	Cawangan-cawangan JBG
<ul style="list-style-type: none"> • Muar • WPKL • Ipoh • Taiping • Kuantan • Perlis • Kota Bharu • Sandakan • Tawau 	<ul style="list-style-type: none"> • Johor • Muar • Selangor • Kota Bharu • Labuan
Cawangan-cawangan Mdl	Cawangan-cawangan JBG
<ul style="list-style-type: none"> • Terengganu 	<ul style="list-style-type: none"> • Sibul • Terengganu • Perlis



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK), BHEUU

Pada tahun 2011, Mesyuarat JKPAK BHEUU telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 13 Januari, 14 April, 14 Julai dan 13 Oktober 2011. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dan dihadiri bersama wakil setiap Seksyen/Unit, Mdl, JBG antara keputusan dan tindakan yang telah diambil ialah melaksanakan pelupusan aset dan stok BHEUU. Pada 27 Jun 2011, sebanyak 5 item harta modal berjumlah 36 unit dengan harga asal RM10,012.00 telah dilupuskan secara Musnah dan Jualan Sisa. Pada 15 April dan 27 Jun 2011, sebanyak 51 item stok berjumlah 13,419 unit dengan harga asal RM45,252 telah dilupuskan secara Pindahan, Musnah dan Jualan Sisa. Pelupusan aset dan stok dilaksanakan sebagai memenuhi objektif dan justifikasi pelupusan yang terkandung di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri.

PEMBUDAYAAN INOVASI

Sepanjang tahun 2011, selari dengan aspirasi pucuk pimpinan Negara, BHEUU telah menganjurkan beberapa program untuk membudayakan inovasi seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
Penubuhan Jawatankuasa Kerja Inovasi (JKIn)	Januari	BHEUU
Perwujudan Laman Facebook Rasmi BHEUU-sebagai alternatif kepada pelanggan dalam berkomunikasi dengan Jabatan	Januari	
Pelaksanaan & Pensijilan Amalan 5S	April-Oktober	
Pelaksanaan & Pensijilan MS ISO 9001:2008	Mei-Disember	
Projek Voice It Out (V.I.O)	Mei	
Program RePerflx BHEUU	Julai	Impiana Resort, Cherating
Ceramah Inovasi sempena Hari Inovasi Perkhidmatan Awam	November	BHEUU
Projek Cetusan Idea@Inovasi & Pengiktirafan	Sepanjang tahun	



Pelaksanaan dan Pensijilan Amalan 5S



Program RePerflx





PROJEK INOVASI *NOTE OF PROCEEDING (NOP) 10 IN 1 STRIKE*

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah menyertai Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2010 yang telah diadakan pada 8 Februari 2011. Projek yang dipertandingkan merupakan projek Penyediaan Nota Prosiding melalui Konsep NOP 10 in 1 Strike, projek ini merupakan aplikasi berasaskan web yang digunakan oleh pengguna Mahkamah Sabah dan Sarawak untuk menghasilkan nota prosiding dalam bentuk templat bagi sebutan kes jenayah dan sivil. Projek *NOP 10 in 1 Strike* ini telah dimasukkan dalam Bank Inovasi Sektor Awam (BISA).

Penghasilan NOP 10 in 1 Strike ini banyak memberi manfaat dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tugas Mahkamah terutama bagi pengurusan dan penyediaan nota prosiding. NOP 10 in Strike ini juga bukan jalan pintas untuk mempercepatkan pembicaraan dengan menafikan hak bersuara tetapi ia dilaksanakan tanpa menjejaskan hak-hak asasi bagi seorang tertuduh atau pihak di dalam prosiding. Kesan inovasi atau penambahbaikan yang diperolehi hasil penggunaan projek ini adalah seperti berikut:

- Penjimatan masa;
- Proses kerja sistematik;
- Penjimatan kos kerana aplikasi ini adalah berasaskan laman web;
- Penggunaan sumber manusia diminimumkan;
- Maklumat mengenai tertuduh dan pertuduhan lebih lengkap di dalam Nota Prosiding; dan
- Modul aplikasinya adalah berkonsep mesra pengguna.

SEBELUM <i>NOP 10 IN 1 STRIKE</i>	SELEPAS <i>NOP 10 IN 1 STRIKE</i>
<ul style="list-style-type: none"> • 10 langkah untuk 1 kes • 15 minit untuk 1 kes 	<ul style="list-style-type: none"> • 8 langkah untuk 10 kes • 15 minit untuk 10 kes





HUBUNGAN MAJIKAN-PEKERJA


MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) BHEUU telah berjaya menjadi medan perbincangan di antara Pihak Pengurusan BHEUU, Mdl dan JBG serta Wakil Pekerja MBJ yang mewakili warga BHEUU, Mdl dan JBG termasuk di cawangan-cawangan. Perbincangan menjurus kepada mencapai kepentingan pembangunan organisasi melalui percambahan idea dan inovasi, pembangunan kerjaya dan latihan, kemudahan dan kebajikan, pengiktirafan dan memantapkan lagi semangat kekitaan di BHEUU, Mdl dan JBG.

Wakil Pekerja MBJ BHEUU bagi sesi Ogos 2010 hingga Julai 2012 menampilkan barisan Wakil Pekerja MBJ yang terdiri daripada 25 orang pegawai yang dipilih melalui kaedah pencalonan di mana Wakil Pekerja yang dilantik adalah mewakili Ibu Pejabat (mengikut Kumpulan Perkhidmatan) serta Cawangan Mdl dan JBG (mengikut Zon). Sepanjang tahun 2011, MBJ BHEUU telah berjaya melaksanakan 4 kali mesyuarat iaitu pada 9 Mac 2011, 19 Jun 2011, 21 September 2011 dan 8 Disember 2011. YBhg. Dato' Saripuddin Kasim, mantan Ketua Pengarah telah mempengerusikan Mesyuarat MBJ Bil.2/2011 manakala Puan Mahzum binti Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) serta Tuan Haji Adnan bin Ibon, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) telah mempengerusikan 3 siri mesyuarat bagi menggantikan Ketua Pengarah yang mempunyai komitmen rasmi yang lain ketika itu.

Sebanyak 33 isu telah dikemukakan oleh Wakil Pekerja MBJ sepanjang tahun 2011 dan sebahagian besar isu yang melibatkan keputusan Pihak Pengurusan BHEUU, Mdl dan JBG telah berjaya diselesaikan segera. Manakala bagi isu yang melibatkan dasar atau keputusan pihak luar seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), isu berkenaan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Status penyelesaian isu-isu berkenaan telah dimuat naik ke dalam Intranet di laman web BHEUU.

Pecahan Usul-Usul Wakil Pekerja MBJ Tahun 2011 Mengikut Kategori





KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN BHEUU (KSK BHEUU)

Pada tahun 2011, KSK BHEUU meneruskan tradisi untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dalam menjaga kebajikan Ahli KSK BHEUU keseluruhannya. Berkat kepimpinan Jawatankuasa Induk dan sokongan serta dorongan yang tidak berbelah bagi daripada semua Ahli KSK BHEUU, maka pada tahun 2011, KSK BHEUU berjaya melaksanakan program-program yang merangkumi bidang sukan, kebajikan, sosial, pendidikan dan keagamaan. Di samping itu, KSK BHEUU juga menunjukkan kecemerlangan dalam setiap aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Kelab Sukan seperti MAKSZIP, Kelab Bukit Perdana dan lain-lain Kelab Sukan yang berdaftar.



PUSPANITA BHEUU

PUSPANITA di bawah kepimpinan YBhg. Datin Ruzaina binti Wan Haniff telah berjaya melaksanakan pelbagai program menarik melalui Biro Kebajikan Agama dan Keahlian, Biro Keusahawanan, Biro Pendidikan, Biro Kepenggunaan dan Perundangan, Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga, Biro Pembangunan Alam Bina dan Bestari, Biro ICT dan Seranta. Program-program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli dan berkongsi pengalaman untuk meningkatkan kecemerlangan diri.





PENGURUSAN PELANGGAN

PAMERAN SEMPENA HARI BELIA NEGARA 2011

Hari Belia Negara 2011 telah berlangsung pada 27 hingga 29 Mei 2011. BHEUU telah mengambil bahagian dalam Pameran Interaktif Segmen Modal Insan. Sepanjang tempoh pameran tersebut, *booth* BHEUU telah dibuka dari jam 10 pagi hingga jam 10 malam. Antara promosi yang dijalankan adalah berkenaan Pembaharuan Undang-Undang, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Pemerbadanan Yayasan.



Ruang Pameran Bahagian Hal Ehwai Undang-Undang



Ketua Pengarah BHEUU melawat ke ruang pameran BHEUU pada Hari Belia Negara 2011



Pegawai-pegawai BHEUU sedang memberi penjelasan mengenai fungsi BHEUU kepada pengunjung ruang pameran



Aktiviti menjawab kuiz sedang dijalankan oleh petugas kepada pengunjung ruang pameran



UNIVERSITY OF ALABAMA
SYSTEM
OFFICE OF THE CHANCELLOR
101 W. UNIVERSITY BLVD.
TUSCALOOSA, AL 35686-0001
(205) 885-5000



JABATAN BANTUAN GUAMAN



LAPORAN TAHUNAN JBG 2011

PETIKAN DARIPADA TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA SEMPENA MAJLIS PELANCARAN YAYASAN BANTUAN GUAMAN KEBANGSAAN PADA 25 FEBRUARI 2011 – “Penubuhan YBGK merupakan pelengkap kepada perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman dan Legal Aid Centre oleh Majlis Peguam Malaysia”.

PENGURUSAN TERTINGGI



Puan Siti Zawahir binti Mohamed
Ketua Pengarah Bantuan Guaman



Tuan Haji Sapini bin Mat Saman
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)
(sehingga 30.11.2011)



Tuan Wan Jeffry bin Kassim
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)
(mulai 1.12.2011)



Tuan Mohd Nadzri bin Abd Rahman
Timbalan Ketua Pengarah
Syariah



SEPINTAS LALU PENUBUHAN JABATAN BANTUAN GUAMAN

Biro Bantuan Guaman (BBG) telah ditubuhkan pada September 1970 melalui Ordinan No.39 [Kuasa-Kuasa Perlu] Darurat 1970 [P.U.(A) 257/1970]. Pada awal penubuhannya, perkhidmatan yang diberikan terhad kepada kes kekeluargaan yang lebih memerlukan bantuan segera seperti kes tuntutan nafkah, penguatkuasaan perintah nafkah, perceraian dan jagaan anak bagi orang Islam dan bukan Islam. Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] yang mula berkuat kuasa pada 30 April 1971 telah memansuhkan Ordinan No. 39 [Kuasa-Kuasa Perlu] Darurat 1970. Selain kes kekeluargaan sivil dan Syariah, BBG juga mengendalikan kes sivil pelbagai lain seperti kes kemalangan, sewaan, pentadbiran harta pusaka, tuntutan pengguna, anak angkat, kes di bawah Akta Sewa Beli 1967, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967.



Pada 16 Januari 2010, secara rasminya nama Biro Bantuan Guaman telah ditukar kepada Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

Fungsi utama JBG adalah untuk –

- memberi nasihat guaman dalam semua perkara undang-undang
- mewakili atau memberi bantuan guaman di mahkamah dalam semua perkara yang termasuk dalam bidang kuasa
- memberi khidmat pengantaraan
- memberi penerangan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat

VISI, MISI DAN OBJEKTIF JBG

Visi JBG adalah untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran dan keadilan.

VISI

Misi JBG adalah memberikan perkhidmatan bantuan guaman dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan.

MISI


Objektif JBG adalah memberi bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan.

OBJEKTIF




CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI IBU PI





JABATAN BANTUAN GUAMAN





PERJAWATAN

Sehingga Disember 2011, terdapat 475 perjawatan di JBG iaitu sebanyak 2 jawatan bagi Pengurusan Tertinggi, 82 jawatan bagi Pengurusan dan Profesional, 323 jawatan bagi Sokongan I dan 68 jawatan bagi Sokongan II. Sebanyak 454 (95.6%) jawatan telah diisi manakala 21 (4.4%) jawatan lagi masih kosong.

PENYATA PERJAWATAN/PENGISIAN/KEKOSONGAN						
JABATAN BANTUAN GUAMAN						
Malaysia						
(SEHINGGA 31.12.2011)						
BIL.	JAWATAN	GREED	JAWATAN	ISI	KOSONG	CATATAN
1	Pegawai Undang-Undang	VU6	1	1	0	Kader Jabatan Peguam Negara
2	Pegawai Undang-Undang	VU7	1	1	0	Kader Jabatan Peguam Negara
3	Pegawai Syariah	LS54	1	1	0	Kader Jab. Kehakiman Syariah Malaysia
4	Pegawai Undang-Undang	L52	8	8	0	Kader Jabatan Peguam Negara
5	Pegawai Undang-Undang	L48	7	4	3	Kader Jabatan Peguam Negara (Kekosongan 2 di Ibu Pejabat 1 di Sarawak)
6	Pegawai Syariah	LS48	2	2	0	Kader Jab. Kehakiman Syariah Malaysia
7	Pegawai Undang-Undang	L44/L41	8	8	0	Kader Jabatan Peguam Negara
8	Pegawai Syariah	LS44	12	8	4	Kader Jab. Kehakiman Syariah Malaysia (kekosongan 1 di Kedah 1 Pahang 1 Sabah 1 Perak)
9	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	1	1	0	
10	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	1	0	
11	Pegawai Undang-Undang	L41	22	19	3	Kader Jabatan Peguam Negara (Kekosongan 1 di Sarawak, 1 Melaka, 1 N.Sembilan)
12	Pegawai Syariah	LS41	20	20	0	Kader Jab. Kehakiman Syariah Malaysia
13	Penolong Pegawai Undang-Undang	L38	15	13	2	(Kekosongan 1 di Kelantan 1 Langkawi)
14	Penolong Pegawai Undang-Undang	L32	20	17	3	(Kekosongan 1 N.Sembilan 1 Ibu Pejabat 1 Terengganu)
15	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0	
16	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29/F32	2	2	0	
17	Penolong Pegawai Perpustakaan	S27/S32	1	1	0	Kader Jabatan Perpustakaan Negara
18	Penolong Pegawai Undang-Undang	L29/L32	35	34	1	(Kekosongan 1 di Gua Musang)
19	Penolong Pegawai Syariah	LS27/LS32	35	35	0	Kader Jab. Kehakiman Syariah Malaysia
20	Penolong Akauntan	W27/W32	1	1	0	Kader Jabatan Akauntan Negara
21	Penolong Pegawai Tadbir	N27/N32	5	5	0	
22	Pem.Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N27/28/N32	3	3	0	
23	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	9	9	0	
24	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0	



BIL.	JAWATAN	GREDE	JAWATAN	ISI	KOSONG	CATATAN
25	Juruteknik Komputer	FT17/FT22	1	1	0	
26	Pembantu Tadbir (Undang-Undang)	L17/L22	26	26	0	Kader Pej.Ketua Pendaftar Mahkamah
27	Pembantu Perpustakaan	S17/S22	1	1	0	Kader Jabatan Perpustakaan Negara
28	Pembantu Setiausaha Pejabat (KUP)	N17/N22	0	0	0	Jawatan jumud
29	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17/W22	20	19	1	(Kekosongan 1 di Ibu Pejabat)
30	Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	113	112	2	(Kekosongan 1 Taiping 1 Perak)
31	Pembantu Syariah	LS17/LS22	34	34	0	Kader Jab. Kehakiman Syariah Malaysia
32	Pembantu Tadbir (KUP) N17	N11/N14	6	6	0	
33	Penghantar Notis	N3/N12	21	19	2	(Kekosongan 1 di Muar 1 WP Labuan 1 jumud Kelantan)
34	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3/R6	5	5	0	
35	Pembantu Am Pejabat	N1/N4	36	36	0	
	JUMLAH KESELURUHAN JBG		475	454	21	

SENARAI PEGAWAI DAN KAKITANGAN BERSARA BAGI TAHUN 2011

BIL.	NAMA	JAWATAN/ GREDE	ALAMAT BERTUGAS	TARIKH BERSARA	CATATAN
1.	Zaiton binti Mohd Rashid	PT P(O)/ N17	JBG Negeri Sembilan	25.01.2011	
2.	Gajalaxmi a/p Rengasamy	PPUU/ L29	JBG Wilayah Persekutuan KL	23.02.2011	
3.	Khadijah binti Darus	PT (P/O)/ N22 (KUP)	JBG Kedah	16.03.2011	
4.	Wan Mohd Fathi bin Wan Abdullah	PPUU/ L38	JBG Langkawi	01.04.2011	Bersara pilihan
5.	Esah binti Ayob	PT (P/O)/ N17	JBG Kedah	05.05.2011	
6.	Abd Raman bin Md. Isa	PT (P/O)/ N22 (KUP)	JBG Kedah	28.09.2011	Bersara pilihan
7.	Nor Hayati binti Arif	PT (P/O)/ N22	JBG Perak	26.10.2011	
8.	Ramli bin Ahmad	PT (P/O)/ N22 (KUP)	JBG Perak	01.11.2011	
9.	Sharifah Bee binti Bakar	PT (KEW)/ W22 (KUP)	JBG Ibu Pejabat	02.11.2011	
10.	Yuzeri bin Hj Ali Musa	PT (P/O)/ N22 (KUP)	JBG Taiping	22.12.2011	



PERJAWATAN PEGAWAI YANG BERGUAM DI MAHKAMAH

BIL.	NAMA JAWATAN	JUMLAH PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	PEGAWAI UNDANG-UNDANG	47	41	6
2.	PEGAWAI SYARIAH	35	31	4
3.	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG	70	64	6
4.	PENOLONG PEGAWAI SYARIAH	35	35	0
	JUMLAH	187	172	15





BILANGAN MAHKAMAH SIVIL (MENGIKUT DAERAH KECUALI WP KUALA LUMPUR MENGIKUT DEWAN)

Negeri	Mahkamah Tinggi	Mahkamah Sesyen	Mahkamah Majistret	Jumlah
Johor	2	5	9	16
Kedah	1	2	12	15
Kelantan	1	2	11	14
Melaka	1	1	3	5
Negeri Sembilan	1	2	8	11
Pahang	2	4	11	17
Perak	2	3	19	24
Perlis	1	1	1	3
Pulau Pinang	1	7	8	16
Sabah	3	3	20	26
Sarawak	4	3	7	14
Selangor	1	10	15	26
Terengganu	1	2	7	10
WP Kuala Lumpur	20	23	23	66
JUMLAH	41	68	154	263

BILANGAN MAHKAMAH SYARIAH

Negeri	Mahkamah Tinggi	Mahkamah Rendah	Jumlah
Johor	5	9	14
Kedah	2	10	12
Kelantan	1	10	11
Melaka	1	3	4
Negeri Sembilan	1	7	8
Pahang	4	13	17
Perak	9	15	24
Perlis	2	2	4
Pulau Pinang	2	5	7
Sabah	5	11	16
Sarawak	6	10	16
Selangor	3	12	15
Terengganu	2	3	5
WP Kuala Lumpur	4	4	8
JUMLAH	47	114	161



LAPORAN KEWANGAN

Peruntukan dan jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2011

Sepanjang tahun 2011, sebanyak RM 19,446,860.00 telah diperuntukkan kepada JBG. Sebanyak RM 19,337,390.92 telah dibelanjakan iaitu mencatatkan sebanyak 99% daripada jumlah peruntukan yang telah diberikan. Baki peruntukan hanyalah mencatatkan jumlah sebanyak RM 109,469.08 (1%).



Bengkel/Latihan Outcome Based Budgeting (OBB)

Outcome Based Budgeting (OBB) merupakan sistem belanjawan yang lebih menurus kepada pencapaian keberhasilan yang sedang dalam proses pelaksanaan oleh Kerajaan. Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang giat membangunkan Kerangka Keberhasilan (Results Framework) di semua Kementerian dengan penglibatan "*trainers*" yang telah dilantik di peringkat agensi masing-masing. Sehubungan dengan itu, beberapa sesi bengkel/latihan telah dianjurkan yang melibatkan pegawai JBG seperti yang berikut:

Sesi pertama – Bengkel Strategic Programming Untuk Pelaksanaan Outcome Based Budgeting, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 25 hingga 27 April 2011, bertempat di Pusat Kovensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Sesi kedua – Makmal Khas Penyediaan Draf Untuk Pelaksanaan Outcome Based Budgeting, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 31 Oktober hingga 1 November 2011, bertempat di Hotel Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan.

Sesi ketiga – Makmal Primer Downline Training Untuk Pelaksanaan Outcome Based Budgeting, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 19 hingga 23 Disember 2011 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam.

Wakil JBG khusyuk mendengar taklimat berkenaan dengan persediaan templat PPMF dan APMF semasa Makmal Primer Downline Training Untuk Pelaksanaan Outcome Base Budgeting yang telah diadakan di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam pada 19 hingga 23 Disember 2011.





PEMBANGUNAN PORTAL JBG

Bermula dari Januari 2011, laman web JBG yang merupakan medium penting dalam penyaluran maklumat mengenai jabatan dan perkhidmatan melalui alam siber telah dinaikkan taraf kepada portal JBG. Portal ini sepenuhnya berada di bawah penyelenggaraan Unit Teknologi Maklumat JBG. Isi kandungan dan skop bahan yang dimuat naik ke dalam portal adalah berdasarkan kepada spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Malaysia Development Corporation (MDeC).



Hasil usaha Unit Teknologi Maklumat JBG dan dengan kerjasama Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal Rasmi, portal JBG telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang daripada MDeC berdasarkan penilaian yang dilaksanakan oleh badan tersebut ke atas portal Jabatan ini pada tahun 2011.

TAHNIAH ★★★★★
Portal JBG mendapat pengiktirafan 5 bintang
dalam Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA 2011)



A. PENYELIDIKAN DAN DASAR

1. Cadangan Pemerluasan Bidang Kuasa Sivil dan Syariah Jabatan Bantuan Guaman (JBG)

Kesinambungan daripada usaha untuk meluaskan bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman yang telah dimulakan sejak tahun 2010, Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah menyediakan kertas makluman berkaitan dengan cadangan tersebut untuk dikemukakan kepada YB Menteri. Cadangan ini melibatkan pindaan kepada bidang kuasa sivil berkenaan dengan permohonan nafkah, pengambilan anak angkat dan pentadbiran harta pusaka di Sabah dan Sarawak supaya dapat diselaraskan dengan bidang kuasa sedia ada di Semenanjung Malaysia disebabkan oleh pemakaian Akta dan Ordinan yang berbeza. Bidang kuasa Syariah pula meliputi prosiding yang berhubungan dengan ganti rugi pertunangan, hutang perkahwinan, alang semasa hidup (hibah) dan wasiat yang berkait rapat dengan bidang kuasa sedia ada dalam hal ehwal perundangan Syariah. Suatu taklimat berkaitan dengan cadangan pemerluasan bidang kuasa sivil dan Syariah telah diberikan kepada YB Menteri semasa Lawatan Kerja YB Menteri ke Kuching pada 28 April 2011. Pemerluasan bidang kuasa sivil dan Syariah ini telah diwartakan pada 30 Disember 2011 [P.U.(A)] dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

2. Penyediaan Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) dan (Pentadbiran)

Bagi menambah baik sistem penyampaian Jabatan yang meliputi penyelarasan pelaporan statistik kes dan pencapaian piagam pelanggan, aduan dan maklum balas pelanggan serta pengendalian kes, Bahagian Penyelidikan dan Dasar telah membantu Ketua Pengarah menyediakan dan mengeluarkan 7 Arahan Ketua Pengarah sepanjang tahun 2011 iaitu dua Arahan Ketua Pengarah yang melibatkan hal perundangan dan lima lagi berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran.

Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Arahan	Tarikh Kuat Kuasa
1.	Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) Bil.1 Tahun 2011 Permohonan Bantuan Guaman Bagi Pemohon Yang Mempunyai Sumber Kewangan Melebihi RM30 000.00 Setahun	6 Julai 2011
2.	Arahan Ketua Pengarah (Perundangan) Bil.2 Tahun 2011 Permohonan Bantuan Guaman Bagi Kes Pengesahan Cerai	1 Ogos 2011



Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Arahan	Tarikh Kuat Kuasa
1.	Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil.1 Tahun 2011 Laporan Bulanan Statistik Pendaftaran Dan Penyelesaian Kes Jabatan Bantuan Guaman	1 April 2011
2.	Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil.2 Tahun 2011 Aduan Kepada Jabatan Bantuan Guaman	25 Mac 2011
3.	Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil.3 Tahun 2011 Garis Panduan Pematuhan Piagam Pelanggan	13 Mei 2011
4.	Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil.4 Tahun 2011 Borang Maklum Balas Pelanggan Jabatan Bantuan Guaman	1 Jun 2011
5.	Arahan Ketua Pengarah (Pentadbiran) Bil.5 Tahun 2011 Iklan Penyampaian Ganti	14 Julai 2011

3. Analisis Laporan Penilaian Prestasi Pertengahan Tahun Jabatan Bantuan Guaman

Pada pertengahan 2011, Ibu Pejabat JBG telah menjalankan penilaian prestasi Jabatan yang melibatkan 22 Cawangan JBG. Penilaian prestasi ini membentangkan data suku tahun pertama dan kedua berkaitan dengan prestasi JBG di seluruh negara berhubung dengan pendaftaran dan penyelesaian kes mengikut kategori, khidmat nasihat, kes yang mendapat pengecualian Menteri dan pengantaraan. Maklumat yang diperolehi daripada penilaian ini akan digunakan sebagai input untuk menganalisis prestasi setiap Cawangan, menggubal dasar dan merancang pelan strategik Jabatan serta melaksanakan dan memantau program berkaitan dengan fungsi utama Jabatan.

4. Penyediaan Maklum Balas dan Kertas Kerja Berkaitan Dengan Dasar Dan Perundangan Jabatan

Bahagian Penyelidikan dan Dasar berperanan dalam menyediakan maklum balas dan apa-apa kertas berkaitan dengan dasar dan perundangan Jabatan. Pada tahun 2011, Bahagian ini telah menyediakan maklum balas untuk –

- Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pentadbiran Keadilan,
- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pentadbiran Keadilan,
- Mesyuarat Pasca Jemaah Menteri,
- Mesyuarat Ketua Jabatan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.



Bahagian ini juga menyediakan maklum balas untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Peguam Negara dalam hal yang menyentuh isu kekeluargaan. Selain itu, JBG juga telah menyediakan Kertas Makluman Berkaitan Dengan Pemerluasan Bidang Kuasa Sivil dan Syariah JBG dan "Video Conferencing" di JBG Cawangan Sabah dan Sarawak. JBG juga membantu BHEUU dalam persediaan Pelancaran Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan menyediakan maklum balas berkaitannya. Bahagian ini juga terlibat dengan kajian penyelidikan berkaitan dengan *Problem and Challenges in the Enforcement of Child Maintenance Order* dan laporan oleh Kumpulan Kerja Berkaitan Penahanan Arbitrari (*Working Group On Arbitrary Detention*) yang telah dijalankan oleh Jabatan Peguam Negara.

B. KES YANG DIKENDALIKAN OLEH JBG


1. Pengendalian Kes Jenayah

JBG mengendalikan kes jenayah dengan mewakili tertuduh yang ingin mengaku salah dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan. Di samping itu, JBG juga mengendalikan prosiding jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. Bagi 2011, bilangan kes jenayah yang dikendalikan ialah 1,619 kes.


2. Pengendalian Kes Sivil

Berdasarkan statistik 2011, sebanyak 3,738 kes telah didaftarkan di JBG. Kes kekeluargaan mencatatkan jumlah kes yang tertinggi yang didaftarkan iaitu sebanyak 3,391 kes (91%) berbanding dengan kes sivil pelbagai yang hanya mencatat sebanyak 347 kes (9%).

Statistik Kes Sivil Mengikut Kategori Yang Didaftarkan Di Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2011



Statistik Kes Kekeluargaan Sivil dan Kes Sivil Pelbagai Yang Didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2011







3. Pengendalian Kes Syariah

Jumlah kes Syariah yang didaftarkan di JBG bagi tahun 2011 adalah sebanyak 9,853 kes. Daripada jumlah tersebut, didapati 45.61% ialah kes berhubung dengan perceraian, 27.48% ialah kes berhubung dengan nafkah, 12.98% ialah kes berhubung dengan hadanah, 5.17% ialah kes berhubung dengan harta sepencarian manakala bakinya ialah 8.76% ialah kes berhubung dengan tuntutan lain. Statistik pengendalian kes Syariah adalah seperti di bawah ini.

Statistik Kes Kekeluargaan Syariah Yang Didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2011





C. KES PENGECUALIAN MENTERI (SIVIL DAN SYARIAH)

Sepanjang 2011, sebanyak 137 permohonan bagi mendapatkan pengecualian Menteri telah diterima oleh Ibu Pejabat. Sebanyak 5 permohonan ditolak daripada jumlah keseluruhan permohonan. 43 permohonan merupakan kes di luar bidang kuasa manakala 94 permohonan lagi merupakan kes di mana pendapatan melebihi 30 ribu.

**STATISTIK PERKEMBANGAN KES SIVIL / SYARIAH YANG MENDAPAT KELULUSAN MENTERI
DI BAWAH SUBSEKSYEN 12 (3) AKTA 26 BAGI JANUARI 2011-DISEMBER 2011**


CAWANGAN	PERMOHONAN OLEH CAWANGAN				JUMLAH PERMOHONAN	PERMOHONAN DIHANTAR KE IBU PEJABAT		JUMLAH PERMOHONAN DITOLAK	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN
	KES KELUARGA SYARIAH	KES KELUARGA SIVIL	KES SIVIL	KES JENAYAH		KES LUAR BIDANG KUASA	KES PENDAPATAN MELEBIHI 30 RIBU		
PUTRAJAYA	12	0	2	0	14	1	13	0	14
K. LUMPUR	2	7	0	0	9	0	9	2	7
SELANGOR	24	5	1	0	30	1	29	0	30
JOHOR	1	0	1	0	2	1	1	0	2
MUAR	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PERAK	2	0	9	0	11	9	2	0	11
TAIPING	0	0	1	0	1	1	0	0	1
KELANTAN	0	1	0	0	1	0	1	0	1
GUA MUSANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KEDAH	2	0	12	0	14	2	12	0	14
P. PINANG	6	0	12	1	19	15	4	1	18
TERENGGANU	5	0	0	0	5	1	4	0	5
N. SEMBILAN	5	1	1	0	7	2	5	1	6
MELAKA	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PERLIS	1	0	4	0	5	5	0	0	5
SABAH	2	1	2	0	5	2	3	1	4
LABUAN	0	1	0	0	1	1	0	0	1
MIRI	0	2	0	0	2	0	2	0	2
SIBU	0	1	0	0	1	0	1	0	1
KUCHING	0	2	0	0	2	0	2	0	2
PAHANG	4	0	0	0	4	0	4	0	4
RAUB	2	0	1	0	3	1	2	0	3
LANGKAWI	0	0	1	0	1	1	0	0	1
JUMLAH	68	21	47	1	137	43	94	5	132



D. KHIDMAT NASIHAT SIVIL DAN SYARIAH

Sepanjang 2011, sebanyak 27,551 khidmat nasihat telah dikendalikan oleh JBG di seluruh negara. Bilangan khidmat nasihat bagi tahun 2011 turut mencatatkan peningkatan sebanyak 20% berbanding dengan tahun 2010 yang mencatatkan bilangan khidmat nasihat sebanyak 22,963. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan kekerapan promosi yang dijalankan oleh cawangan JBG di seluruh negara apabila sebanyak 1,522 aktiviti promosi telah dijalankan dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh JBG.


Statistik Khidmat Nasihat Sivill dan Syariah Yang Dikendalikan Oleh Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2011



E. PENGENDALIAN KES OLEH PEGUAM PANEL

Pada tahun 2011, bilangan peguam panel yang berdaftar dengan JBG telah meningkat kepada 320 orang dan sebanyak 235 kes telah diserahkan kepada mereka untuk dikendalikan di mahkamah di seluruh negara. Kes yang dikendalikan oleh peguam panel lazimnya merupakan kes yang kedua-dua pihak dalamnya layak dibantu atau kes itu terlalu rumit dan memerlukan penumpuan masa yang panjang. Bagi tujuan tersebut, JBG telah membelanjakan sejumlah RM 181,380.53 untuk bayaran bagi perkhidmatan peguam panel yang telah selesai mengendalikan kes JBG. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 100 kes Syariah yang telah diselesaikan melibatkan pembayaran sebanyak RM 157,675.33 manakala 20 kes sivil pula melibatkan bayaran sebanyak RM 23,705.20. Jumlah bayaran peguam panel bagi tahun 2011 dapat dilihat dalam rajah di bawah.

Bayaran Kepada Peguam Panel Mengikut Kategori Kes Bagi Tahun 2011







F. KHIDMAT PENGANTARAAN


Objektif Bahagian Pengantaraan JBG adalah untuk memberi perkhidmatan pengantaraan kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan. Bahagian Pengantaraan juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sidang pengantaraan diselesaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permintaan untuk pengantaraan oleh pihak-pihak. Pertikaian yang tidak sesuai untuk dijalankan pengantaraan adalah apabila suatu pihak memerlukan perintah perlindungan mahkamah seperti injunksi dan pelaksanaan spesifik dan apabila ada unsur keganasan dan jenayah.

Statistik Pendaftaran Kes Pengantaraan Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2011



Pecahan Kes Pengantaraan Mengikut Jenis Kes Bagi Tahun 2011






Merujuk kepada rajah di atas, jumlah keseluruhan pendaftaran kes pengantaraan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 3,875 kes, manakala jumlah keseluruhan pengendalian kes pengantaraan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 4,116 kes kerana baki 241 kes lagi dibawa dari tahun 2010. Kes kekeluargaan Syariah merupakan kes yang paling tinggi dirujuk untuk pengantaraan iaitu sebanyak 86%, diikuti oleh kes kekeluargaan sivil sebanyak 13% dan kes sivil pelbagai sebanyak 1%. Penyelesaian kes pengantaraan diambil kira dari tiga aspek iaitu selesai melalui perjanjian, selesai tanpa perjanjian dan selesai tanpa kehadiran pihak-pihak. Bagi tahun 2011, kejayaan penyelesaian kes pengantaraan dapat dilihat daripada kejayaan sidang pengantaraan menyelesaikan kes dengan termeterainya perjanjian persetujuan antara pihak-pihak. Daripada 2,298 pengendalian sidang pengantaraan dengan kehadiran pihak-pihak, 68% daripadanya berjaya diselesaikan melalui perjanjian dan hanya 32% sahaja gagal.

G. PROGRAM LITERASI UNDANG-UNDANG

- Program Promosi JBG
 Program Promosi JBG 2011 telah diadakan untuk memperkenalkan JBG kepada seluruh rakyat Malaysia dengan strategi difokuskan kepada pelanggan yang berpotensi. Program promosi yang dijalankan terbahagi kepada 5 jenis promosi iaitu klinik guaman, ceramah/penerangan undang-undang, lawatan ke penjara, program sehari bersama pelanggan dan pusat khidmat setempat. Berdasarkan statistik aktiviti promosi mengikut jenis, sebanyak 1,522 aktiviti promosi telah dijalankan pada 2011, iaitu 998 program klinik guaman, 283 program pusat khidmat setempat, 166 program lawatan ke penjara, 53 program ceramah penerangan undang-undang dan 22 program sehari bersama pelanggan seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:-

Statistik Kekerapan Aktiviti Promosi Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2011





PROGRAM AKTIVITI PROMOSI JBG SEPANJANG TAHUN 2011

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu
2.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Tanah Merah
3.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Kuala Krai
4.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Jeli
6.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu
7.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman
8.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Marang
9.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu
10.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut
11.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang
12.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun
13.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Wawancara di Radio	Radio RTM Terengganu
14.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahk.Rendah Syariah Hulu Terengganu
15.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Tinggi Malaya Temerloh
16.	Mac -23 Jan -Feb-Mac-April-Mei- Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Bentong
17.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Sandakan
18.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Syariah Sandakan
19.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Wanita Kota Kinabalu
20.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Lelaki Kota Kinabalu
21.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Penjara Seberang Perai, Sungai Jawi
22.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
23.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Mahkamah Rendah Syariah Barat Daya, Balik Pulau
24.	Jan - 27	Hari Bertemu Pelanggan	Pejabat JGB Pulau Pinang
25.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara
26.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Mahkamah Butterworth
27.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Mahkamah Rendah Seberang Perai Selatan
28.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Penjara Pulau Pinang



PROGRAM AKTIVITI PROMOSI JBG SEPANJANG TAHUN 2011

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
29.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Service Centre)	Asrama Paya Terubong, Pulau Pinang
30.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Pusat Khidmat Setempat (One Stop Centre)	Kompleks Mahkamah Jalan Duta Kuala Lumpur
31.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Syariah Sarikei, Sibul
32.	Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Daerah Kanowit
33.	Feb - 26	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Jabatan Pendaftaran Negeri Melaka, Ayer Keroh
34.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Jabatan Penjara Melaka
35.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Tinggi Temerloh
36.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Kuala Lipis
37.	Mac - 2	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman kepada Ahli Cuepac	Dewan Serbaguna, Aras 2, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya
38.	Mac - 24 dan 25	Expo Pameran Warisan Ilmu anjuran UKM	Fakulti Undang-Undang UKM Bangi
39.	Mac - 30	Ceramah kepada peserta Undang-Undang anjuran MINDEF	MINDEF Port Dickson
40.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Sg.Petani, Kedah
41.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Alor Setar
42.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Asrama Akhlak Perempuan, Jitra
43.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Sik
45.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Sungai Petani
46.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Pokok Sena
47.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Kulim
48.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Kuala Nerang
49.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Baling
50.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Gurun
51.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Yan
52.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Jitra
53.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Bandar Baru
54.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Wawancara di radio	RTM Alor Setar



PROGRAM AKTIVITI PROMOSI JBG SEPANJANG TAHUN 2011

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
55.	Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Sehari Bersama Pelanggan	Pejabat JBG Labuan
56.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Masjid sekitar Negeri Perlis
57.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Bangunan Persekutuan Kangar
58.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Syariah Batu Pahat
59.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Majistret Muar
60.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Syariah Muar
61.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Syariah Segamat
62.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Agama Daerah Batu Pahat
63.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Daerah Dan Tanah Seri Manjung
64.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Jabatan Penjara Taiping
65.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kompleks Mahkamah Syariah Teluk Intan
66.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar
67.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kompleks Mahkamah Syariah Parit Buntar
68.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kompleks Mahkamah Syariah Gerik
69.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Program Khidmat Nasihat Undang-Undang	Mahkamah Syariah WP Labuan
70.	Mac -28	1 Hari Bersama Pelanggan	Pejabat JBG WP Labuan
71.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Ranau
72.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Lahad Datu
73.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Sandakan
74.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Kota Kinabalu
75.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Tawau
76.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Daerah Tenom
77.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Tawau
78.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Syariah Keningau
79.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Syariah Mukah, Sarawak
80.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Majlis Bandaraya Kuching Selatan
81.	Mac -29	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Daerah Bintulu
82.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru
83.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Dataran Merdeka, Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru
84.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Tinggi Johor Bahru
85.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Jenayah, Johor Bahru
86.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Felda Air Tawar 2, Kota Tinggi
87.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Reman, Johor Bahru



PROGRAM AKTIVITI PROMOSI JBG SEPANJANG TAHUN 2011

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
88.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kampung Ingin Maju, Gua Musang
89.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kampung Jerek, Gua Musang
90.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Balai Raya Kampung Teluk Gunung
91.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Balai Raya Felda Sungai Temau, Pahang
92.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Sungai Asap A, Gua Musang
93.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kesedar Chalil, Gua Musang
94.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Kantin Kilang Aring B, Gua Musang
95.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Carrefour Rahang, Negeri Sembilan
96.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Kuala Pilah
97.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Pejabat Daerah Jelebu, Negeri Sembilan
98.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Dewan Majlis Daerah Jelebu
99.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru
100.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Tinggi Johor Bahru
101.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Penjara Reman, Johor Bahru
102.	Jan -Feb-Mac-April-Mei-Jun-Julai -Ogos-Sept-Okt-Nov-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mahkamah Rendah Jenayah, Johor Bahru
103.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Felda Air Tawar 2, Kota Tinggi
104.	Jan-Mac-Jun-Sept-Dis	Klinik Khidmat Nasihat dan Guaman	Mukim Padang Matsirat, Langkawi



Antara aktiviti promosi yang telah dijalankan oleh cawangan JBG di seluruh Malaysia adalah seperti yang berikut:

(a) Klinik Bantuan Guaman 1 Malaysia



Klinik Bantuan Guaman 1 Malaysia JBG Cawangan Johor di Dewan Hj Hashim, Parit Tengah, Batu Pahat, Johor pada 2 April 2011.



Gambar sekitar Klinik Bantuan Guaman 1 Malaysia di Kilang Sawit Aring A, Gua Musang, Kelantan pada 12 Julai 2011



Jabatan Bantuan Guaman Langkawi telah menganjurkan 'Klinik Bantuan Guaman 1 Malaysia' pada 25 Julai 2011 bertempat di Dewan Masjid Al-Aman, Kampung Yooi, Bohor, Langkawi.



'Klinik Bantuan Guaman 1 Malaysia' yang telah diadakan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun, Terengganu oleh Jabatan Bantuan Guaman Terengganu pada 6 Oktober 2011.

(b) Lawatan ke penjara

Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Penjara yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada orang kena tuduh (OKT) berkaitan dengan rayuan bagi meringankan hukuman (mitigasi). Program ini dilakukan secara berkala oleh beberapa cawangan JBG di seluruh negara.

(c) Ceramah/Penerangan Undang-Undang

Jabatan Bantuan Guaman turut giat memberikan kesedaran undang-undang kepada orang awam melalui ceramah undang-undang sebagai salah satu bentuk promosi dalam memberikan pendedahan berkenaan dengan peranan JBG kepada orang awam. Antara cawangan JBG yang telah membuat ceramah undang-undang adalah seperti yang berikut:



JBG Kedah

Pengarah JBG Kedah, Tuan Mazdi bin Abdul Hamid telah menyampaikan “Ceramah Kesedaran dan Kerjaya Undang-Undang” kepada para pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah pada 22 Februari 2011.

Pegawai Undang-Undang JBG Kedah, Encik Noor Azrul bin Dato’ Abdul Rahman telah menyampaikan ceramah yang bertajuk ‘Bidang kuasa JBG dalam Sivil, Syariah dan Jenayah’ di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah pada 16 Oktober 2011.

Pengarah JBG Kedah, Tuan Mazdi bin Abdul Hamid sedang menyampaikan ceramah kepada para pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah.

JBG Gua Musang

Penolong Pegawai Syariah, Puan Norshamsiah binti Awang telah menyampaikan ceramah undang-undang pada 11 Oktober 2011 di Dewan Orang Ramai, Kg. Kala, Gua Musang.

Ceramah kepada ahli CUEPACS

JBG Ibu Pejabat

Timbalan Ketua Pengarah (Sivil), Tuan Sapini bin Mat Saman telah menyampaikan ceramah mengenai “Bantuan Guaman” dalam taklimat kepada ahli-ahli Cuepacs yang telah diadakan di Dewan Harmoni, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya pada 2 Mac 2011.

JBG Kedah

Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Kedah, Tuan Mazdi bin Abdul Hamid telah menyampaikan ceramah mengenai JBG dalam taklimat kepada ahli-ahli Cuepacs yang telah diadakan di INTURA, Sungai Petani, Kedah pada 27 Jun 2011.

JBG Terengganu

Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Terengganu, Tuan Darmafikri bin Abu Adam telah memberi ceramah “Khidmat Bantuan Guaman” dalam taklimat kepada ahli-ahli Cuepacs Zon Timur pada 29 September 2011.

Ahli-ahli Cuepacs Zon Timur sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengarah JBG Terengganu, Encik Darmafikri bin Abu Adam.

JBG Johor

Penolong Pengarah JBG Johor, Puan Nor Jamilah Shuhadah binti Tohet telah memberi ceramah “Khidmat Bantuan Guaman” dalam taklimat kepada ahli-ahli Cuepacs Zon Selatan pada 31 Oktober 2011.

JBG Sarawak

Ceramah mengenai “Khidmat Bantuan Guaman” dalam taklimat kepada ahli-ahli Cuepacs Zon Sarawak telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan, Encik Mohd Nahar bin Mohamad dan Pegawai Undang-Undang, Puan Ronie Entili pada 8 Disember 2011.



JBG Sabah

Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Sabah, Puan Junariah binti Datu Derin telah memberi ceramah berkenaan “Khidmat Bantuan Guaman” dalam taklimat kepada ahli-ahli Cuepacs Zon Sabah pada 17 Disember 2011.



(d) Program Sehari Bersama Pelanggan

Antara cawangan JBG yang menjalankan program sehari bersama pelanggan adalah seperti yang berikut :-

- JBG Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di pejabat JBG Labuan.
- JBG Pulau Pinang bertempat di pejabat JBG Pulau Pinang.

(e) Pusat Khidmat Setempat

JBG telah mengambil langkah inisiatif berinovasi untuk mendekati golongan sasaran dengan mengadakan pusat khidmat setempat di mahkamah-mahkamah. Cawangan JBG yang terlibat mengadakan pusat khidmat setempat adalah seperti yang berikut :-

- JBG Wilayah Persekutuan KL bertempat di Kompleks Mahkamah, Jalan Duta dan Kompleks Mahkamah Syariah, Jalan Sri Hartamas.
- JBG Pulau Pinang di beberapa mahkamah dan penjara di Pulau Pinang.

2. Program JBG bersama media massa

Media massa merupakan salah satu medium terbaik untuk JBG menggiatkan dan meningkatkan usaha bagi memperkenalkan fungsi dan peranan JBG dalam memberikan khidmat nasihat serta bantuan guaman kepada masyarakat. Beberapa program bersama media massa telah berjaya diadakan pada tahun 2011 seperti yang berikut:

Puan Isma Juliana binti Ishak telah bersiaran (secara langsung) pada 3 Januari 2011 di TV1 dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia.

Wawancara di radio

JBG SibU

Pada 26 Jun 2011, JBG sibU sekali lagi bersiaran di RTM SibU dengan topik perbincangan, Pembubaran Perkahwinan (Syariah) oleh Encik Anas bin Jamaluddin, Penolong Pegawai Syariah.

Wawancara di Radio RTM SibU dalam versi bahasa Mandarin pada 27 Jun 2011. Pegawai yang terlibat ialah Encik Jong Foh T'sin, Penolong Pegawai Undang-Undang bertajuk, Prosedur Untuk Memohon Cerai.

JBG Terengganu

Wawancara di Radio RTM Terengganu bersama Pegawai Undang-Undang JBG Terengganu, Cik Faezahnoor binti Hassan pada 27 Oktober 2011.

JBG Kedah

Wawancara bersama Encik Noor Azrul bin Dato' Abdul Rahman, Pegawai Undang-Undang dan Encik Mohd Asri bin Taib, Pegawai Syariah JBG Kedah telah bersiaran secara langsung di Radio RTM Kedah pada 10 November 2011 dengan topik perbincangan yang bertajuk "Hak Jagaan Anak".

Pengarah Pengantaraan (Syariah), Puan Wan Aizaa binti Wan Abdullah telah bersiaran (secara langsung) pada 2 November 2011 (Rabu) di TV3 dalam rancangan Wanita Hari Ini (WHI) bagi membincangkan topik "Gantung Tak Bertali".



Cik Faezahnoor binti Hassan sedang di wawancara oleh Dj Radio RTM Terengganu.



PENGURUSAN ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN

A. ADUAN

Sistem aduan JBG telah diwujudkan bertujuan untuk menambah baik sistem penyampaian JBG kepada orang awam dalam memastikan aduan-aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan kadar segera selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2009 yang menghendaki setiap jabatan untuk mengemukakan status tindakan yang diambil terus kepada pengadu dan disalin kepada Biro Pengaduan Awam dalam tempoh 5 hari bekerja. Sumber aduan yang diterima oleh JBG adalah seperti yang berikut:

Sumber Penerimaan Aduan Bagi Tahun 2011

Sumber	Jumlah Aduan	Peratusan Aduan (%)
E-mel	7	26.0
Surat/Faks	8	29.6
SMS	1	3.7
Telefon	1	3.7
Biro Pengaduan	6	22.2
iSPAAA	4	14.8
Hadir sendiri	-	-
Surat Khabar	-	-
PEMUDAH	-	-
JUMLAH	7	100

Tempoh Penyelesaian Aduan Bagi Tahun 2011

Tempoh	Jumlah Selesai	Peratusan Selesai (%)
E-mel	7	26
Surat/Faks	10	37
SMS	10	37
Telefon	-	-
Biro Pengaduan	-	-
iSPAAA	27	100

Aduan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2011


Kategori Aduan	Bilangan Aduan Yang Diterima
Pengendalian Kes Oleh Pegawai JBG	
Kelewatan/tiada tindakan	7
Peguam tidak hadir ke Mahkamah	-
Peguam mengangguhkan kew tanpa alasan munasabah	-
Layanan peguam yang tidak memuaskan	11
Pengendalian Kes Oleh Peguam Panel	
Kelewatan/tiada tindakan	4
Peguam tidak hadir ke Mahkamah	-
Peguam menangguhkan kes tanpa alasan munasabah	-
Layanan peguam yang tidak memuaskan	-
Lain-lain	
Kes tidak berasas/tiada kaitan	3
Kes di luar bidang kuasa JBG	1
Kes berulang	1
Penguatkuasaan	-
JUMLAH	27



Berdasarkan kepada statistik, jumlah aduan yang diterima pada tahun 2011 mencatatkan sedikit penurunan iaitu 27 aduan berbanding tahun 2010 iaitu 30 aduan. Daripada data aduan yang dikumpul, JBG telah mengenal pasti bahawa aduan yang paling banyak diterima adalah berkenaan dengan layanan pegawai yang tidak memuaskan iaitu sebanyak 41% daripada jumlah keseluruhan aduan. Oleh itu, JBG telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan dan pencegahan bagi memastikan segala permasalahan yang wujud dapat diatasi. Melalui sistem ini, peringatan akan diberikan kepada pegawai yang berkaitan sekiranya aduan tidak diambil tindakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. JBG juga telah mengadakan sistem pemantauan piagam pelanggan dalam memastikan 'SOP' Jabatan dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditentukan berdasarkan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

B. TAHAP KEPUASAN PELANGGAN

Maklum balas pelanggan yang diwujudkan di JBG memainkan peranan penting dalam perangan penambahbaikan infrastruktur jabatan seperti kemudahan yang disediakan di semua cawangan JBG demi keselamatan pelanggan dan juga bagi tujuan latihan pegawai dan kakitangan jabatan ini. Jumlah keseluruhan tahap kepuasan pelanggan bagi tahun 2011 yang telah direkodkan adalah sebanyak 8,238. Tahap cemerlang telah mencatatkan tahap kepuasan yang tertinggi iaitu sebanyak 3,761 (48.3%) manakala tahap baik mencatatkan sebanyak 3,565 (45.8%) daripada jumlah keseluruhan. Diikuti dengan tahap sederhana yang mencatatkan jumlah sebanyak 432 (5.6%) manakala tahap lemah hanya mencatatkan jumlah sebanyak 22 (0.3%).



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

1. Pada tahun 2011, JBG telah berjaya menganjurkan pelbagai bengkel, kursus dan latihan pengguna untuk pegawai dan kakitangan sokongan. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan warga JBG dalam merealisasikan hasrat jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Pada tahun 2011, JBG telah mencapai 100% bagi tempoh 7 hari berkursus bagi semua pegawai dan kakitangan. Kursus, bengkel serta latihan yang telah dianjurkan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kursus/Bengkel/Latihan	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Pengurusan Rekod dan Penyediaan Sistem Fail	12-15 April 2011	Puteri Resort, Melaka
2.	Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantaraan	3-5 2011	Ancasa Hotel, Kuala Lumpur
3.	Kursus Sistem Pengurusan CMS	10-12 Mei 2011	Aras 4, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya
4.	Latihan Pengguna Lexis Nexis	4 Julai 2011	Aras 4, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
5.	Latihan Pengguna Sistem Pengurusan Kes Jabatan Bantuan Guaman (CMS-JBG)	5-7 Julai 2011	Aras 4, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang



Bengkel Pengurusan Rekod dan Penyediaan Sistem Fail yang telah diadakan di Puteri Resort, Melaka dari 12 hingga 15 April 2011.



Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantaraan yang telah diadakan di Ancasa Hotel, Kuala Lumpur dari 3 hingga 5 Mei 2011.



Kursus Sistem Pengurusan CMS yang telah diadakan di Aras 4, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya pada 10 hingga 12 Mei 2011.



Bil.	Kursus/Bengkel/Latihan	Tarikh	Tempat
1.	Kursus Khas Penolong Pegawai Undang-Undang	28 Februari-2 Mac 2011	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
2.	Kursus Lanjutan Khas Pegawai Undang-Undang	21-23 Mac 2011	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
3.	Kursus Khas Pegawai Syariah	31 Oktober-3 November 2011	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)

3. BHEUU dengan kerjasama JBG Ibu Pejabat telah mengendalikan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan yang bertujuan memberi pendedahan baru mengenai tatacara pengurusan perpustakaan. Kursus tersebut telah dijalankan mengikut zon seperti yang berikut:

Bil.	Zon	Tarikh	Tempat
1.	Selatan	5-8 Oktober	JBG Melaka
2.	Utara	11-12 Oktober 2011	JBG Kedah
3.	Pantai Timur	1-2 November 2011	JBG Kelantan
4.	Sabah dan Sarawak	15-18 November 2011	JBG Kedah



Zon Selatan



Zon Utara



Zon Pantai Timur



PERSIDANGAN/SEMINAR DALAM/LUAR NEGARA

1. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menganjurkan Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali Ke-13 di Hotel Grand Season, Kuala Lumpur pada 30 Jun hingga 2 Julai 2011. Persidangan ini turut melibatkan semua Pegawai Syariah JBG di seluruh Malaysia.

2. Mahkamah Rayuan Syariah Negara Brunei Darussalam

Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) telah mewakili JBG dalam menghadiri suatu Seminar Antarabangsa Perundangan Islam Dengan Tema Ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Syariah yang telah dianjurkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Negara Brunei Darussalam. Seminar ini telah berlangsung dari 12 hingga 14 Oktober 2011.

JARINGAN BERSAMA AGENSI LUAR

1. Pihak Badan Sokongan Keluarga (BSK) JKSM telah mengadakan perbincangan mengenai peranan dan fungsi BSK dengan para pegawai JBG di Ibu Pejabat pada 28 Februari 2011. Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara turut terlibat.



Perbincangan Mengenai Peranan dan Fungsi Bahagian Sokongan Keluarga, JKSM oleh YBrs. Dr. Mohd Naim bin Mokhtar. Turut kelihatan Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah) Jabatan Peguam Negara, Tuan Haji Mahamad Naser bin Disa.

2. Aplikasi *video conferencing*

Aplikasi *video conferencing* telah dibangunkan oleh *Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS)* merupakan suatu teknologi telekomunikasi interaktif yang memungkinkan dua lokasi atau lebih untuk berinteraksi menggunakan video dan audio secara serentak. Penggunaannya di mahkamah bertujuan membolehkan mahkamah dan peguam menjalankan prosiding mahkamah yang melibatkan sebutan kes tanpa kehadiran fizikal pihak peguam di mahkamah. Bermula 3 Mac 2011, pihak SAINS telah membenarkan JBG di Sabah dan Sarawak menggunakan aplikasi tersebut secara percuma memandangkan JBG membantu golongan yang kurang berkemampuan dengan syarat-syarat seperti yang berikut-

- Pendengaran kes adalah untuk 30 sesi setiap bulan untuk JBG di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak;
- Setiap sesi pendengaran kes dihadkan kepada tempoh masa 30 minit sahaja;
- Borang permohonan untuk pendengaran kes JBG hendaklah diserahkan kepada kakitangan mahkamah yang bertanggungjawab untuk perkhidmatan Video-Conferencing sebelum lima (5) hari bekerja pada hari sebenar pendengaran kes; dan
- Syarat ini adalah tertakluk kepada perubahan dan akan disemak oleh pihak SAINS dari semasa ke semasa

Aplikasi ini sememangnya memberi banyak manfaat kepada JBG terutamanya penjimatan dari segi masa, kos dan tenaga.



3. JBG Langkawi telah dijemput mengadakan Klinik Guaman semasa persidangan *Annual Event Attorney General Chamber (AEAGC)*, anjuran Jabatan Peguam Negara yang telah diadakan di Jeti Kampung Kilim, Langkawi pada 5 April 2011.



Ketua Pengarah JBG, Puan Siti Zawahir binti Mohamed dan Pengarah JBG Kedah, Tuan Mazdi bin Abdul Hamid turut hadir semasa Klinik Guaman dijalankan.

4. Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) telah dijemput sebagai ahli panel bagi Program Jelajah Informasi Mesra JKSM pada 16 April 2011 di Dewan Jubli Emas, Kg. Endah Banting Selangor.



TKP (Syariah) sedang memberi penerangan tentang bidang kuasa dan peranan JBG dalam Undang-Undang Keluarga Islam.

5. JBG telah dijemput untuk menjayakan pameran "Career Fair 2011" di UKM, Bangi pada 9 Mei 2011. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa UKM tentang peluang pekerjaan di sektor awam setelah mereka tamat pengajian kelak.



Para pelajar sedang diberi penerangan mengenai kerjaya oleh pegawai JBG yang bertugas.



6. JBG Ibu Pejabat telah dijemput untuk menjayakan Pameran Interaktif sempena Hari Belia Negara 2011 yang telah diadakan di Presint 2 (Berhadapan Bangunan Kementerian Kewangan), Putrajaya pada 27 hingga 29 Mei 2011.



Ketua Pengarah BHEUU, Dato' Saripudin bin Kasim sedang beramah mesra bersama pegawai yang bertugas.

7. IKIM telah menganjurkan Konvensyen Pemacuan Transformasi Undang-Undang Islam Di Malaysia pada 5 - 6 April 2011 bertempat di Auditorium IKIM. Timbalan Ketua Pengarah (Syariah), Tuan Mohd Nadzri bin Abdul Rahman telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk Pelan Transformasi Jabatan Bantuan Guaman: Peranan dan Cabaran dalam Konvensyen tersebut.



Sesi soal jawab selepas Tuan Nadzri bin Abdul Rahman membentangkan kertas kerjanya.

8. Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dasar, Puan Isma Juliana binti Ishak telah dijemput menjadi ahli panel dalam Forum "*Conciliation & Mediation in Civil and Islamic Family Laws: Issues & Challenges*" di Auditorium, Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam pada 21 Mei 2011.



Puan Isma Juliana binti Ishak khusyuk mendengar pendapat salah seorang panel forum, tentang pengantaraan.



9. JBG telah diwakili oleh Pengarah Penyelidikan dan Dasar untuk memberi taklimat kepada peserta Kursus Induksi Khusus (Pegawai Kehakiman dan Perundangan) anjuran ILKAP pada 14 Mac 2011, 25 April 2011 dan 20 Jun 2011.
10. Pegawai Undang-Undang, Puan Mardiah binti Ahmad Kasim telah memberi ceramah yang bertajuk “Hak-Hak Wanita Dalam Perundangan (Perkahwinan dan Perceraian)” kepada ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 15 Jun 2011 (Selasa) yang bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.
11. JBG telah memberi ceramah kepada ahli-ahli PUSPANITA Jabatan Pengairan dan Saliran pada 22 September 2011. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Penyelidikan dan Dasar, Puan Isma Juliana binti Ishak dengan tajuk “Melindungi Hak-hak Wanita”.
12. Pengarah Litigasi dan Nasihat, Encik Shahroni bin Sanusi telah memberi ceramah tentang hak-hak wanita selepas perceraian kepada Alumni Sekolah Sri Aman Seksyen 14, Petaling Jaya pada 15 Oktober 2011 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
13. JBG WP Labuan telah dilantik sebagai Rakan Gender oleh Pejabat Pembangunan Wanita WP Labuan pada 22 Oktober 2011.
14. Sesi temu bual dengan Puan Nadzriah binti Ahmad, Pensyarah dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam bersama-sama dengan Ketua Pengarah JBG serta Pegawai Kanan JBG telah diadakan pada 16 November 2011 berhubung dengan kajian penyelidikan kes juvana yang dikendalikan oleh JBG.



Sesi temu bual yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama JBG.

15. Pengarah Penyelidikan dan Dasar dan Pengarah Pengantaraan (Syariah) telah mewakili JBG dalam “Round Table Discussion From The Syariah Perspective on The Convention On The Service Abroad Of Judicial And Extrajudicial Documents In Civil Or Commercial Matters 1965 (Service Convention) dan The Convention On The Taking Of Evidence Abroad In Civil Or Commercial Matters 1970 (Evidence Convention) yang bertujuan untuk membincangkan peruntukan-peruntukan di dalam *Service dan Evidence Convention* dan isu-isu lain yang berkaitan dengan aspek perundangan Syariah berhubung dengan pemakaian *Service dan Evidence Convention* tersebut di Malaysia. Perbincangan tersebut berlangsung pada 30 November dan 1 Disember 2012 di Jabatan Peguam Negara.
16. JBG telah terlibat dalam memberikan taklimat kepada calon Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Ke Skim Penolong Pegawai Undang-Undang L29 yang diadakan di Dewan Persidangan, Istana Kehakiman pada 2 Disember 2011.
17. Timbalan Ketua Pengarah (Syariah), Tuan Mohd Nadzri bin Abdul Rahman telah hadir sebagai peserta di Persidangan Komuniti Syariah Jabatan Peguam Negara 2011, bertempat di Kompleks Baitul Hilal, Port Dickson yang telah diadakan pada 12 hingga 15 Disember 2011. Sempena persidangan tersebut, JBG Negeri Sembilan telah mengadakan program Klinik Guaman 1Malaysia yang telah diadakan di Masjid Kampung Telok Pelandok pada 14 Disember 2011 bagi mengisi program khidmat masyarakat setempat.



AKTIVITI JBG SEPANJANG TAHUN 2011

1. YBGK

JBG telah membantu Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang (BHEUU) dalam penubuhan dan pelancaran Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Selain itu, pegawai JBG telah memberi taklimat tentang YBGK kepada -

- wakil Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam, PDRM dan wakil Dekan Fakulti Undang-Undang IPTA pada 7 Januari 2011 di Jabatan Peguam Negara
- pegawai dan kakitangan tentera pada 30 Mac 2011 dan 10 Mei 2011 di Port Dickson
- anggota Persatuan Pegawai Kehakiman dan Perundangan (JALSOA) pada 14 Mei 2011

2. Mesyuarat Pengarah Negeri

Mesyuarat Pengarah Negeri Bil. 1/2011 telah diadakan pada 2 hingga 4 Mac 2011 di Hotel Bluewave, Shah Alam. Objektif mesyuarat adalah untuk menyediakan suatu platform Jabatan khasnya Ibu Pejabat dalam menyalurkan maklumat dan memantapkan strategi tadbir urus JBG. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti isu, penyelesaian masalah dan usaha-usaha penambahbaikan yang memerlukan pertimbangan dan persetujuan sebelum sesuatu keputusan dibuat.



Mesyuarat Pengarah Negeri JBG Bil.1/2011 di Hotel Bluewave, Shah Alam pada 2 - 4 Mac 2011.

3. Lawatan kerja YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke JBG Cawangan Kota Bharu pada 23 Mac 2011.



YB Datuk Liew Vui Keong bergambar bersama warga JBG Kota Bharu. Turut serta adalah Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan BHEUU, Puan Mahzum binti Ariffin, Ketua Pengarah JBG, Puan Siti Zawahir binti Mohamed dan Timbalan Ketua Pengarah Mdl, Puan Haini binti Hassan.



4. Naziran Ibu Pejabat ke cawangan JBG

Objektif bagi aktiviti naziran yang telah dijalankan adalah seperti yang berikut –

- Mewujudkan hubungan dua hala dengan JBG Ibu Pejabat dan cawangan dengan mengunjungi setiap cawangan terpilih untuk memantau pentadbiran dan urusan-urusan lain untuk saling bekerjasama dalam urusan perjalanan kes di mahkamah di Malaysia
- Mendapatkan penjelasan dan melihat sendiri proses pengurusan yang telah dilaksanakan oleh cawangan
- Memberi peluang kepada ahli rombongan berbincang dan bertukar-tukar pendapat serta pengalaman terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan tugas-tugas harian

Sepanjang tahun 2011, JBG Ibu Pejabat telah membuat naziran ke beberapa cawangan JBG seperti yang berikut –

BIL	CAWANGAN / NEGERI	TARIKH
1.	JBG Kelantan dan JBG Gua Musang	9 - 10 Februari 2011
2.	JBG Perak	30 Mac 2011
3.	JBG Pulau Pinang, JBG Kedah, JBG Langkawi dan JBG Perlis	14 - 16 Jun 2011
4.	JBG Selangor	11 Ogos 2011
5.	JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	25 Oktober 2011
6.	JBG Wilayah Persekutuan Labuan	31 Oktober 2011

5. Kunjungan hormat Pengarah JBG Selangor bersama-sama pegawai dan kakitangan ke Jabatan Imigresen Negeri Selangor pada 25 Mac 2011.



Pegawai dan kakitangan JBG bergambar Sesi taklimat oleh Jabatan Imigresen, kenangan bersama pegawai Jabatan Imigresen, Selangor.



6. Lawatan Kerja YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke JBG Kuching.

YB Dato' Seri Mohamed Nazri bersama-sama dengan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Negeri Kuching, Sarawak pada 28 April 2011.



YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz bergambar dengan pegawai dan kakitangan JBG Kuching.

7. JBG Pulau Pinang telah berjaya mengadakan Majlis Pelancaran 5S pada 16 Jun 2011 yang lalu. Watikah pelantikan bagi semua ahli jawatankuasa 5S JBG Pulau Pinang telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman.



Majlis Pelancaran 5S di JBG Pulau Pinang yang telah dirasmikan oleh Y.Bhg Puan Siti Zawahir Binti Mohamed, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman.

8. Kunjungan hormat Ketua Pengarah JBG dan rombongan ke pejabat Y.A.A. Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Duta pada 18 November 2011. Kunjungan tersebut telah membincangkan beberapa isu bersama JBG dan Mahkamah. Hasilnya semua isu berkenaan telah berjaya diselesaikan.



Rombongan Ketua Pengarah JBG bergambar kenangan bersama Y.A.A. Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Duta.

Lawatan pertama disertai seramai 5 orang pelajar, manakala lawatan kedua disertai seramai 3 orang pelajar dari UIAM. Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi mendapatkan maklumat dan penerangan mengenai peranan dan fungsi JBG dalam memberikan khidmat nasihat dan bantuan guaman kepada masyarakat. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan (Litigasi dan Nasihat Sivil), Encik Anuar bin Abd Rahman.



Sesi lawatan pertama iaitu pada 18 November 2011



Sesi lawatan kedua iaitu pada 6 Disember 2011



10. Lawatan Akademik Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu ke JBG Ibu Pejabat pada 7 Disember 2011.

Lawatan tersebut telah disertai seramai 82 orang mahasiswa dan mahasiswi serta pengiring daripada UNISZA. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah bagi mendedahkan para pelajar kepada sistem kehakiman Syariah secara lebih mendalam. Taklimat mengenai peranan dan fungsi JBG terutamanya dalam bidang kuasa Syariah telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan (Penyelidikan), Encik Abdul Halim bin Muhammad.



Lawatan Akademik Persatuan Mahasiswa Pentadbiran Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu ke JBG Ibu Pejabat yang telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEU pada 7 Disember 2011.

11. Program Tazkirah Jumaat


Program Tazkirah Jumaat diadakan pada hari Jumaat dari jam 8.30 hingga 9.00 pagi di peringkat Ibu Pejabat dan turut dijalankan di peringkat Cawangan JBG di seluruh Malaysia. Dengan adanya program tazkirah seumpama ini akan dapat memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan menghadiri majlis yang berbentuk ilmiah kerohanian sekali gus dapat meningkatkan nilai integriti setiap pegawai dan kakitangan.

12. Program Tadarus dan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadhan

Program Tadarus dan majlis Khatam Al-Quran merupakan satu program yang sering diadakan di peringkat ibu pejabat JBG apabila menjelang bulan Ramadhan al-Mubarak. Program seumpama ini diadakan untuk memberi peluang kepada warga JBG untuk bersama-sama meningkatkan ilmu pengetahuan khusus dalam pembacaan Al-Quran. Di samping itu, seluruh warga JBG juga berpeluang untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan.



Gambar-gambar kenangan yang sempat dirakamkan sepanjang majlis khatam Al-Quran bagi tahun 2011 di peringkat ibu pejabat.



FORUM ON ASIAN INSOLVENCY REFORM
10TH NOVEMBER 2011 & 1ST DECEMBER 2011

SANA KIJANG BANK NEGARA KUALA LUMPUR MALAYSIA



JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)

8TH FORUM ON ASIAN INSOLVENCY REFORM
30TH NOVEMBER 2011 & 1ST DECEMBER 2011

SASANA KIJANG BANK NEGARA KUALA LUMPUR





Pengenalan **TREND INSOLVENSII 2011**

PENCAPAIAN :

Program 1

Mentadbir Aset Dan Hal Ehwal Insolvensi Dengan Cepak Dan Efisyen

Program 2

Mempertingkatkan Pematuhan Bankrap Dan Syarikat Di Bawah Perundangan Insolvensi

Program 3

Menyiasat Dan Mendakwa Kesalahan Di Bawah Akta Kebankrapan/Perundangan Insolvensi

Program 4

Pembaharuan Undang-undang yang Menyokong Keperluan Persekitaran Ekonomi dan Perniagaan

Program 5

Pemantauan dan Pengawal Seliaan Pelikuidasi yang Diluluskan dengan Efektif dan Berkesan

Program 6

Mempertingkatkan Kemudahan Perkhidmatan Secara Online

Program 7

Pembangunan Kapasiti & Keupayaan Sumber Manusia



PENGENALAN



**YBhg. Datuk Abdul Karim
bin Abdul Jalil**
Ketua Pengarah
Jabatan Insolvency Malaysia



Puan Haini binti Hassan
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Insolvency Malaysia

Mdl 2011-Overview

Bertemakan Lanskap Insolvency Baru dan selaras dengan perancangan lima tahun pelan hala tuju strategik Mdl, tahun 2011 merupakan tahun kedua dalam perjalanan dengan penuh keazaman. Walaupun pelaksanaannya menempuh pelbagai cabaran, Mdl bertekad untuk merealisasikan hasrat dan *outcome* yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui *Government Transformation Programme* (GTP), *Economic Transformation Programme* (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10).

Dalam perancangan tahun 2011, Mdl mengambil kira faktor dalaman dan luaran bagi memantapkan keupayaan organisasi. Salah satu inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan ialah penggubalan satu Undang-Undang Insolvency yang inovatif dan dinamik untuk memberi peluang kedua kepada bankrap dan menyediakan mekanisma penyelamat kepada syarikat yang masih berdaya maju (*viable*).

Selain itu, keberkesanan pentadbiran insolvency di Malaysia telah mempengaruhi kedudukan negara dalam kategori penutupan perniagaan (Closing a Business) Bank Dunia. Bagi tujuan tersebut, Mdl telah dilantik oleh PEMUDAH pada tahun 2010 sebagai *focal point* bagi membantu menaikkan kedudukan Malaysia. Hasil daripada dedikasi yang tinggi dan jalinan kerjasama yang baik dengan stakeholders, kedudukan Malaysia telah berjaya meningkat lapan anak tangga daripada kedudukan 55 kepada 47 dalam Laporan Bank Dunia 2012.

Pada tahun 2011 Mdl telah berjaya meluaskan jaringan di peringkat antarabangsa dengan mengendalikan buat julung kalinya di Malaysia persidangan *8th Forum on Asian Insolvency Reform (FAIR2011)*. Forum ini telah disertai oleh peserta dari dalam dan luar negara seperti United Kingdom, China, Thailand, Filipina, Japan, Korea, India, Hong Kong, Australia, UAE, Hawaii, Singapura, Nepal, Pakistan, Laos, Malaysia dan juga perwakilan dari organisasi antarabangsa (INCEIF, UNCITRAL, IMF, INSOL dan World Bank).

Selain itu Mdl juga menerima lawatan khas daripada Pengurus *Insolvency Trustee Services Australia (ITSA)*, pegawai-pegawai Insolvency dari Thailand dan Kumpulan Reports on the *Observance of Standards and Codes (ROSC)*, Bank Dunia.

Lawatan ini telah dapat mewujudkan hubungan dua hala dan perkongsian maklumat manakala lawatan pihak World Bank telah mencadangkan Mdl dinilai di peringkat antarabangsa.


Sebelum tirai 2011 ditutup, Mdl sekali lagi mengambil tindakan berani dengan mengadakan buat julung kalinya satu perjumpaan dengan *stakeholders* di Sabah dan Sarawak dalam program *Mdl Innovative & Facilitative Dialogue*. Langkah ini bertujuan menggalakkan persefahaman dan mewujudkan kerjasama dua hala antara Mdl dengan pihak berkepentingan serta mendapatkan jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit dalam hal ehwal insolvency.

Sesuatu yang boleh dibanggakan ialah walaupun Mdl masih berhadapan dengan cabaran kesukaran menjalankan transformasi budaya kerja tetapi organisasi ini mampu mengatasinya sedikit demi sedikit dan masih boleh mencapai kejayaan yang telah dinyatakan. Penerangan mengenai setiap pencapaian Mdl dari segi operasi dan pengurusan berdasarkan *Result Based Outcome* melalui program dan strategi yang dirancang diterangkan secara terperinci dalam laporan ini.

Pada tahun 2012 Mdl akan melangkah dengan lebih yakin melalui pendekatan dan strategi yang lebih mantap serta dengan penuh harapan warga Mdl terus mengekalkan semangat kerja sama dan mengamalkan nilai-nilai murni untuk mencapai kecemerlangan operasi dalam pentadbiran insolvency Malaysia.



CARTA ORGANISASI JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)






TREND INSOLVENSİ

A. TREND KEBANKRAPAN

Setakat 31 Disember 2011 Mdl telah mentadbir 237,856 kes kebangkrapan. Daripada jumlah ini sebanyak 19,167 merupakan kes kebangkrapan yang didaftarkan sepanjang tahun 2011. Terdapat peningkatan sebanyak 5.8% bagi jumlah kes kebangkrapan yang didaftarkan pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010 yang mencatatkan 18,119 kes kebangkrapan didaftarkan.

Keadaan ekonomi semasa dan kemudahan kredit yang diberikan oleh institusi kewangan kepada individu merupakan antara faktor yang mempengaruhi trend kebangkrapan di Malaysia. Statistik mengenai jumlah petisyen kebangkrapan dan perintah penerimaan dan penghukuman yang dikeluarkan (kes kebangkrapan didaftarkan) ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut:

Rajah 1: Perbandingan Jumlah Petisyen Kebankrapan dan Perintah Penerimaan & Penghukuman (kes kebangkrapan yang didaftarkan) dari Tahun 2007 hingga 2011



Kategori Sebab Keberhutangan

Bagi tahun 2011, Mdl telah mengenal pasti sebab keberhutangan yang mencatatkan kadar paling tinggi iaitu kegagalan individu menjelaskan hutang di bawah perjanjian sewa beli kenderaan yang melibatkan seramai 5137 individu bankrap. Diikuti dengan pinjaman perumahan sebanyak 4576, pinjaman peribadi melibatkan 3168 individu dan pinjaman perniagaan sebanyak 2301. Jumlah terperinci mengenai kebangkrapan mengikut kategori sebab keberhutangan dan perbandingan 2007 hingga 2011 dinyatakan seperti Jadual 1 berikut:


Jadual 1: Jumlah Kebankrapan Mengikut Kategori Keberhutangan Daripada Tahun 2007 Hingga 2011

SEBAB KEBERHUTANGAN	TAHUN				
	2007	2008	2009	2010	2011
SEWABELI KENDERAAN	3,035	3,085	3,678	5,639	5137
PINJAMAN PERIBADI	1,425	1,506	2,806	2,805	3168
PINJAMAN PERUMAHAN	1,161	985	1,056	3,230	4,576
PINJAMAN PERNIAGAAN	1,757	1,541	1,596	2,048	2301
PENJAMIN KORPORAT	681	741	556	907	1038
HUTANG KAD KREDIT	797	647	570	641	665
PENJAMIN SOSIAL	461	445	786	1,141	1,364
HUTANG CUKAI PENDAPATAN	113	179	93	169	177
BIASISWA / PINJAMAN PELAJARAN	32	54	22	17	27
KEBERHUTANGAN YANG LAIN	3,776	4,672	5,065	1,522	714
JUMLAH	13,238	13,855	16,228	18,119	19,167



Satu analisis juga telah dilaksanakan untuk mengetahui sebab musabab mengapa hutang-hutang tersebut tidak dapat dibayar. Hasil kajian Mdl melalui sesi temu kenal bersama 7839 orang bankrap sepanjang tahun 2011 tersebut didapati alasan mengenai Pengurusan kewangan yang buruk telah diakui oleh 2617 orang bankrap sebagai sebab kegagalan mereka untuk membayar hutang. Maklumat terperinci mengenai sebab dan alasan kegagalan bankrap untuk menjelaskan hutang mereka sehingga dibankrapkan dinyatakan seperti Rajah 2 berikut:


Rajah 2: Sebab Dan Alasan Kegagalan Bankrap Untuk Menjelaskan Hutang Bagi Tahun 2011



Rajah 3: Jumlah Kebankrapan Mengikut Jenis Pekerjaan Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Jumlah Bankrap Mengikut Jenis Pekerjaan

Pekerja sektor swasta mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 38% daripada bilangan bankrap, diikuti dengan peniaga sebanyak 14%. Hasil analisis temu kenal yang dilakukan, antara faktor yang menyumbang kepada jumlah tertinggi ini ialah syarikat gulung tikan, majikan tidak membayar gaji, tiada pemotongan hutang daripada slip gaji, dan diberhentikan kerja. Jumlah bankrap mengikut kategori pekerjaan ditunjukkan dalam Rajah 3 berikut:







Jumlah Bankrap Mengikut Jenis Pekerjaan

Bagi tahun 2011, daripada aspek jantina kaum lelaki merupakan golongan yang paling ramai bankrap iaitu 12,373 (70%) berbanding 5,283 (30%) kaum perempuan dan golongan yang tinggi kadar kebangkrutan pada tahun 2011 melibatkan sebanyak 36 % bankrap dari golongan muda berumur antara 35-44 tahun iaitu seramai 6854 orang. Maklumat kategori kebangkrutan mengikut jantina dari tahun 2007 hingga 2011 dan golongan umu bankrap bagi tahun 2011 ditunjukkan dalam Rajah 4 dan Rajah 5 seperti berikut :

Rajah 4: Jumlah Kes Kebankrapan Berdasarkan Jantina Dari Tahun 2007 Hingga 2011



Rajah 5: Jumlah Kebankrapan Mengikut Peringkat Umur Bagi Tahun 2011




B. TREND PENGGULUNGAN SYARIKAT/INSOLVENSİ KORPORAT

Penggulungan syarikat dilaksanakan melalui 2 cara iaitu secara terpaksa (melalui Mahkamah atas permohonan pemiutang) dan secara sukarela (melalui resolusi pemegang saham atau pemiutang). Pemulihan ekonomi negara telah mempengaruhi pertumbuhan syarikat yang mana pada tahun 2011 kes penggulungan syarikat secara terpaksa dan sukarela telah menurun masing-masing sebanyak 4.8% dan 46.2%. Jumlah kes penggulungan syarikat secara terpaksa dan sukarela ditunjukkan dalam Rajah 6 seperti berikut.



Rajah 6: Statistik Kes Penggulangan Syarikat Secara Terpaksa Didaftar Daripada Tahun 2008 Hingga 2011



Syarikat Yang Digulungkan Mengikut Sektor

Daripada 2,223 kes penggulangan syarikat telah didaftarkan dalam tahun 2011, syarikat yang terdiri daripada sektor perkhidmatan kewangan, insuran, harta pelaburan dan perniagaan mencatatkan jumlah kes penggulangan yang tertinggi iaitu sebanyak 20% diikuti dengan sektor perdagangan, borong dan runcit iaitu 16%. Sektor perlombongan dan kuari pula mencatatkan jumlah kes penggulangan yang paling kecil iaitu sebanyak 0.5%. Jumlah kes penggulangan syarikat mengikut sektor ditunjukkan dalam Rajah 7 seperti berikut.


Rajah 7: sektor perniagaan syarikat yang digulungkan bagi tahun 2011



C. TREND PENGGULUNGAN PERTUBUHAN & KESATUAN SEKERJA

Selain mentadbir kes penggulangan syarikat, Mdl juga mengendalikan kes penggulangan pertubuhan dan kesatuan sekerja yang telah dibatalkan. Pada tahun 2011 sebanyak 608 kes pertubuhan dikendalikan oleh Mdl berbanding 592 kes pada tahun 2010. Manakala tiada kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya pada tahun 2011. Maklumat terperinci bagi trend penggulangan pertubuhan dan kesatuan sekerja ditunjukkan dalam Rajah 8 berikut:

Rajah 8: Trend Kes Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya Pada Tahun 2008 Hingga 2011.





PROGRAM 1: MENTADBIR ASET DAN HAL EHWAL INSOLVENSİ DENGAN CEKAP DAN EFISIYEN

Bermula tahun 2010, Mdl telah memberi sepenuh perhatian untuk memenuhi piawaian prestasi dan meningkatkan amalan yang konsisten serta mengenal pasti cara yang lebih baik untuk menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Setelah penyusunan semula strategi, Mdl telah mengenal pasti bidang-bidang utama serta *Top Line Key Performance Indicator* (KPI) yang apabila dilaksanakan akan meningkatkan kecekapan dan memantapkan lagi peranan serta fungsi Mdl. Kajian semula proses kerja dan aktiviti yang lebih berinovasi dilakukan dari masa ke semasa untuk memberi *outcome* kepada pelanggan dan *stakeholders* Mdl serta rakyat secara amnya.

Strategi dan *Top line* KPI yang ditetapkan bagi memastikan Program 1 tercapai ialah seperti berikut:

- (a) 60% Pengisytiharan dividen dari jumlah kes yang boleh bayar dividen (*Declarable Cases*);
- (b) Meningkatkan kadar peratusan bilangan penyelesaian kes insolvensi; dan
- (c) Pematuhan Piagam Pelanggan.

Pencapaian KPI yang ditetapkan di atas dijelaskan secara terperinci seperti berikut:

TOP LINE KPI

60 % Pengisytiharan Dividen Dari Jumlah Kes Yang Boleh Bayar Dividen (*Declarable Cases*)

KPI ini memasti dan melonjakkan semua aktiviti teras yang bermula daripada peringkat penemuan (*Discovery*), penghasilan harta (*Realization*), dan penentuan hutang (*Ascertainment of Debts*) dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi membolehkan pengisytiharan dividen kepada pemiutang dilakukan. Bagi tahun 2011 Mdl telah mengenal pasti sebanyak 17,651 kes kebangkrapan yang boleh dibuat pengisytiharan (*declarable cases*) dan telah menetapkan sebanyak 60% (10,591 kes) daripada jumlah tersebut perlu diisytihar dividen sepanjang tahun ini. Sepanjang tahun 2011 Mdl telah berjaya mencapai sasaran sebanyak 74% dengan membuat pengisytiharan dividen kepada pemiutang bagi 13,145 kes kebangkrapan.

Bagi pentadbiran kes penggulungan syarikat pula Mdl telah mengenal pasti sebanyak 466 kes yang boleh diisytiharkan dividen dan sasaran 60% juga telah ditetapkan di mana sebanyak 280 kes penggulungan syarikat perlu dibuat pengisytiharan dividen dalam tahun 2011. Bagaimanapun, usaha keras pegawai insolvensi serta komitmen yang diberikan telah melonjakkan prestasi pengisytiharan dividen bagi kes penggulungan syarikat apabila keseluruhan kes yang dikenalpasti untuk pengisytiharan dividen dapat dilaksanakan sepenuhnya dan melebihi sasaran 60% yang ditetapkan.

Pencapaian pengisytiharan dividen bagi kes kebangkrapan dan penggulungan syarikat berdasarkan sasaran yang ditetapkan pada tahun 2011 ditunjukkan dalam Jadual 2 dan tahap output yang dicapai dalam pengisytiharan dividen ditunjukkan dalam Jadual 3 seperti berikut:



Jadual 2: Pencapaian Pengisytiharan Dividen Bagi Kes Kebankrapan Dan Penggulangan Syarikat Berbanding KPT Yang Ditetapkan Sepanjang Tahun 2011

Bilangan Kes Yang Boleh Diisytiharkan Dividen Bagi Tahun 2011		Sasaran 60% Pengisytiharan Dividen Bagi Tahun 2011	Pencapaian Pengisytiharan Dividen Berdasarkan Sasaran Bagi Setiap Suku Tahun 2011									
			Q1/11		Q2/11		Q3/11		Q4/11		Keseluruhan Q1-Q4/11	
			20%	20%	10%	10%	60%					
Kebankrapan	17651	10591	2501	14%	2647	15%	3839	22%	4158	24%	13145	74%
Penggulangan Syarikat	466	280	61	13%	90	19%	106	23%	209	45%	466	100%


Jadual 3: Tahap Output Yang Dicapai Dalam Pengisytiharan Dan Pembayaran Dividen Bagi Sepanjang Tahun 2011

KEBANKRAPAN	Q1/11	Q2/11	Q3/11	Q4/11
Bilangan Pengisytiharan Dividen	2501	2647	3839	4158
Bilangan Pembayaran Dividen	1046	1632	1645	2901
Jumlah Pengagihan Dividen	RM23.5m	RM33.4m	RM28.9m	RM62.9m
PENGGULUNGAN SYARIKAT	Q1/11	Q2/11	Q3/11	Q4/11
Bilangan Pengisytiharan Dividen	61	90	106	255
Bilangan Pembayaran Dividen	47	69	106	82
Jumlah Pengagihan Dividen	RM2.0m	RM14.4m	RM4.3m	RM10.8m

Pencapaian Pengisytiharan Dividen Daripada Tahun 2007 hingga 2011

Pengisytiharan dividen bagi tahun 2011 juga menunjukkan pencapaian sebanyak 295% berbanding tahun 2010. Begitu juga dengan pengisytiharan dividen bagi pentadbiran fail penggulangan syarikat yang menunjukkan pencapaian sebanyak 356% berbanding 2010. Perbandingan prestasi pengisytiharan dividen bagi kes kebankrapan dan penggulangan syarikat terperinci bagi dalam tempoh 5 tahun bermula daripada tahun 2007 sehingga tahun 2011 seperti Rajah 9 berikut:

Rajah 9: Pencapaian Prestasi Pengisytiharan Dividen Bagi Pentadbiran Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat Daripada Tahun 2007 Hingga 2011



Pencapaian ketara dalam prestasi pengisytiharan dividen pada tahun 2011 juga berikutan dengan pematuhan *performance indicators* (PI) dalam aktiviti teras terutamanya dalam pentadbiran awal kebankrapan dan penggulangan syarikat yang dipantau dengan teliti bagi memastikan KPI ini tercapai seperti Jadual 4 berikut:



Jadual 4: Pencapaian Indikator Yang Ditetapkan Sepanjang Tahun 2011

Performance measure (Kebankrapan)	Q1/11	Q2/11	Q3/11	Q4/11
Penyerahan PP & PP dalam masa 7 hari dari tarikh penerimaan perintah bermeterai (standard = 100% pematuhan)	46%	61%	95%	96%
Perakuan Borang Bukti Hutang dalam masa 14 hari (standard=100% pematuhan)	42%	50%	50%	55%
Pembayaran Dividen dalam masa 14 hari dari tarikh akhir pewartaan dan rayuan pemiutang (standard=100% pematuhan)	100%	100%	100%	100%

Begitu juga dengan prestasi penzahiran dan penghasilan yang merupakan salah satu faktor yang menyumbang dalam memastikan pengisytiharan dividen kepada pemiutang dapat disegerakan. Sepanjang tahun 2011 Mdl telah berjaya menzahirkan aset yang diperolehi daripada 159 kes kebankrapan dan kes syarikat yang digulungkan dan jumlah penghasilan keseluruhan aset tersebut ialah sebanyak RM59,425,925.12. Maklumat mengenai penghasilan aset sepanjang tahun 2011 ditunjukkan dalam Jadual 5 seperti berikut:

Jadual 5: Penghasilan Aset Kebankrapan dan Syarikat Bagi Tahun 2011

Jenis Aset Yang Dihasilkan Sepanjang Tahun 2011	Bil Kes	Harga Jualan (RM)
Aset Tetap / Hartanah	68	55,082,023.37
Aset Alih	91	4,343,901.75
Jumlah	159	59,425,925.12

TOP LINE KPI

80% Kadar Penyelesaian Kes Insolvensi


A. KEBANKRAPAN

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 10,865 kes kebankrapan telah diselesaikan melalui 3 jenis kaedah yang ditetapkan dalam Akta Kebankrapan 1967 iaitu:

- (a) Pembatalan melalui mahkamah (Seksyen 105);
- (b) Pelepasan melalui mahkamah (Seksyen 33); dan
- (c) Pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (Seksyen 33A).

Jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak 70% berbanding tahun 2010 dan peningkatan sebanyak 109% berbanding tahun 2009. Pencapaian prestasi penyelesaian kes kebankrapan ditunjukkan bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan seperti Rajah 10 dan Jadual 6 berikut:

Rajah 10 : Perbandingan Pencapaian Prestasi Penyelesaian Kes Kebankrapan Daripada Tahun 2007 Sehingga Tahun 2011





Jadual 6: Jumlah terperinci Pelepasan Bankrap Mengikut Kategori Pertama dan Kedua Dari Tahun 2007 hingga 2011

Kategori Penyelesaian	2007	2008	2009	2010	2011
Pembatalan Mahkamah (S105)	1142	1535	1556	1863	2039
Pelepasan Melalui Mahkamah (S33)	474	690	542	855	438
Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (S33A)	1198	1631	3109	3674	8388
Jumlah Keseluruhan	2814	3856	5207	6392	10865


Jadual 7: Pencapaian Penyelesaian Kes Insolvensi Bagi Kes Kebankrapan Berbanding KPT Yang Ditetapkan Sepanjang Tahun 2011

Bilangan Kes Yang Dikenal pasti Untuk Diselesaikan Bagi Tahun 2011	Sasaran 80% Kes Kebankrapan Yang Perlu Diselesaikan Sepanjang Tahun 2011	Pencapaian Penyelesaian Kes Kebankrapan Berdasarkan Sasaran Bagi Setiap Suku Tahun 2011									
		Q1/11		Q2/11		Q3/11		Q4/11		Keseluruhan Q1-Q4/11	
		20%	20%	20%	20%	20%	20%	80%			
12000	7200	1562	13%	2448	20%	3504	35%	3166	32%	10865	91%

Faktor utama pencapaian ketara penyelesaian kes kebangkrapan sepanjang tahun 2011 ini disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi. Sebanyak 8388 individu bankrap telah dilepaskan melalui kaedah tersebut apabila tiada sebarang bantahan yang diterima daripada pihak pemiutang. Pencapaian yang ditunjukkan membuktikan keberhasilan projek penutupan dan pelupusan kes-kes dorman yang pentadbirannya tidak mendatangkan manfaat serta pelepasan bankrap yang dianggap usahawan *credible* selaras dengan dasar peluang kedua terutamanya bagi bankrap yang memberikan kerjasama serta bertanggungjawab dalam menyelesaikan hutang. Di samping itu, ia juga merealisasikan keberkesanan aktiviti naziran yang telah dijalankan di 13 cawangan pada suku tahun pertama, 3 cawangan pada suku tahun kedua, 11 cawangan pada suku tahun ketiga 2011 dan 12 cawangan pada suku tahun keempat. Pencapaian ketara pelepasan bankrap melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi ditunjukkan dalam Rajah 11 berikut:




Rajah 11: Pencapaian Jumlah Kes yang diselesaikan Melalui Kaedah Pelepasan Sijil Ketua Pengarah Insolvensi Daripada Tahun 2007 hingga 2011



Secara keseluruhan bagi tempoh 2007 hingga tahun 2011 seramai 28,949 orang bankrap telah dapat memulakan kehidupan baru apabila berjaya dilepaskan daripada stigma kebangkrutan dengan kaedah yang diperuntukkan dalam undang-undang seperti ditunjukkan dalam Rajah 12 berikut:


Rajah 12: Peratusan Pecahan Penyelesaian Kes Kebankrapan Mengikut Kategori Bagi tempoh 5 tahun (2007-2011)



B. PENGGULUNGAN SYARIKAT

Penyelesaian kes penggulungan syarikat mencatatkan pencapaian sebanyak 118% pada tahun 2011 apabila sebanyak 1660 kes penggulungan syarikat dapat diselesaikan berbanding 1403 kes yang diselesaikan pada tahun 2010. Peningkatan ini berikutan dengan penumpuan Mdl sepanjang tahun 2011 untuk menyelesaikan kes yang telah dikategorikan sebagai kes tidak kompleks dan dormant yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa 6 bulan. Impak pelaksanaan norma kerja baru dapat dilihat secara jelas dalam Rajah 13 seperti berikut:

Rajah 13 : Pencapaian Penyelesaian Kes Penggulungan Syarikat Mengikut setiap suku pertama dari tahun 2009 hingga 2011



Hasil daripada penetapan norma kerja baru dan projek *backlog clearance* kes-kes tersebut berjaya dibubarkan dengan segera atau mendapat perintah penggantungan yang membolehkan syarikat itu beroperasi kembali. Pencapaian tersebut juga sekaligus telah melengkapkan sasaran yang perlu dicapai pada tahun 2011 dan secara keseluruhannya sebanyak 1660 (92%) kes penggulungan syarikat telah berjaya diselesaikan berbanding 80% sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011. Pencapaian penyelesaian kes penggulungan syarikat berbanding sasaran pada tahun 2011 ditunjukkan seperti Jadual 8 berikut:



Jadual 8: Pencapaian Penyelesaian Kes Penggulangan Syarikat Berbanding KPT Yang Ditetapkan Bagi Sepanjang Tahun 2011

Bilangan Kes Penggulangan Syarikat Yang Dikenalpasti Untuk Diselesaikan Pada Tahun 2011	Sasaran 80% Kes Penggulangan Syarikat Yang Perlu Diselesaikan Sepanjang Tahun 2011	Pencapaian Berdasarkan Sasaran Bagi Setiap Suku Tahun 2011									
		Q1/11		Q2/11		Q3/11		Q4/11		keseluruhan Q1-Q4/11	
		20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	80%	
1800	1440	418	23%	420	23%	422	24%	400	22%	1660	92%

Secara keseluruhannya bagi tempoh 2007 hingga tahun 2011 sebanyak 3708 kes penggulangan syarikat secara terpaksa berjaya diselesaikan dan Mdl menjangkakan peningkatan yang berterusan pada tahun 2012.


C. PERTUBUHAN DAN KESATUAN SEKERJA YANG DIBATALKAN PENDAFTARAN

Jumlah penyelesaian kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya pada tahun 2011 telah berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan. Sebanyak 806 (81%) kes pertubuhan berbanding 80% sasaran telah berjaya diselesaikan. Begitu juga dengan penyelesaian kes kesatuan sekerja yang berjaya melepasi sasaran sebanyak 99% apabila 79 kes kesatuan sekerja telah diselesaikan sepanjang tahun 2011. Pencapaian penyelesaian kes pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya berbanding sasaran sepanjang tahun 2011 ditunjukkan seperti Jadual 9 berikut:

Jadual 9: Pencapaian Penyelesaian Kes Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja Berbanding KPT Yang Ditetapkan Bagi Tahun 2011

Bilangan Kes Yang Dikenalpasti Untuk Diselesaikan Pada Tahun 2011	Sasaran 80% Kes Pertubuhan & Kesatuan Sekerja Yang Perlu Diselesaikan Sepanjang Tahun 2011	Pencapaian Berdasarkan Sasaran Bagi Setiap Suku Tahun 2011									
		Q1/11		Q2/11		Q3/11		Q4/11		keseluruhan Q1-Q4/11	
		20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	20%	80%	
1000	800	164	16%	170	17%	172	18%	300	30%	806	81%
80	64	12	15%	20	25%	22	28%	25	31%	79	99%

Rajah 14 : Pencapaian Penyelesaian Kes Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Dari Tahun 2007 Hingga 2011





TOP LINE KPI

Memperoleh Hasil Pendapatan RM38,111,000.00 Bagi Tahun 2011

Peningkatan dan pencapaian Mdl dalam meningkatkan pengisytiharan dividen serta menyelesaikan kes insolvensi dengan segera terbukti memberikan impak yang positif kepada hasil pendapatan Mdl. Bagi tahun 2011, Mdl telah menetapkan sasaran pendapatan kerajaan sebanyak RM 38,111,000.00. KPI yang ditetapkan ini melebihi 6% berbanding dengan KPI pada tahun 2010 iaitu sebanyak RM35,897,107.00. Kenaikan sasaran ini disebabkan oleh kejayaan Mdl mengutip sebanyak RM 36,440,289 hasil pendapatan yang melebihi sasaran pada tahun 2010. Untuk memastikan sasaran/KPI kerajaan tercapai, pihak pengurusan tertinggi Mdl telah menerapkan konsep atau pendekatan "Melampaui Sasaran" dengan menetapkan *key performance target* (KPT) berdasarkan sasaran *stretch target* sebanyak RM 45,282,000.00 kutipan hasil yang perlu diperoleh Mdl bagi tahun 2011. Strategi ini dirangka agar dapat melonjakkan prestasi pegawai khususnya dan Mdl amnya untuk terus menerus melakukan inovasi terhadap setiap aktiviti teras.

Pendekatan yang digunakan ternyata berhasil apabila Mdl berjaya memperoleh kutipan hasil sebanyak RM 46,545,113 bagi tahun 2011. Jumlah tersebut bukan sahaja melepasi KPI kerajaan sebanyak 122.13% malahan telah melampaui *Key Performance Target* Mdl sebanyak 102.78%. Pecahan kutipan hasil Mdl yang diperoleh sepanjang tahun 2011 ditunjukkan seperti Jadual 10 berikut:


Jadual 10: Pecahan Kutipan Hasil Mdl Yang Diperoleh sepanjang Tahun 2011

JENIS HASIL	SASARAN	KUTIPAN	VARIAN P	ENCAPAIAN
	TAHUN 2011 (RM)	Q1-Q4 2011 (RM)	(RM)	(%)
CARIAN	12,991,200	14,231,240	1,240,040	109.55
FI PENGHASILAN DAN FI PEMBAHAGIAN	23,961,500	30,209,641	6,248,141	126.08
BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN	1,158,300	2,104,232	945,932	181.67
JUMLAH (JUTA)	38,111,000	46,545,113	8,434,113	122.13

Selain itu, pencapaian kutipan hasil bagi tahun 2011 meningkat sebanyak 27.7% jika dibandingkan dengan kutipan hasil pada tahun 2010. Merujuk Rajah 15, peningkatan secara drastik telah bermula semenjak tahun 2009 apabila Mdl memulakan program transformasi organisasi (OTP) yang memberikan salah satu fokus utama terhadap perekeyasaan proses kerja sedia ada. Jika dikaji lagi, pada tahun 2005 sehingga 2008 pendapatan hasil Mdl hanya bergantung kepada perkhidmatan carian sahaja dan apabila Mdl

mula memberikan fokus yang betul dan tepat kepada aktiviti teras dan utama dalam pentadbiran insolvensi bermula 2009, lonjakan drastik dan signifikan dapat dilihat kepada fi pembahagian dan penghasilan yang disumbangkan daripada aktiviti teras pentadbiran kes kebangkrutan dan penggulungan syarikat terutamanya prestasi pengisytiharan dividen kepada pemiutang. Pencapaian kutipan hasil bermula daripada tahun 2005 hingga 2011 ditunjukkan seperti Rajah 15 berikut:

Rajah 15 : Pencapaian kutipan hasil Mdl bermula daripada tahun 2005 hingga 2011




Pelaksanaan aktiviti teras atau KPI dengan serius oleh semua warga Mdl merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian drastik pendapatan Mdl. Prestasi positif aktiviti teras penghasilan aset dan pembayaran dividen kepada pemiutang boleh dibanggakan. Peningkatan hasil kutipan fi dan pembahagian disumbangkan melalui penghasilan aset yang diperoleh daripada 161 kes kebangkrutan dan kes syarikat yang digulungan. Jumlah penghasilan keseluruhan aset tersebut adalah sebanyak RM 59,425,924 dan, begitu juga dengan peningkatan jumlah dividen yang diisytihar dan dibayar kepada pemiutang pada kadar RM 33,200,173 berbanding RM 19,726,997.51 pada tahun 2010

TOP LINE KPI

80% Pematuhan Piagam Pelanggan

Pematuhan piagam pelanggan juga merupakan salah satu KPI utama yang dapat menyumbang kepada kecekapan Mdl dalam mentadbir kes insolvensi. Bagi suku kedua 2011 Mdl berjaya mencapai sebanyak 85% kadar pematuhan piagam pelanggan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 80%. Prestasi pematuhan piagam pelanggan sepanjang tahun 2011 ditunjukkan seperti Rajah 16 berikut:

Rajah 16: Prestasi Pematuhan Piagam Pelanggan Bagi Tahun 2011



PROGRAM 2: MEMPERTINGKATKAN PEMATUHAN BANKRAP DAN SYARIKAT DI BAWAH PERUNDANGAN INSOLVENSİ

Pematuhan undang-undang Insolvensi di kalangan bankrap, pengarah syarikat serta stakeholders Mdl seperti para pemiutang terutamanya pihak Bank dan peguam sangat penting bagi memastikan pentadbiran kes Insolvensi dapat dilaksanakan secara berkesan dan kos efektif. Ini kerana salah satu masalah utama Mdl dalam mengendalikan pentadbiran kes insolvensi dengan segera dan efisien bergantung pada tahap kerjasama dan pematuhan undang-undang insolvensi oleh bankrap serta pengarah syarikat itu sendiri. Berikutan dengan masalah ini Mdl telah mengatur strategi bagi memenuhi program 2 seperti berikut:

- (a) Pemantauan bankrap yang melanggar syarat-syarat yang dikenakan apabila kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi diberikan terhadap sekatan yang dipohon;
- (b) Pemantauan pendapatan bankrap setiap 6 bulan; dan
- (c) Melaksanakan aktiviti yang memberi kesedaran tentang kepentingan memahami undang-undang insolvensi dan mengenali fungsi dan peranan Mdl. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - (i) Rundingan Interaktif,
 - (ii) *Outreach program* (termasuk inisiatif berinovasi bagi perkhidmatan *beyond counter*);
 - (iii) Promosi Mdl melalui media elektronik; dan
 - (iv) Promosi Mdl melalui media cetak.

PEMANTAUAN MELALUI PERMOHONAN BANKRAP UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ TERHADAP SEKATAN YANG DIKENAKAN

Sepanjang tahun 2011, Mdl telah menerima sebanyak 8388 permohonan bankrap untuk mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi yang akan membolehkan mereka melepasi sekatan yang ditetapkan bagi tempoh tertentu berdasarkan syarat yang akan ditetapkan oleh KPI. Maklumat mengenai jumlah permohonan berdasarkan kategori sekatan secara keseluruhan ditunjukkan dalam Jadual 11 berikut:



Jadual 11: Maklumat Jumlah Permohonan Berdasarkan Kategori Sekatan

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan
1	Permohonan Bankrap Ke luar Negara	7106
2	Permohonan Bankrap Untuk Menjalankan Perniagaan Atau Menjadi Pengarah Syarikat	545
3	Permohonan Bankrap Untuk Bekerja Di Syarikat Milik Keluarga	484
4	Permohonan Sanksi (Kebenaran untuk Bankrap meneruskan tindakan mahkamah)	155
5	Lain-lain permohonan	98
Jumlah Keseluruhan		8388

Berdasarkan jadual di atas, permohonan bankrap untuk mendapatkan kebenaran ke luar negara merupakan permohonan yang paling banyak diterima oleh Mdl. Maklumat mengenai permohonan tersebut diterangkan secara terperinci seperti berikut :

(a) Permohonan Bankrap Untuk Ke Luar Negara

Permohonan bankrap untuk ke luar negara meningkat sebanyak 14.5% iaitu 7,106 permohonan berbanding 6,207 permohonan pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, 63% merupakan permohonan bagi tujuan untuk bekerja. Kebenaran yang diberikan dapat membantu bankrap menjana pendapatan untuk kesejahteraan hidup dan sekaligus dapat memberi sumbangan dan pendapatan terhadap peningkatan jumlah aset kebangkrutan beliau. Jumlah permohonan dan tujuan permohonan bankrap ke luar Negara bagi tahun 2011 dinyatakan seperti Jadual 12 di bawah.

Jadual 12 :Jumlah Dan Tujuan Permohonan Keluar Negara Mengikut Tujuan Permohonan

Tujuan Permohonan	2010	2011
Bekerja	3493	4446
Umrah/ Menunaikan Ibadah Haji/ Keagamaan Lain	538	814
Melawat Keluarga	332	289
Rawatan Perubatan	187	239
Perkahwinan	109	192
Melawat Anak	91	173
Urusan Keluarga	120	153
Ziarah Atas Sebab Sakit/Kematian	149	66
Kursus/Seminar/Pameran	34	131
Urusan Peribadi	34	122
Tinggal Diluar Negara	19	93
Lawatan	32	91
Menemani Isteri/Suami	112	83
Konvokesyen	22	73
Temuduga	12	27
Melancong	16	25
Rakyat Asing/Pulang Negara Asal	15	14
Misi Negara (ketenteraan)	6	3
Lain-Lain	261	72
Jumlah	5582	7106

Bagi memudahkan proses kelulusan, bankrap yang ingin membuat permohonan ke luar negara dinasihatkan mengemukakan surat permohonan serta dokumen lengkap sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh ke luar negara. Mdl akan memproses permohonan yang diterima dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Tidak semua permohonan yang diterima akan diluluskan. Daripada 7106 permohonan, 6847 (96.4%) telah diberi kelulusan manakala sebanyak 232 permohonan telah ditolak dengan alasan-alasan berikut:

- (i) Lawatan bertujuan sosial/ melancong yang tidak mendatangkan faedah kepada aset kebangkrutan;
- (ii) Alasan keluar negara yang berulang kali;
- (iii) Kurang memberikan kerjasama apabila gagal memastikan bayaran ansuran bulanan yang kemaskini;
- (iv) Tujuan keagamaan lebih daripada sekali;
- (v) terdapat tunggakan dalam bayaran ansuran bulanan yang telah ditetapkan;
- (vi) tiada kerjasama daripada bankrap sepanjang pentadbiran kes; dan
- (vii) kegagalan mengemukakan dokumen sokongan seperti yang diminta.



(b) Permohonan Untuk Menjalankan Perniagaan Atau Menjadi Pengarah Syarikat

Sepanjang tahun 2011 permohonan bankrap untuk menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah syarikat telah meningkat sebanyak 33% iaitu 545 berbanding tahun 2010 yang melibatkan 365 permohonan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 530 permohonan yang diterima telah diluluskan dan 15 permohonan bankrap telah ditolak dengan alasan-alasan seperti berikut :

- (i) di luar bidang kuasa KPI sebagai contoh permohonan untuk terlibat dalam pertubuhan;
- (ii) bankrap mempunyai tunggakan ansuran bulanan yang tinggi;
- (iii) dokumen permohonan yang dikemukakan tidak lengkap;
- (iv) tiada kerjasama dari bankrap terutamanya bankrap yang tidak mematuhi syarat kelulusan yang lepas; dan
- (v) terdapat kes bankrap yang sedang dalam siasatan Mdl.

(c) Permohonan Untuk Bekerja Di Syarikat Milik Keluarga

Sebanyak 484 permohonan bankrap untuk terlibat dalam perniagaan yang dijalankan oleh ahli keluarga telah diterima. Permohonan tersebut merangkumi permohonan daripada bankrap yang memohon untuk bekerja dengan pasangan, ibu bapa, adik-beradik, menantu, saudara-mara, dan anak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 478 (98.8%) permohonan telah diluluskan dan 6 (1.2%) permohonan lagi telah ditolak dengan alasan yang sama seperti perenggan b (ii) hingga (v) di atas.

Berikut merupakan antara bidang perniagaan yang melibatkan permohonan bankrap di perenggan (b) dan (c):

Bil	Jenis Perniagaan yang diceburi bankrap	Jumlah
1	Pertanian/perhutanan/Penternakan	73
2	Perlombongan dan kuari	124
3	Perkilangan	99
4	Elektrik, gas dan air	89
5	Pembinaan	141
6	Perdagangan, borong dan runcit;	214
7	Pengangkutan, komunikasi dan Perhotelan	69
8	Perkhidmatan kewangan, insurans, dan harta pelaburan	121
9	Perkhidmatan komuniti sosial dan peribadi dan pendidikan	99
Jumlah Permohonan bagi (b) dan (c)		1029

(d) Permohonan bankrap untuk meneruskan tindakan mahkamah (Sanksi)

Mdl telah menerima sebanyak 155 permohonan daripada bankrap untuk meneruskan tindakan di Mahkamah. Dalam membuat pertimbangan mengenai permohonan ini KPI perlu memastikan tindakan mahkamah yang ingin diteruskan bermerit dan memberikan faedah terhadap estet kebangkrutan. Rasional kelulusan ini diperlukan ialah supaya bankrap tidak akan menanggung bebanan yang tinggi sekiranya prosiding tersebut tidak memihak kepada bankrap dan juga supaya tiada sebarang kos yang akan ditanggung oleh KPI selaku pentadbir hal ehwal bankrap. Daripada jumlah permohonan tersebut hanya 146 permohonan diluluskan dan 9 permohonan lagi telah ditolak kerana:

- (i) terdapat prosiding yang tidak memerlukan kebenaran dari KPI seperti kes syariah;
- (ii) Kes tiada merit;
- (iii) dokumen permohonan tidak lengkap; dan
- (iv) tiada kerjasama daripada bankrap serta bankrap masih mempunyai tunggakan hutang yang sangat tinggi dan dikhuatiri sekiranya kelulusan diberikan akan menambahkan beban tanggungan bankrap.

(e) Lain-lain permohonan

Selain daripada permohonan di atas, Mdl turut menerima lain-lain permohonan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13.



Jadual 13 : Permohonan Lain Yang Diterima Oleh Mdl pada Tahun 2011

Permohonan untuk:	Jumlah permohonan	Diluluskan	Ditolak
Membuka akaun ASB	18	11	7
Pengeluaran wang KWSP	35	29	6
Membuka akaun simpanan	7	5	2
Pengeluaran wang estet	12	9	3
Pengeluaran wang tabung haji	5	3	2
Mengurangkan kos dan fi kpi	5	4	1
Mengaktifkan akaun	7	6	1
Mengurangkan ansuran bulanan	9	6	3
Jumlah	98	73	25

Memandangkan Mdl kerap menerima permohonan bankrap seperti di perenggan (a) hingga (e) sepanjang tahun 2011 bahagian Kebankrapan telah melakukan Pemantauan tingkah laku bankrap dengan aktif terutamanya bagi perkara berikut:

- (i) Pemantauan ke atas pematuhan syarat-syarat kelulusan oleh Bankrap; dan
- (ii) Pemantauan ke atas kesahihan slip gaji bankrap melalui caruman KWSP.

Pemantauan Ke Atas Pematuhan Syarat-Syarat Kelulusan Oleh Bankrap

Sebelum ini Mdl tidak pernah mengambil tindakan untuk membatalkan kelulusan keluar negara atas pelanggaran syarat oleh bankrap. Bagaimanapun kini satu Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil. 5/2011 telah dikeluarkan untuk memantau bankrap yang didapati melanggar syarat untuk kelulusan keluar negara, Mdl akan mengeluarkan surat dengan serta merta kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk membatalkan kelulusan yang telah diberikan. Setakat ini Mdl telah membatalkan kelulusan salah seorang bankrap yang gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan sebelum ke luar Negara kepada Jabatan Imigresen Malaysia pada 9 Jun 2011.

Pemantauan Ke Atas Kesahihan Slip Gaji Bankrap Melalui Caruman KWSP

Dari hasil penyemakan dan pemerhatian Mdl mendapati masih terdapat segelintir bankrap yang cuba menyembunyikan jumlah pendapatan sebenar mereka. Masalah ini akan menyukarkan Mdl dalam membantu mereka keluar dari stigma kebangkrutan dengan kadar segera. Untuk mengatasi masalah ini satu Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil. 6/2011 telah dikeluarkan supaya semua pegawai Mdl perlu meminta pengesahan kesahihan slip gaji bankrap melalui majikan bankrap sekiranya kesahihan slip gaji bankrap diragui yang antara lain apabila tiada sebarang potongan KWSP yang tertera di slip gaji tersebut.

Mdl juga telah menjalinkan kerjasama bersama pihak KWSP di mana Mdl akan melaporkan kepada pihak KWSP berkenaan majikan yang tidak membuat caruman KWSP. Ini juga untuk membantu kebajikan bankrap sekiranya slip gaji beliau tiada potongan KWSP dilaksanakan oleh majikan.

Selain itu, Mdl juga akan memohon maklumat terkelas berkenaan hal ehwal caruman bankrap daripada pihak KWSP berdasarkan surat persetujuan yang ditandatangani oleh bankrap.

Objektif Pemantauan

Objektif pemantauan yang dijalankan ialah untuk meningkatkan kadar pematuhan bankrap dan memastikan supaya bankrap akan memberi keutamaan sepenuhnya dalam menyelesaikan hutang mereka kepada pihak pemiutang. Dengan pemantauan yang berkesan akan dapat mengurangkan potensi bankrap untuk menyembunyikan pendapatan mereka atau menerima wang tanpa pengetahuan Mdl dan cuba melengah-lengahkan pembayaran hutang. Mekanisme ini juga dapat menyegerakan proses pentadbiran hal ehwal kebangkrutan sekurang-kurangnya tidak lebih dari 5 tahun. Mekanisme sebegini juga digunakan dalam pentadbiran hal ehwal penggulangan syarikat.



TOP LINE KPI

80% Program Penjenamaan (Re-branding) Imej Mdl Dilaksanakan

Selain daripada program pemantauan yang dijalankan peningkatan kadar pematuhan bankrap dan pengarah syarikat juga dapat disumbangkan oleh kegiatan aktif Mdl yang mengambil pendekatan untuk mendekati golongan ini serta masyarakat amnya melalui aktiviti berunsurkan pendidikan. Ianya bertujuan untuk memaklumkan mengenai fungsi dan peranan Mdl serta tanggungjawab bankrap dan pengarah syarikat apabila digulungkan. Selain itu, Mdl juga mengadakan forum bersama agensi-agensi yang berkepentingan untuk sama-sama berbincang mengenai isu dan masalah yang dihadapi sewaktu mentadbir kes-kes insolvensi.

Sehubungan itu bagi tahun 2011 Mdl telah merancang sebanyak 300 program yang terdiri daripada 4 kategori untuk meningkatkan imej Mdl dan memberi pendidikan kepada orang ramai amnya terutama sekali atas salah anggap masyarakat tentang peranan dan fungsi Mdl sebagai pentadbir hal ehwal insolvensi. Empat kategori program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Rundingan Interaktif;
- (b) *Outreach program* (termasuk inisiatif berinovasi bagi perkhidmatan *beyond counter*);
- (c) Promosi Mdl melalui media elektronik; dan
- (d) Promosi Mdl melalui media cetak;

Mdl telah menjalankan *outreach program* dan aktiviti di luar sempadan kaunter (*beyond counters*) dalam usaha menyebarkan maklumat, mewujudkan kesedaran, memberi pendidikan seterusnya mendekati individu yang bankrap khususnya dan masyarakat keseluruhan amnya. Mdl peka mengenai kepentingan dalam memilih dan mengambil tindakan yang dapat memberikan kesejahteraan dan kepentingan kepada masyarakat. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi kerajaan 'rakyat didahulukan'. Program yang dijalankan terdiri daripada *roadshows*, siri taklimat atau memberi penerangan dan penyertaan dalam pameran serta hari terbuka atau bersama pelanggan. Secara keseluruhannya sepanjang tahun 2011 Mdl telah berjaya memperoleh 86% pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan. Maklumat pelaksanaan projek *rebranding* bagi tahun 2011 berbanding sasaran ditunjukkan seperti Jadual 14 berikut:

Jadual 14: Pelaksanaan Projek Rebranding Bagi Tahun 2011 Berbanding Sasaran yang Ditetapkan.

Bilangan Program Yang Dirancang Bagi Tahun 2011	Sasaran 80% Program perlu dilaksanakan	Pencapaian Pelaksanaan Program Berdasarkan Sasaran Bagi Setiap Suku Tahun 2011									
		Q1/2011 (20%)		Q2/2011 (20%)		Q3/2011 (20%)		Q4/2011 (20%)		Jumlah keseluruhan (Q1-Q4)	
300	240	95	32%	79	26%	43	14%	41	14%	258	86%

Antara program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2011 mengikut kategori dihuraikan seperti berikut:

Consultative Forum

Sebanyak 48 sesi Consultative Forum telah dijalankan bersama pihak-pihak berkepentingan. Maklumat mengenai sesi yang telah dijalankan ditunjukkan seperti berikut:



BIL	PIHAK-PIHAK	TARIKH	AGENSI	ISU DAN PERBINCANGAN
1	Pejabat Daerah & Hospital Semporna	18.1.2011	Mdl Tawau	Isu Kebankrapan
2	Pej. Daerah & Hospital Kunak	19.1.2011	Mdl Tawau	Isu Kebankrapan
3	Pejabat Daerah & Hospital Lahad Datu	20.1.2011	Mdl Tawau	Isu Kebankrapan
4	IPK Kuala Terengganu	24.1.2011	Mdl Terengganu	Perbincangan mengeratkan kerjasama antara polis dan Mdl
5	Malaysia Industrial Development Sdn Bhd	28.1.2011	Mdl Wilayah Persekutuan	Perbincangan berhubung pelupusan aset
6	Persidangan Meja Bulat	14.2.2011	Mdl Ibu Pejabat & FOMCA	Meningkatkan tabiat kewangan yang bijak di kalangan pengguna malaysia.
7	Peguam Jabatan	17.2.2011	Mdl Kedah	Isu Kebankrapan
8	Jabatan Tanah dan Ukur	23.2.2011	Mdl Sandakan	Perbincangan berhubung masalah likuidasi Re:United Lands Development Sdn.Bhd. & isu berkaitan pentadbiran tanah negeri Sabah
9	Mesy. Jkuasa Kerja dan Tindakan Negeri Pahang.	24.2.2011	Mdl Kuantan	Taklimat Fungsi dan Perkembangan Mdl
10	JPJ Muar	28.2.2011	Mdl Muar	Perbincangan kerjasama antara Mdl dan JPJ
11	KWSP, LHDN, Tb Haji, Lembaga Air Perak, PNB, Telekom, Maj. Perbandaran Taiping, TEKUN	28.2.2011	Mdl Taiping	Isu mengenai kebangkrapan dan likuidasi.
12	JPJ Pahang	28.2.2011	Mdl Kuantan	Perbincangan berhubung program bersama dari semasa ke semasa
13	Timbalan dan SAR Mahkamah Tinggi Shah Alam	2.3.2011	Mdl Selangor	Isu Kebankrapan
14	Timbalan Ketua Polis Dungun	3.3.2011	Mdl Terengganu	Perlaksanaan Waran Tangkap
15	JPJ Sarawak	3.3.2011	Mdl Kuching	Isu pemilik kenderaan yang bankrap.
16	Pendaftar Pertubuhan	8.3.2011	Mdl Ipoh	Berbincang dan mencari penyelesaian bagi kes-kes Pembatalan Pertubuhan
17	Persidangan Meja Bulat	14.3.2011	Mdl Ibu Pejabat	Isu Kebankrapan
18	JKR Seremban	15.3.2011	Mdl Negeri Sembilan	Perbincangan mengenai nilai kenderaan
19	Public Bank Berhad	18.3.2011	Mdl Kuantan	Perbincangan berhubung Sijil Pelepasan KPI dan pembayaran dividen
20	Mahkamah Tinggi Johor Bahru	23.3.2011	Mdl Johor Bahru	Perbincangan kes-kes kebangkrapan
21	Permodalan Nasional Berhad	24.3.2011	Mdl Ibu Pejabat	Isu Kebankrapan
22	Ketua Polis Daerah Kemaman	7.4.2011	Mdl Terengganu	Perlaksanaan Waran Tangkap
23	Bahagian Pengurusan Aset & Kualiti Maybank (RAQM) Cawangan Taman Suria, Johor Bahru, Johor	15.04.2011	Mdl Johor Bahru	Perbincangan berkaitan Pembayaran Dividen Dan Pemulangan Deposit di bawah Akta Kebankrapan 1967
24	Pegawai Kanan dan Ketua Balai IPD Terengganu	26.4.2011	Mdl Terengganu	Perbincangan berhubung isu-isu Pendakwaan dan Penguatkuasaan
25	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Tumpat, Kelantan	19.5.2011	Mdl Kelantan	Isu-isu Kebankrapan di Kalangan Penjawat Awam
26	KWSP	24.5.2011	Mdl Muar	Memperkenalkan Fungsi Mdl
27	Bank Islam Malaysia Berhad	26.5.2011	Mdl W Persekutuan	Isu Kebankrapan



BIL	PIHAK-PIHAK	TARIKH	AGENSI	ISU DAN PERBINCANGAN
28	Permodalan Nasional Berhad	2.6.2011	Mdl Wilayah Persekutuan	Isu Kebankrapan iaitu surat notifikasi awal yang dihantar kepada PNB dan juga mengenai bankrap yang telah dilepaskan atau dibatalkan.
29	Pejabat Tanah dan Galian	8.6.2011	Mdl Ipoh	Isu berhubung hartanah milik bankrap dan carian hartanah tanpa menggunakan no. Hak milik.
30	KWSP	21.6.2011	Mdl Ibu Pejabat	Perbincangan isu-isu kebangkrutan berhubung pengeluaran wang KWSP milik bankrap.
31	Felda UMAS 2	27.6.2011	Mdl Tawau	Isu peruntukan undang-undang pindahmilik harta bankrap mengikut polisi Felda.
32	Bahagian Pinjaman Perumahan	19.7.2011	Mdl Ibu Pejabat	Perbincangan isu-isu kebangkrutan berhubung penjawat awam yang muflis.
33	National Tax Conference	20.7.2011	Mdl Ibu Pejabat	Ybhg KPI menerima pengiktirafan menjadi Chairman Persidangan
34	Maybank	22.7.2011	Mdl Ibu Pejabat	Isu perbincangan mengenai prosedur kebangkrutan.
35	Kenanga Investment Bank Berhad	10.8.2011	Mdl Wilayah Persekutuan	Isu Pemulangan Deposit.
36	Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu	16.8.2011	Mdl Terengganu	Isu-isu Pendakwaan dan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Di Bawah Akta Kebankrapan 1967
37	Mahkamah Tinggi Miri	16.8.2011	Mdl Miri	Isu-isu Pendakwaan dan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Di Bawah Akta Kebankrapan 1967
38	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG Perak)	19.8.2011	Mdl Ipoh	Isu berhubung hartanah milik bankrap dan carian hartanah tanpa menggunakan no. Hak milik.
39	Bersama Mahkamah Tinggi Melaka	26.09.2011	Mdl Melaka	Isu-isu Pendakwaan dan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Di Bawah Akta Kebankrapan 1967
40	Lembaga Hasil Dalam Negeri	13.10.2011	Ibu Pejabat	Isu mengenai kebangkrutan dan likuidasi.
41	Bahagian Pengeluaran EPF, PJ	8.11.2011	Ibu Pejabat	Perbincangan isu-isu kebangkrutan berhubung pengeluaran wang EPF milik bankrap.
42	Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia	15.11.2011	Ibu Pejabat	Isu mengenai kebangkrutan dan likuidasi.
43	Jabatan Imigresen Malaysia	15.11.2011	Ibu Pejabat	Isu bankrap ke luar negara tanpa izin.
44	Sesi Perbincangan Bersama Pegawai Polis dari bahagian Jenayah Komersial Daerah Petaling Jaya	22.11.2011	Mdl Selangor	Isu mengenai kebangkrutan dan likuidasi.
45	ICD 2011 Kota Kinabalu 6.12.2011	6.12.2011	Mdl Kota Kinabalu	mengenal pasti dan mendapatkan maklum balas mengenai isu berkaitan insolvensi dengan pihak yang terlibat dengan hal ehwal insolvensi.
46	Bank Negara Malaysia	9.12.2011	Ibu Pejabat	Isu mengenai kebangkrutan dan likuidasi.
47	Persatuan S/U Syarikat Malaysia	14.12.2011	Ibu Pejabat	Isu mengenai likuidasi.
48	Lembaga Atom Malaysia	15.12.2011	Ibu Pejabat	Isu mengenai kebangkrutan dan likuidasi.



BIL	PIHAK-PIHAK	TARIKH	AGENSI	ISU DAN PERBINCANGAN
1	Pejabat Daerah & Hospital Semporna	18.1.2011	Mdl Tawau	Isu Kebankrapan
2	Pej. Daerah & Hospital Kunak	19.1.2011	Mdl Tawau	Isu Kebankrapan
3	Pejabat Daerah & Hospital Lahad Datu	20.1.2011	Mdl Tawau	Isu Kebankrapan
4	IPK Kuala Terengganu	24.1.2011	Mdl Terengganu	Perbincangan mengeratkan kerjasama antara polis dan Mdl
5	Malaysia Industrial Development Sdn Bhd	28.1.2011	Mdl Wilayah Persekutuan	Perbincangan berhubung pelupusan aset
6	Persidangan Meja Bulat	14.2.2011	Mdl Ibu Pejabat & FOMCA	Meningkatkan tabiat kewangan yang bijak di kalangan pengguna malaysia.
7	Peguam Jabatan	17.2.2011	Mdl Kedah	Isu Kebankrapan
8	Jabatan Tanah dan Ukur	23.2.2011	Mdl Sandakan	Perbincangan berhubung masalah likuidasi Re:United Lands Development Sdn.Bhd. & isu berkaitan pentadbiran tanah negeri Sabah
9	Mesy. Jkuasa Kerja dan Tindakan Negeri Pahang.	24.2.2011	Mdl Kuantan	Taklimat Fungsi dan Perkembangan Mdl
10	JPJ Muar	28.2.2011	Mdl Muar	Perbincangan kerjasama antara Mdl dan JPJ
11	KWSP, LHDN, Tb Haji, Lembaga Air Perak, PNB, Telekom, Maj. Perbandaran Taiping, TEKUN	28.2.2011	Mdl Taiping	Isu mengenai kebangkrapan dan likuidasi.
12	JPJ Pahang	28.2.2011	Mdl Kuantan	Perbincangan berhubung program bersama dari semasa ke semasa
13	Timbalan dan SAR Mahkamah Tinggi Shah Alam	2.3.2011	Mdl Selangor	Isu Kebankrapan
14	Timbalan Ketua Polis Dungun	3.3.2011	Mdl Terengganu	Perlaksanaan Waran Tangkap
15	JPJ Sarawak	3.3.2011	Mdl Kuching	Isu pemilik kenderaan yang bankrap.
16	Pendaftar Pertubuhan	8.3.2011	Mdl Ipoh	Berbincang dan mencari penyelesaian bagi kes-kes Pembatalan Pertubuhan
17	Persidangan Meja Bulat	14.3.2011	Mdl Ibu Pejabat	Isu Kebankrapan
18	JKR Seremban	15.3.2011	Mdl Negeri Sembilan	Perbincangan mengenai nilai kenderaan
19	Public Bank Berhad	18.3.2011	Mdl Kuantan	Perbincangan berhubung Sijil Pelepasan KPI dan pembayaran dividen
20	Mahkamah Tinggi Johor Bahru	23.3.2011	Mdl Johor Bahru	Perbincangan kes-kes kebangkrapan
21	Permodalan Nasional Berhad	24.3.2011	Mdl Ibu Pejabat	Isu Kebankrapan
22	Ketua Polis Daerah Kemaman	7.4.2011	Mdl Terengganu	Perlaksanaan Waran Tangkap
23	Bahagian Pengurusan Aset & Kualiti Maybank (RAQM) Cawangan Taman Suria, Johor Bahru, Johor	15.04.2011	Mdl Johor Bahru	Perbincangan berkaitan Pembayaran Dividen Dan Pemulangan Deposit di bawah Akta Kebankrapan 1967
24	Pegawai Kanan dan Ketua Balai IPD Terengganu	26.4.2011	Mdl Terengganu	Perbincangan berhubung isu-isu Pendakwaan dan Penguatkuasaan
25	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Tumpat, Kelantan	19.5.2011	Mdl Kelantan	Isu-isu Kebankrapan di Kalangan Penjawat Awam
26	KWSP	24.5.2011	Mdl Muar	Memperkenalkan Fungsi Mdl
27	Bank Islam Malaysia Berhad	26.5.2011	Mdl W Persekutuan	Isu Kebankrapan



Outreach Program

Bagi tahun 2011 sebanyak 155 outreach program telah dilaksanakan dan pecahan sasaran audien adalah seperti berikut:

- (a) Agensi Kerajaan
- (b) Agensi swasta
- (c) Kombinasi/lain-lain/terbuka; dan
- (d) Bersama bankrap

Maklumat mengenai program yang dijalankan ditunjukkan dalam seperti berikut:

Mdl	Jumlah Program	Program/aktiviti	Sasaran
Ibu Pejabat	23	1.Taklimat kebangkrapan 2.Pameran 3.Karnival 1Komuniti 1Malaysia 4. Hari terbuka stor Mdl	Kakitangan BHEUU dan JBG, CUEPACS, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Audit Negara, Kakitangan Bahagian Pinjaman Perumahan, Mineral dan Geosains, Angkatan Tentera Malaysia, Maybank Berhad, Perbadanan Sisa Pepejal, Pengunjung INTAN dan AKPK.
Pulau Pinang	17	1. Beyond Counter Service 2. Taklimat kebangkrapan 3. Klinik kerjaya	Bankrap, Kakitangan Jabatan Perhilitan Negeri, LHDN, Pertahanan Awam Negeri, JPJ, Jabatan Penjara Sg Bakap, Jabatan Imigresen Malaysia, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Jabatan Kastam Malaysia, Perbadanan Sisa Pepejal Malaysia dan Tentera Udara Di-Raja Malaysia.
Tawau	14	1. Beyond Counter Service 2. Pameran 3. Taklimat Kebankrapan	Orang awam, Bankrap, Kakitangan Hospital Semporna, Pejabat Daerah Kunak, Hospital Kunak, Hospital Lahad Datu, Pejabat daerah Semporna dan FELDA.
Terengganu	13	1. Beyond counter Service 2. Taklimat Kebankrapan 3. Pameran	Bankrap, Orang awam, Kakitangan Pejabat Tanah dan Galian, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, MBSB, Jabatan Kerja Raya, LPPKN dan CUEPACS.
Ipoh	12	1. Beyond Counter Service 2. Mdl Turun Padang 3. Pameran 4. Taklimat Kebankrapan	Bankrap, Orang Awam, Kakitangan AEON Bank , Jabatan Penerangan Malaysia , Kakitangan Tabung Haji, Pelajar IPTA dan Peserta Rakan Muda
Sandakan	9	1. Beyond Counter Service 2. Program Juara Rakyat 3. Pameran 4. Taklimat Kebankrapan	Bankrap, Orang awam dan Angkatan Tentera Malaysia
Kelantan	8	1. Taklimat Kebankrapan 2. Beyond Counter Service 3. Pameran	Bankrap, Pelajar Kolej Masterskill, Kakitangan Jabatan Tenaga Rakyat dan Jabatan Tenaga Kerja
Temerloh	8	1. Hari Kenali Mdl 2. Pameran	Bankrap dan Orang awam
Taiping	8	1. Beyond Counter Service 2. Pameran 3. Taklimat	Bankrap, Orang Awam
Kota Kinabalu	6	1. Mdl -1Link 2. Beyond Counter Service 3. Taklimat Kebankrapan	Bankrap, Orang Awam, Kakitangan Jabatan Hal ehwal Wanita dan Pejabat Daerah Ranau.
Kuantan	6	1. Taklimat kebangkrapan 2. Pameran 3. Program 1Komuniti 1JPJ	Bankrap, Orang Awam dan pengunjung pameran JPJ.
Kuching	6	1. Pameran 2. Mdl-4u 3. Taklimat Kebankrapan	Orang Awam
Negeri Sembilan	6	1. Pameran 2. Taklimat 3. Beyond Counter Service	Bankrap, Orang Awam, Angkatan Tentera Malaysia dan kakitangan Pejabat SUK Negeri.
Mdl Kedah	5	1. Beyond Counter Service 2. Taklimat Kebankrapan	Bankrap, kakitangan CUEPACS dan Jabatan Belia dan sukan



Mdl	Jumlah Program	Program/aktiviti	Sasaran
Sibu	5	1. Beyond Counter Service 2. Taklimat Kebankrapan	Orang awam dan Kakitangan Pejabat Tanah dan Galian
Selangor	4	1. Taklimat kebankrapan 2. Hari Kenali Mdl	Bankrap dan Orang Awam
Johor Bharu	3	1. Beyond Counter Service 2. Pameran	Bankrap dan Orang Awam
Melaka	3	1. Beyond counter service 2. Pameran 3. Taklimat Kebankrapan	Bankrap, Orang Awam dan Kakitangan Jabatan Kastam Malaysia.
Muar	3	1. Beyond Counter Service 2. Taklimat Kebankrapan 3. Program 1 Komuniti 1 Malaysia	Bankrap, Orang Awam dan PDRM
Miri	2	1. Program Sejiwa Senada	Orang awam
Perlis	2	1. Taklimat kebankrapan	Kakitangan Jabatan Kesihatan Malaysia dan Suruhanjaya Pertubuhan Malaysia.

Promosi Mdl Melalui Hubungan Media

Maklumat yang ingin disampaikan oleh Mdl kepada masyarakat telah disebarikan melalui media massa. Beberapa siaran media dan wawancara telah dikendalikan bagi menyebarkan maklumat penting untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap peranan, produk dan perkhidmatan Mdl. Pihak Pengurusan Mdl juga ditemuramah menerusi pelbagai rangkaian radio dan television tempatan seperti yang disenaraikan:

Jaringan	Tarikh	Rancangan/Slot	Tajuk
Perak FM	19.1.2011	Wawancara dengan RTMKK	Kebankrapan
RTM Kota Kinabalu	28.2.2011	Temubual	Fokus Bulan ini : Isu Kebankrapan
Tawau FM	7-13.3.2011	Segmen Warna Pagi	hebahan mengenai kebankrapan dan pameran jabatan
IKIMfm	9.3.2011	Wawancara	Ukur Baju Di Badan Sendiri
Mutiara FM	13.4.2011	Temubual	Apa itu kebankrapan
Sabah VFM	18.4.2011	Temubual	Kebankrapan dan anda
Radio Pahang FM	31.5.2011	Rakaman Program Temubual	Penggulungan Syarikat
Radio Malaysia Selangor	3.5.2011	Temubual (Bahasa Malaysia)	Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat
Sibu FM	17.7.2011	Temubual (Bahasa Iban)	Kebankrapan
Sibu FM	28.7.2012	Temubual (Bahasa Iban)	Kebankrapan
RTM Miri	22.8.2011	Temubual (Bahasa Iban)	Kebankrapan
RTM Miri	27.9.2011	Temubual	Kebankrapan
PerlisFM	9.9.2011	Rancangan Titik Sentuhan	Kebankrapan
TerengganuFM	8.9.2011	Agenda Awani	Isu-Isu Kebankrapan
Astro Awani	5.10.2011	Wawancara	Haji Dalam Hutang
Radio Bernama 24	14.10.2011	Wanita Hari Ini	Peranan Mdl dan Isu Kebankrapan
TV3	21.11.2011	Hello On Two	Suamiku Mufis
TV2	22.11.2011	Wawancara dengan Perak FM	Bankruptcy



Mdl juga telah mengatur dan mengadakan wawancara media serta mengeluarkan siaran-siaran akhbar. Lebih 35 keratan akhbar diterbitkan dalam The New Straits Times (NST), Berita Harian, Utusan Malaysia, The Star, Sinar Harian, Harian Metro dan lain-lain turut menyiarkan mesej-mesej penting mengenai isu kebangkrutan, penggulangan syarikat, inisiatif-inisiatif penguatkuasaan kesalahan bankrap, pembaharuan undang-undang insolvensi dan mengenai peranan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Mdl. Mdl akan meneruskan usaha untuk menyebarkan maklumat mengenai insolvensi kepada seluruh masyarakat serta meningkatkan pengetahuan dan pendidikan ke arah mewujudkan masyarakat yang berhemah dan bijak dalam menguruskan kewangan bagi mengelakkan mereka daripada kebangkrutan serta mematuhi undang-undang kebangkrutan sedia ada.

Hasil daripada semua inisiatif di atas telah menyebabkan jumlah kehadiran bankrap dan pengarah meningkat dengan ketara sekaligus meningkatkan kadar pematuhan pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE) dan pembayaran ansuran bulanan seperti berikut:

BIL	PEMATUHAN	2010		2011		(%)
1.	Bil. Kehadiran bankrap	26337		29180		111%
2.	Bil. Pemfailan PHE & jumlah terlibat	8470		8489		100%
3.	Bil bankrap yang membayar ansuran bulanan – bilangan & jumlah terlibat	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	137%
		315,110	36,955,241	432,500	45,116,342	
4.	Jumlah Pertanyaan dan kesedaran masyarakat mengenai fungsi Mdl	3040		3462		114%

Mdl Interactive And Facilitative Dialogue 2011

Selain daripada program yang dinyatakan di atas, Mdl buat julung kalinya telah menganjurkan Program '*Mdl Interactive And Facilitative Dialogue 2011*' dan diadakan dengan beraninya pada 6 Disember 2011. Program ini merupakan satu program ulung kali (*inaugural*) diadakan di Sabah dan Sarawak.

'*Mdl Interactive And Facilitative Dialogue 2011*' peringkat negeri Sabah dan Sarawak diadakan dengan matlamat berikut:



- (a) Memperjelaskan peranan, fungsi dan hala tuju Mdl;
- (b) Mewujudkan kerjasama dua hala antara Mdl dan pihak berkepentingan;
- (c) Mengenal pasti dan mendapatkan maklum balas mengenai isu berkaitan insolvensi dengan pihak yang berkepentingan;
- (d) Mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang berbangkit dalam hal ehwal insolvensi dengan pihak yang berkepentingan.

Seramai 156 orang peserta yang terdiri daripada antara lainnya para pengamal insolvensi, pengamal undang-undang dan juga wakil-wakil jabatan serta agensi persekutuan dan negeri yang berkenaan telah menghadiri program ini. Selain daripada peserta di atas, program ini juga turut dihadiri oleh semua Ketua cawangan Mdl di Sabah dan Sarawak serta 3 orang pegawai lain bagi setiap cawangan.

Program ini telah mendapat liputan yang meluas daripada pihak media cetak seperti Daily Express, New Sabah Times Edisi Bahasa Malaysia, New Strait Times, Berita Harian, KOSMO dan juga berita BERNAMA. Program ini juga turut dilaporkan oleh media elektronik melalui slot berita jam 7 pagi pada 7 Disember 2011.



Berdasarkan maklum balas positif yang telah diterima dari para peserta program ini, semua objektif program telah tercapai sepenuhnya dan hampir kesemua peserta yang menghadiri program ini berpuas hati dengan penganjurannya.



Antara *stakeholders* yang hadir semasa *Mdl Interactive and Facilitative Dialogue*



Ahli Panel Mdl yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk KPI menjawab persoalan yang dikemukakan oleh peserta.

PROGRAM 3: MENYIASAT DAN MENDAKWA KESALAHAN DI BAWAH AKTA KEBANKRAPAN/PERUNDANGAN INSOLVENSİ

Mdl bertanggungjawab untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pentadbiran insolvensi di Malaysia. Sehubungan itu Mdl akan menyiasat dan mendakwa kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah undang-undang Insolvensi khususnya di bawah Akta Kebankrapan 1967.

Strategi-strategi berikut digunakan untuk memenuhi Program 3:

- (a) Mengenal pasti dan menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan mana mana perundangan insolvensi yang terlibat;
- (b) Merampas dan menyita aset bankrap dan syarikat;
- (c) Menjalankan pendakwaan terhadap pesalah bankrap di mahkamah;
- (d) Mengadakan kerjasama dengan agensi penguatkuasa;
- (e) Memberi penekanan kepada "*high risk insolvency cases*"; dan
- (f) Kesedaran awam tentang undang-undang insolvensi.

Penyasatan

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 975 Kertas Siasatan telah dibuka dan sebanyak 1123 Kertas Siasatan telah ditutup. Bilangan Kertas Siasatan yang ditutup tahun 2011 lebih tinggi daripada jumlah dibuka ialah kerana jumlah tersebut melibatkan Kertas Siasatan yang dibuka sebelum tahun 2011. Semua Kertas Siasatan yang dibuka sepanjang tahun 2011 disiasat di bawah kesalahan Akta Kebankrapan 1967.



Sepanjang tempoh itu juga, kesalahan komital di bawah Seksyen 91(2) Akta Kebankrapan 1967 iaitu bankrap gagal membayar ansuran bulanan merupakan kes yang paling banyak dibuka dan disiasat dengan jumlah sebanyak 324 kes. Kesalahan tersebut juga merupakan kes yang paling banyak diselesaikan iaitu sebanyak 484 kes ditutup sepanjang tempoh tersebut. Maklumat kes-kes yang disiasat sepanjang tahun 2011 boleh dilihat di Jadual 15 seperti berikut:

Jadual 15: Statistik Kertas Siasatan Yang Disiasat oleh Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan Ibu Pejabat Dan Unit Penyiasatan Penguatkuasaan Cawangan Di Bawah Akta Kebankrapan 1967 Sepanjang Tahun 2011

Bil	Seksyen	Butir-butir kesalahan	IP Buka	IP Tutup
1	S.16 AK 1967	Gagal Fail PHE	114	135
2	S.28 AK 1967	Waran Tangkap	393	417
3	S.38 AK 1967	Komital	84	64
4	S.91 (2) AK 1967	Tunggakan Ansuran Bulanan	324	484
5	S.109 AK 1967	Fraud	60	23
JUMLAH			975	1123

*Waran tangkap tidak diklasifikasikan sebagai kesalahan

Kesemua IP yang dibuka telah selesai siasatan dan dibawa ke Bahagian Pendakwaan untuk tindakan seterusnya.

Pendakwaan

Pada tahun 2011, 939 kes komital dibicarakan di mahkamah berbanding 1017 kes dibicarakan pada tahun 2010. Statistik lanjut mengenai kes komital yang dibicarakan di mahkamah ini dapat dilihat dalam Jadual 17 berikut:

Jadual 17: Bilangan Rampasan Oleh Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan Mdl sepanjang tahun 2011

BIL	JENIS KESALAHAN	TAHUN	
		2010	2011
1.	16(3) AK 1967 - Bankrap gagal memfailkan Pernyataan Hal Ehwal	262	220
2.	91(2) AK 1967 - Bankrap ingkar mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang diberi oleh Mahkamah atau Ketua Pengarah Insolvensi	742	708
3.	109(1)(f) AK 1967 - Secara fraud membuat apa-apa peninggalan material dalam mana-mana pernyataan berhubung dengan pernyataan hal-ehwalnya	1	-
4.	38(1)(b) AK 1967 - Gagal menyerahkan penyata 6 bulan pendapatan dan perbelanjaan kepada KPI	2	1
5.	38(1)(bb) AK 1967 - Bankrap tidak memaklumkan KPI tentang perubahan alamat rumah	-	1
6.	38(1)(c) AK 1967 - Bankrap tidak boleh keluar negara tanpa kebenaran Mahkamah atau KPI	-	3
7.	38(1)(d) AK 1967 - Bankrap menjalankan perniagaan atau menjadi pengarah mana-mana syarikat atau secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian dalam pengurusan mana-mana syarikat	6	6
8.	38(1)(e) AK 1967 - Bankrap bertugas dalam pengurusan mana-mana perniagaan yang dijalankan oleh ahli keluarga Bankrap	2	-
9.	27(4) AK 1K 1967 - Bankrap gagal menyerahkan milikan mana-mana bahagian hartanya kepada KPI	1	-
10.	56 AK 1967 - Permohonan penyitaan harta Sibankrap	1	-
JUMLAH		1017	939

Selain itu, sebanyak 304 kes perbicaraan telah diputuskan pada tahun 2011 berbanding hanya 74 kes pada tempoh yang sama tahun 2010. Jumlah ini menunjukkan peningkatan melebihi 100%. Berikut merupakan statistik lanjut kes perbicaraan yang telah diputuskan pada tahun 2010 dan 2011.



Jadual 18: Statistik Kes Perbicaraan Yang Telah Diputuskan Bagi Tahun 2010 Dan 2011

BIL.	SEKSYEN	KEPUTUSAN MAHKAMAH	TAHUN	
			2010	2011
1.	91(2) AK 1967	Penjara	11	110
		Denda	-	18
		Dibatalkan	51	126
		Tarik Balik	2	13
2.	16(3) AK 1967	Amaran	2	10
		Penjara	-	2
		Amaran	6	9
		Tarik Balik	2	5
3.	38(1)(b) AK 1967	Denda	-	6
		Penjara	-	2
4.	38(1)(d) AK 1967	Dibatalkan	-	1
		Denda	-	2
JUMLAH			74	304





PROGRAM 4: PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG YANG MENYOKONG KEPERLUAN PERSEKITARAN EKONOMI DAN PERNIAGAAN

TOP LINE KPI

Rang Undang-Undang Akta Insolvensi 2011 Dibentangkan Di Parlimen Pada Disember 2011

Sebagai agensi yang mentadbir hal ehwal insolvensi Mdl perlu memastikan undang-undang Insolvensi sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan trend ekonomi Negara juga dunia. Pembaharuan Undang-undang Insolvensi ini juga akan dapat meningkatkan kedudukan Negara dalam Laporan Bank Dunia dalam kategori Penutupan Perniagaan/ Penyelesaian Insolvensi (Resolving Insolvency).

Inisiatif pembaharuan undang-undang Insolvensi telah diusahakan oleh Mdl bermula Mei 2009 hasil daripada perancangan strategik Mdl sebagai salah satu projek utama dalam menutup jurang yang dikenal pasti. Perancangan strategik Mdl ternyata memberi impak kepada ekonomi negara dan masyarakat secara keseluruhan apabila kerajaan mengumumkan agenda kerajaan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) , Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK10). Ini juga merupakan satu cabaran bagi Mdl dalam merealisasikan hasrat kerajaan terutama apabila Mdl terlibat secara langsung dengan salah satu pelaksanaan projek di bawah RMK 10 dan MEB.

Sewaktu perancangan strategi tahunan 2011, Mdl telah menetapkan KPI bagi Rang Undang-Undang Akta Insolvensi 2011 dibentangkan di Parlimen sebelum berakhirnya tahun 2011. Semua inisiatif yang dirancang oleh Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Insolvensi telah dilaksanakan mengikut perancangan. Sebanyak 74 perbincangan dan pembentangan bersama pihak-pihak berkepentingan telah dilaksanakan sehingga Mdl berjaya menyiapkan draf pertama Rang Undang-undang Akta Insolvensi (RUU) pada suku tahun kedua 2011 dan RUU tersebut telah pun dihantar ke Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara (AGC) pada suku ketiga 2011. Dalam tempoh suku tahun keempat, RUU Insolvensi masih lagi dalam semakan AGC. Memandangkan proses pembaharuan undang-undang melibatkan agensi berkepentingan yang lain dan beberapa kekangan tidak dapat dielakkan, Mdl telah menukar sasaran bagi RUU Akta Insolvensi dibentangkan di Parlimen selewat-lewatnya pada suku tahun ketiga 2012.

Berikut merupakan maklumat mengenai pelaksanaan inisiatif pembaharuan undang-undang bermula daripada tahun 2009:

No.	Tarikh	Aktiviti Dan Inisiatif
2009		
1.	8.10.2009	Establishment of Insolvency Law Reform Committee (ILRC)
2.	3.12.2009	ILRC Working Group Discussion
3.	14.12.2009	ILRC Working Group Discussion
4.	21.12.2009	ILRC Working Group Discussion
5.	24.12.2009	First Draft of Liquidation and Bankruptcy Provision
6.	29.12.2009	Second Draft of liquidation and bankruptcy provision



2010		
7.	4.1.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
8.	7.1.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
9.	11.1.2010	Third Draft of bankruptcy provision dan Terms of Reference (TOR)
10.	14.1.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
11.	21.1.2010	First Draft of Strategic Framework
12.	25.1.2010	Presentation of Strategic Framework to Director General Of Insolvency (DGI)
13.	28.1.2010	Update Strategic Framework and Gantt Chart
14.	29.1.2010	Second Presentation of Strategic Framework and Gantt Chart to DGI
15.	26.3.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
16.	5.4.2010	Notification and presentation to Minister at Prime Minister Department for YB Minister's approval
17.	12.4.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
18.	10.5.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
19.	25.5.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
20.	7.6.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation
21.	18-23.7.2010	Compilation of draft provision
22.	15-30.8.2010	Draft Insolvency Bill
23.	3.9.2010	Presentation of the draft bill to DGI
24.	4.9.2010	Second Draft Insolvency Bill (containing 517 proposed Sections)
25.	6.9.2010	Presentation to YB Deputy Minister Dato VK Liew on the draft bill of Insolvency Act
26.	27.9.2010	Presentation to YB Minister
27.	30.9.2010	Consultative Forum with UKM and Bar Council
28.	8.10.2010	Presentation to DGI
29.	20.10.2010	Consultative Forum at Universiti Malaya
30.	8.11.2010	ILRC Working Group Discussion & Deliberation on Draft Insolvency Bill
31.	15.11.2010	Consultative Forum with Insolvency Practitioners Association, MIA Professionals Development Centre, Malaysia Institute of Certified Public Accountants, Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrations and Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
32.	16.11.2010	Consultative Forum with Bank Negara Malaysia and Persatuan Bank dan Institusi Kewangan Malaysia
33.	16.11.2010	Second Consultative Forum with UKM and Bar Council
34.	22.11.2010	Consultative Forum with Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Pendaftar Kesatuan Sekerja, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Lembaga Tabung Haji and Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.
35.	25.11.2010	Consultative Forum with MIA Professionals Development Centre (MIA), Malaysia Institute of Certified Public Accountants (MICPA) and Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrations (MAICSA)
36.	13.12.2010	Consultative Forum with Kementerian Sumber Manusia
37.	15.12.2010	Consultative Forum with Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
38.	16.12.2010	Consultative Forum with SSM
39.	20.12.2010	Consultative Forum with Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) and Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
40.	23.12.2010	Consultative Forum with Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) and Lembaga Tabung Haji
41.	29.12.2010	Consultative Forum with Jabatan Hal-Ehwal Kesatuan Sekerja and Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia



2011		
42.	06.01.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill
43.	10.01.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill
44.	11.01.2011	Consultative Forum with MIA Professionals Development Centre (MIA), Malaysia Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
45.	13.01.2011	Discussion of the draft Insolvency Bill
46.	14.01.2011	Discussion of the draft Insolvency Bill
47.	14.01.2011	Final Consultative Forum with Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank & Institusi Kewangan Malaysia, Persatuan Pengamal Insolvensi (IPAM), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Peguam (Bar Council), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
48.	17.01.2011	Final Consultative Forum with Kementerian Sumber Manusia
49.	25.01.2011	Final Consultative Forum with Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
50.	27.01.2011	Consultative Forum with Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perbendaharaan Malaysia and Jabatan Akauntan Negara
51.	09.02.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill to DGI
52.	10.02.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill to DGI
53.	14.02.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill to DGI
54.	16.02.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill to DGI
55.	17.02.2011	Briefing and presentation of Insolvency Bill to DGI
56.	18.02.2011	Consultative Forum with Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perbendaharaan Malaysia and Jabatan Akauntan Negara
57.	21.02.2011	Consultative Forum with SSM
58.	01.03.2011	Consultative Forum with PIDM
59.	08.03.2011	Special discussion with BDO
60.	09.03.2011	Consultative Forum with SSM
61.	15.03.2011	Draft Insolvency Bill to all stateholders
62.	25.03.2011	Special discussion with BNM
63.	15.04.2011	Briefing and presentation of Draft Insolvency Bill to DGI
64.	05.05.2011	Draft Insolvency Bill (English version) submitted to AGC
65.	12.05.2011	Briefing & presentation of Draft Insolvency Bill to AGC
66.	26.05.2011	Special discussion with Bar Council
67.	27.05.2011	Briefing and presentation of Draft Insolvency Bill to DGI
68.	20.06.2011	Briefing to minister on Policy Statement
69.	29.07.2011	Draft Insolvency Bill (Malay version) submitted to AGC
70.	04.08.2011	Briefing and presentation of policy statement and automatic discharge to DGI
71.	08.08.2011-11 .08.2011	Discussion with Drafting Division, AGC on Draft Insolvency Bill
72.	15.08.2011	Discussion among MdI officers on status of Draft Insolvency Bill and Statutory Demand




TOP LINE KPI

Meningkatkan Kedudukan Malaysia Bagi Kategori 'Resolving Insolvency' Dalam Laporan Bank Dunia 2012

Laporan "DOING BUSINESS 2012" (DB 2012) telah diterbitkan pada bulan Oktober 2011 oleh Bank Dunia. Kedudukan Malaysia telah meningkat lima anak tangga iaitu dari tangga 23 ke tangga 18 dalam Laporan DB 2012; satu kedudukan di hadapan banyak negara maju seperti Jerman, Jepun, Taiwan dan Switzerland. Dalam laporan tersebut, 10 indikator telah ditetapkan sebagai kayu pengukur untuk menilai kedudukan sesebuah negara iaitu :

- | | | | |
|-----|------------------------------|-----|---------------------------------|
| (a) | Mendapatkan Pinjaman; | (e) | Penyelesaian Insolvensi; |
| (b) | Pelindungan ke atas pelabur; | (f) | Penguatkuasaan Kontrak; |
| (c) | Pembayaran Cukai; | (g) | Pendaftaran hartanah; |
| (d) | Perdagangan Rentas Sempadan; | (h) | Memulakan Perniagaan; dan |
| | | (i) | Urusan Permit Pembinaan. |

Sejak tahun 2010 Mdl telah dilantik sebagai *focal point* dalam memastikan kedudukan Malaysia bagi kategori penyelesaian insolvensi diperbaiki kedudukannya. Mdl dengan kerjasama dan collaboration yang padu dengan: Kumpulan Petugas Utama bagi Kategori Penyelesaian Insolvensi (yang ditubuhkan oleh PEMUDAH); Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); pengamal insolvensi di Malaysia seperti E&Y, BDO; Mahkamah; firma peguam, dan Majlis Peguam telah berusaha dengan gigih dalam usaha meningkatkan kedudukan Malaysia. Hasil kerjasama dinamik yang dilaksanakan sepanjang suku tahun pertama dan kedua 2011, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tangga 55 pada tahun 2011 ke tangga 47 pada tahun 2012.



Kejayaan ini merupakan satu milestone yang boleh dibanggakan oleh Mdl. Secara keseluruhan, kejayaan ini telah secara langsung menyumbang kepada peningkatan 5 anak tangga kedudukan Malaysia dalam Bank Dunia DB 2012. Selain itu, kedudukan Malaysia bagi kategori penyelesaian insolvensi berada di tempat 5 teratas jika dibandingkan dengan 22 Negara Asia Pasifik dan mendahului Negara Asia seperti Thailand.

Malaysia juga berada di tempat ke-8 (10 teratas) berbanding dengan 47 Negara yang mempunyai pendapatan sederhana tinggi dan jika dibandingkan pula dengan 61 Negara yang mempunyai bilangan populasi yang besar, Malaysia menduduki tempat ke-16 sekaligus menjadikan Malaysia berada di kedudukan 20 teratas. Kedudukan Malaysia bagi kategori Penyelesaian Insolvensi berdasarkan kategori Negara Asia Pasifik, Kategori Pendapatan Sederhana Tinggi dan Kategori Populasi Besar ditunjukkan dalam Jadual-jadual berikut:



Negara Asia Pasifik	Ranking Resolving Insolvency	Negara Berpendapatan Sederhana Tinggi (Upper Middle Income)	Ranking Resolving Insolvency
Singapore	1	Colombia	1
Taiwan, China	2	Mexico	2
Hong Kong SAR, China	3	Jamaica	3
Brunei Darussalam	4	Botswana	4
Malaysia	5	Tunisia	5
Thailand	6	Lithuania	6
Vanuatu	7	Maldives	7
Palau	8	Malaysia	8
China	9	Uruguay	9
Tonga	10	Thailand	10

Malaysia berada di kedudukan 5 daripada 22 Negara Asia Pasifik

Malaysia berada di kedudukan 8 daripada 47 Negara Yang Berpendapatan Sederhana Tinggi

Negara yang mempunyai populasi besar (Large Population)	Ranking Resolving Insolvency
Japan	1
Canada	2
United Kingdom	3
Netherlands	4
Colombia	5
Korea, Rep.	6
Taiwan, China	7
United States	8
Australia	9
Spain	10
Mexico	
Italy	
Germany	
Sri Lanka	
France	
Malaysia	
Thailand	
Kazakhstan	
Algeria	
Russian Federation	

Malaysia berada di kedudukan 16 daripada 61 Negara Yang Mempunyai Bilangan Populasi Yang Besar



Peningkatan dalam kedudukan dunia ini menunjukkan bahawa semua inisiatif Mdl yang telah dilaksanakan bersama-sama pihak- pihak berkepentingan sepanjang suku pertama dan kedua 2011 membuahkan hasil dan Mdl percaya kedudukan bagi kategori Penyelesaian Insolvensi akan melonjak lebih tinggi pada masa hadapan terutamanya apabila penggabalan Akta Insolvensi yang baru selesai, dan persetujuan Mdl untuk mengambil bahagian dalam projek Bank Dunia dalam *Insolvency Creditor/Debtors Right* (ICR) sepertimana yang telah dirancang dalam **Model Baru Ekonomi Malaysia**.

PENGLIBATAN DAN USAHA KERJASAMA Mdl BERSAMA PENGAMAL INSOLVENSİ DI PERSADA ANTARABANGSA

Sebagai agensi utama yang mentadbir hal ehwal insolvensi yang sedang dalam proses memantapkan lagi perundangan sedia ada agar sama taraf dengan piawaian dan amalan baik insolvensi di peringkat antarabangsa, Mdl telah menggiatkan diri dan menjalinkan hubungan rapat dengan pengamal insolvensi di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini penting untuk Mdl terus mempelajari dengan mengambil ikhtibar daripada pengalaman dan kepakaran Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan para pengamal insolvensi antarabangsa lain terutamanya apabila amalan insolvensi rentas sempadan telah dibangunkan sepenuhnya dan diamalkan secara meluas di Negara luar. Sehubungan itu, sepanjang tahun 2011, Mdl telah menyertai 4 mesyuarat dan persidangan mengenai insolvensi di luar Negara yang secara tidak langsung telah memberikan impak terhadap imej jabatan. Maklumat mengenai penglibatan dan aktiviti Mdl bersama pengamal insolvensi antarabangsa dijelaskan seperti berikut:

A. Menghadiri Jemputan Bank Dunia Ke Mesyuarat Insolvency And Creditor/Debtor Regimes Task Force (ICR Task Force) Pada 10 Dan 11 Januari 2011 Di Washington DC

Pada 9 Disember 2010, Mdl buat pertama kalinya menerima jemputan daripada Bank Dunia Mr. Jose M. Garrido kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk menyertai Mesyuarat ICR Task Force di Washington DC pada 10 dan 11 Januari 2011. Jemputan ini merupakan satu penghargaan kepada Mdl kerana ianya amat berketepatan dengan cabaran yang diberikan kepada Mdl oleh pihak kerajaan dalam Model Baru Ekonomi (MBE) bab akhir yang mana standard piawaian insolvency (ICR) perlu diguna pakai di Malaysia untuk menjamin sebagai salah satu faktor kestabilan kewangan Negara.

Mdl telah menghantar Timbalan Ketua Pengarah untuk menghadiri mesyuarat ini untuk mendapatkan pengalaman serta pemahaman awal mengenai piawaian ICR tersebut. Melalui mesyuarat ini Mdl telah mendapat pendedahan awal mengenai:

- (i) UNCITRAL Legislative Guide on Insolvency Law on the Treatment of Enterprise Groups: Updating the World Bank Principles;
- (ii) A Global View of Business Insolvency Systems;
- (iii) regulation of insolvency representatives;
- (iv) Out-of-Court Restructuring and Workouts;
- (v) The Treatment of Derivatives and Other Financial Contracts in Insolvency; dan
- (vi) Best Practices in the Insolvency of Natural Persons;

B. Menghadiri Jemputan Insol International Ke Uncintral/Insol/World Bank Nineth Multinational Judicial Colloquium On Insolvency Pada 12-13 Mac 2011 Di Singapura

Sekali lagi Mdl telah menerima jemputan daripada wakil Bank Dunia dan pihak INSOL International London untuk menyertai Uncintral/Insol/World Bank Nineth Multinational Judicial Colloquium On Insolvency Pada 12-13 Mac 2011 Di Singapura. Pada kali ini pihak Bank Dunia memberi penajaan terhadap pembiayaan delegasi Malaysia untuk hadir ke persidangan tersebut. Mdl tidak melepaskan peluang yang sangat berharga ini dan telah menghantar dua (2) orang Penolong Pengarah Insolvensi dari Bahagian Likuidasi dan Unit Polisi, Strategi dan Pembangunan untuk mendapatkan pengalaman serta amalan baik serta perkembangan terkini insolvensi di peringkat global. Persidangan selama 2 hari ini telah memberikan pendedahan awal kepada pegawai Mdl untuk memahami perkara berikut:

- (i) Introduction to judicial aspects of cross-border insolvency;
- (ii) Update on global advances; dan
- (iii) Treatment of Groups



C. Persidangan Antarabangsa (International Association of *Insolvency Regulator* (IAIR) di Jersey pada 19-22 Jun 2011

Mdl merupakan ahli aktif IAIR semenjak tahun 1995. Pada tahun ini persidangan IAIR telah diadakan di Jersey pada 19 hingga 22 Jun. YBhg. Datuk Ketua Pengarah Insolvency telah mewakili Malaysia bagi persidangan kali ini. Tema persidangan IAIR ialah *Managing Risks in Insolvency Regulation*. Mdl telah menyediakan Laporan Negara yang komprehensif yang mengandungi perkembangan terkini berkaitan pembaharuan undang-undang Insolvency dan inisiatif Mdl dalam meningkatkan kecekapan dalam menutup perniagaan di Malaysia untuk perhatian semua ahli. Selain itu YBhg Datuk KPI juga mengambil kesempatan untuk membentangkan kertas kerja dan menerangkan bagaimana Mdl menguruskan risiko dalam memastikan pentadbiran insolvency di Mdl dikendalikan dengan efisien. Kertas pengurusan risiko telah dibentangkan oleh YBhg. Datuk KPI sebagai wakil dari Malaysia di Persidangan Antarabangsa (International Association of Insolvency Regulator (IAIR) dan telah mendapat sambutan yang amat baik. Ianya berlainan dari kumpulan lain yang bercakap secara am risiko-risiko tertentu yang dihadapi. Malaysia menyatakan bagaimana semua risiko begini diuruskan dengan sistem yang *komprehensive ie framework*. Kertas tersebut telah diedarkan kepada semua ahli IAIR. Tiada mana-mana negara (30 keahlian) mengemukakan apa-apa kertas kerja tentang pengurusan risiko kecuali Malaysia. Hasil daripada pembentangan tersebut *Chairman* IAIR telah mengaturkan Emel Dialog bagi membolehkan semua negara ahli belajar daripada Malaysia dan berdiskusi mengenai *Insolvency Risk Management* dengan lebih lanjut.

Pembentangan oleh KPI telah berjaya menarik minat negara-negara lain. Antara Negara yang telah menghantar wakilnya ke Mdl bagi memahami dan mempelajari mengenai budaya kerja Mdl ialah *Insolvency and Trustee services* (ITSA) dan *Legal Enforcement Division*, Thailand. Masing-masing telah melakukan lawatan sambil belajar di Mdl pada bulan Ogos dan November 2011.



YBhg Datuk KPI (depan, kanan sekali) bergambar dengan delegasi IAIR 2011 di St Helier, Jersey



D. Mesyuarat ke-40 Kumpulan Kerja V (Undang-undang Insolvensi) Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu mengenai Undang- Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL) (Vienna, 31 Oktober–4 November 2011)

Pada tahun 2011, Mdl meneruskan penglibatannya dengan menghantar Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi sebagai ahli delegasi Malaysia dalam mesyuarat sesi ke-40 Kumpulan Kerja V Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL) berhubung Undang-undang Insolvensi yang telah diadakan pada 31 Oktober hingga 4 November 2011 di Vienna, Austria. Berikutan penerimaan "Practice Guide on Cross-Border Insolvency Cooperation" yang telah disiapkan oleh UNCITRAL, Kumpulan Kerja V telah diberi mandat baru oleh UNCITRAL untuk membangun dan menyediakan satu panduan tentang tajuk-tajuk baru insolvensi seperti berikut:

- (i) tafsiran dan penggunaan beberapa konsep terpilih dalam Panduan Perundangan mengenai Insolvensi Rentas Sempadan ["UNCITRAL Model Law on Cross-Border Insolvency"] yang berkaitan pusat utama kepentingan ["Centre of Main Interest"] (COMI);
- (ii) tanggungjawab dan tanggungan pengarah dalam kes-kes insolvensi dan pra-insolvensi; dan
- (iii) isu-isu kehakiman dalam Model Undang- Undang mengenai Insolvensi Rentas Sempadan UNCITRAL.

Peningkatan perdagangan dan pelaburan merentasi sempadan telah menunjukkan bahawa perniagaan kini dijalankan secara global. Ini telah membawa kepada banyak kes yang melibatkan syarikat yang mempunyai aset melebihi daripada satu Negara yang menjadi subjek kepada prosiding insolvensi. Keadaan ini memerlukan satu mekanisma kerjasama dan penyelarasan rentas sempadan untuk mengawasi serta mentadbir aset-aset syarikat yang terlibat dalam prosiding insolvensi ini. Usaha ini mampu menyelamatkan sesebuah syarikat yang menghadapi masalah kewangan. Penglibatan Mdl dalam mesyuarat ke-40 Kumpulan Kerja V [Kumpulan Insolvensi] UNCITRAL menandakan usaha berterusan Mdl yang menyokong penglibatan Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur perundangan moden yang berkesan dan mudah dalam bidang insolvensi bagi memastikan penamatan perniagaan dan penyusunan semula mekanisma perniagaan di Malaysia agar setaraf piawaian antarabangsa.

IMPAK KERJASAMA & PENYERTAAN Mdl DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Dalam tahun 2011, hasil daripada penyertaan aktif Mdl di peringkat antarabangsa telah menampakkan impak kepentingan perundangan insolvensi di Malaysia dan ianya semakin menyerlah apabila Mdl tidak putus-putus menerima permintaan dan lawatan khas dari pegawai-pegawai Insolvensi dari Australia, Thailand dan Kumpulan *Reports on the Observance of Standards & Codes* (ROSC), Bank Dunia. Mdl telah juga diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia melalui Bank Negara Malaysia untuk dinilai dan melibatkan diri dalam FSAP, ROSC, World Bank iaitu untuk menilai keberkesanan sistem insolvensi di Malaysia.

Mdl juga telah berjaya mengendalikan buat julung kalinya di Malaysia persidangan antarabangsa FAIR (Forum On Asian Insolvency Reform), dengan kehadiran di luar jangkauan dari dalam dan luar negara. Mdl telah membuktikan kebolehan dalam menguruskan persidangan antarabangsa yang berprestij tinggi, memikul peranan pengerusi bersama serta menjalinkan kerjasama yang berkesan dengan badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia, OECD, UNCITRAL, dan INSOL. Maklumat lanjut mengenai penglibatan Mdl dengan agensi antarabangsa dihuraikan seperti berikut:

- (i) Pada 24 Ogos 2011 Mdl telah menerima kunjungan daripada En. Adam Toma, *National Manager Regulation And Enforcement Insolvency And Trustee Service Australia* (ITSA) pada 24 Ogos 2011. Perjumpaan selama tiga jam ini dipenuhi dengan pembentangan mengenai peranan Mdl serta pencapaian Mdl semenjak April 2009. Pihak ITSA telah berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai pentadbiran insolvensi yang dijalankan oleh Mdl susulan daripada pembentangan Pelan Pengurusan Risiko oleh YBhg. Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia semasa Mesyuarat dan Persidangan *International Association of Insolvency Regulators* (IAIR) yang telah diadakan di Jersey pada 19-22 Jun 2011.



Pelan ini merupakan inovasi dalam menangani risiko insolvensi yang telah menarik minat peserta antarabangsa yang hadir dalam persidangan IAIR ini. Semoga kerjasama dua hala Malaysia-Australia dalam hal ehwal insolvensi akan menjadi platform kepada kejayaan jabatan memberi perkhidmatan terbaik bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.



Sesi lawatan Pegawai Insolvency and Trustee Services, Australia ke Mdl

(ii) **Lawatan Sambil Belajar (Educational Programme) Pegawai Legal Execution Department, Thailand (LED di Mdl**

Seramai tiga orang pegawai undang-undang Legal Execution Department, Thailand (LED) telah mengadakan lawatan sambil belajar di Mdl pada 24 hingga 29 November 2011. Sepanjang tempoh enam hari lawatan, pegawai tersebut telah didedahkan kepada sistem pentadbiran insolvensi Malaysia, budaya kerja baru serta transformasi organisasi yang sedang dijalankan oleh Mdl. Minat untuk memahami pentadbiran insolvensi di Malaysia bermula daripada beberapa siri persidangan *International Association of Insolvency Reform* (IAIR). Pihak LED sebelum ini telah menyertai persidangan IAIR di Jersey, Ireland pada bulan Jun 2011 yang turut dihadiri oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah Insolvensi (KPI). Dalam persidangan IAIR tersebut YBhg Datuk KPI telah membentangkan kertas mengenai *Insolvency Risk Management*.

(iii) **Forum on Asian Insolvency Reform (FAIR)**

Mdl telah dilantik mewakili Malaysia sebagai penganjur *Forum on Asian Insolvency Reform* (FAIR) 2011. FAIR telah diadakan pada setiap tahun bermula dari tahun 2001 dan disertai oleh para pembuat dasar, ahli perundangan dan kehakiman, ahli akademik, pengamal insolvensi dan pelbagai wakil sektor swasta dari Negara Asia. Mesyuarat FAIR yang pertama telah diadakan di Bali, Indonesia pada tahun 2001. Sejak itu, beberapa buah negara telah secara bergilir menjadi penganjur kepada mesyuarat ini termasuk Thailand, Korea, India dan Republik Rakyat China. Kali terakhir mesyuarat FAIR diadakan ialah di New Delhi, India pada 8 & 9 April 2010.

FAIR telah ditubuhkan oleh *Organization for Economic Co-Operation and Development* (OECD) dengan kerjasama *Asia-Pacific Economic Co-Operation Forum* (APEC) dan *Asian Development Bank* (ADB) dengan bantuan daripada Kerajaan Jepun dan Australia dengan matlamat berikut:

- Membangun dan mengekalkan dasar dialog bagi pembangunan insolvensi di kalangan pembuat dasar di Asia dengan penyertaan sektor swasta;
- Memantau dan mengkaji semula pelaksanaan pembaharuan bagi setiap ekonomi di rantau berkaitan;
- Mengenal pasti tajuk utama yang berkepentingan kepada pembuat dasar serantau dan pelaksana; dan
- Membantu mengenal pasti keperluan teknikal yang boleh dirujuk.

Pada tahun 2011 Jabatan Insolvensi telah mewakili Malaysia untuk menjadi penganjur bagi Forum ini dengan tema *Current Insolvency Issues and Challenges*. Topik perbincangan Forum kali ini meliputi *Islamic Finance and Insolvency*, *UNCITRAL-Current Issues*, *Different Path: Insolvency Systems for Particular Enterprise Categories*, *Financial Institutions*, *Small and Medium Enterprises (SMEs)* dan *Closing the Implementation Gap*.

FORUM ON ASIA



Forum telah diadakan pada 30 November dan 1 Disember 2011 bertempat di Sasana Kijang, Bank Negara Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seramai 105 orang peserta dari dalam dan luar negara seperti United Kingdom, China, Thailand, Filipina, Japan, Korea, India, Hong Kong, Australia, UAE, Hawaii, Singapura, Nepal, Pakistan, Laos and Malaysia dan juga perwakilan dari organisasi antarabangsa (INCEIF, UNCITRAL, IMF, INSOL dan World Bank) telah menyertai Forum ini. Penglibatan Mdl sebagai penganjur FAIR 2011 dan Pengerusi Bersama telah menunjukkan kepercayaan daripada badan dan organisasi insolvensi antarabangsa terhadap keupayaan Jabatan ini.





Forum on Asian Insolvency Reform telah dirasmikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(iv) Jemputan dari Bank Negara Malaysia's Participation in the International Monetary Fund- The World Bank Financial Sector Assessment Programme (FSAP)

Bab 2 dalam Model Baru Ekonomi (MBE) Bahagian Akhir telah menggariskan langkah dasar mengikut piawaian antarabangsa-tadbir urus & pengurusan yang mana "Dalam sektor kewangan, Malaysia telah membuat satu komitmen untuk menjalankan Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP). Adalah [sic] disyor bahawa Malaysia menjalankan penilaian pematuhan dalam semua 12 piawaian di bawah FSAP. Ia meliputi julat piawaian pada fiskal, kewangan, tadbir urus korporat, perakaunan, sistem-sistem pembayaran, akses kepada kredit, hak-hak pemiutang dan piawaian keadaan insolvensi dan pasaran modal. Dua piawaian terpenting ialah [sic] untuk ketelusan fiskal dan hak-hak pemiutang insolvensi (ICR). Sebagai tambahan, Malaysia juga harus mengambil prinsip-prinsip pelaporan kredit yang bekerjasama dengan ICR bagi menyediakan dasar untuk kerangka institusi dan undang-undang untuk mengelak daripada amalan-amalan pinjaman berasaskan cagaran."

Sehubungan dengan dasar kerajaan tersebut, pada 19.8.2011, Bank Negara Malaysia telah menjemput Mdl untuk bersama-sama duduk berbincang mengenai kesesuaian dan pelaksanaan FSAP di Malaysia serta peranan penting Mdl sebagai pentadbir Insolvensi di Negara ini sekiranya dua piawaian terpenting iaitu ketelusan fiskal dan hak-hak pemiutang insolvensi (ICR) mula diguna pakai.

Dasar ini merupakan satu lagi cabaran kepada Mdl dalam usaha melonjakkan nama Malaysia dalam Laporan Bank Dunia bagi kategori *Resolving Insolvency* sekaligus menyokong aspirasi Mdl dalam mewujudkan Lanskap Insolvensi Baru di Malaysia.



PROGRAM 5: PEMANTAUAN DAN PENGAWAL SELIAAN PELIKUIDASI YANG DILULUSKAN DENGAN EFEKTIF DAN BERKESAN

Ketua Pengarah Insolvensi juga bertindak sebagai Pegawai Penerima Malaysia (PPM) dalam mengendalikan pentadbiran kes penggulangan syarikat. Salah satu peranan utama pegawai penerima ialah untuk mengawal selia pelikuidasi yang diluluskan / pelikuidasi swasta yang mentadbir kes penggulangan syarikat (PYD). Sebelum ini tiada pemantauan yang terperinci dan sistematik dilaksanakan. Bermula tahun 2010 Mdl telah mewujudkan Unit Pemantauan Pelikuidasi yang Diluluskan (PYD) di Bahagian Likuidasi Ibu Pejabat Mdl untuk menjalankan peranan sebagai *oversight*. Strategi yang digunakan untuk memenuhi program ini ialah:

- (a) Memantau dan mengawal selia PYD yang mentadbir kes penggulangan syarikat mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965;
- (b) Memastikan PYD menjalankan tugas-tugas selaras dengan peruntukan undang-undang;
- (c) Memantau pemberian dan pembaharuan lesen PYD oleh Kementerian Kewangan; dan
- (d) Mengambil tindakan segera dan menjalankan siasatan terhadap PYD sekiranya aduan diterima.

PROGRAM PENGAWAL SELIAAN PENGAMAL INSOLVENSİ

Mdl mengambil serius tentang aduan yang diterima dan akan bertindak segera mengikut piawaian prestasi yang ditetapkan seperti berikut:

Performance Measures	Setakat 2011
Bil Aduan yang diterima	22
Bil aduan yang tidak memerlukan siasatan	-
% penyelesaian aduan yang tidak memerlukan siasatan dalam masa 30 hari [standard 70%]	-
Bil aduan yang disiasat	22
% penyelesaian aduan yang disiasat dalam masa 60 hari [standard 50%]	55%

Berdasarkan jadual di atas setakat suku kedua 2011 Mdl telah menerima 22 aduan terhadap 12 Pelikuidasi swasta yang mengendalikan kes penggulangan syarikat. Aduan yang diterima merangkumi 5 perkara utama seperti berikut:

Bil	Performance Measures	Setakat 2011
1	Bil Aduan yang diterima	22
2	Bil aduan yang tidak memerlukan siasatan	-
3	% penyelesaian aduan yang tidak memerlukan siasatan dalam masa 30 hari [standard 70%]	-
4	Bil aduan yang disiasat	22
5	% penyelesaian aduan yang disiasat dalam masa 60 hari [standard 50%]	55%

Hasil daripada penubuhan unit oversight PYD Mdl telah buat pertama kalinya mengambil tindakan mahkamah ke atas salah seorang pelikuidasi yang mengenakan fi pentadbiran yang tidak berpatutan. Ini bertujuan untuk memastikan Pelikuidasi Swasta atau PYD menjalankan tanggungjawab mereka dengan adil serta mengimbangi kepentingan penghutang serta pemiutang. Sorotan kes dinyatakan seperti berikut:



PROGRAM 6: MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN PERKHIDMATAN SECARA ONLINE


Seiring dengan pembangunan teknologi masa kini dan kepentingan pelanggan diutamakan Mdl dalam usaha untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan secara *online*. Buat masa ini Mdl hanya menyediakan perkhidmatan carian status kebangkrutan dan penggulangan syarikat secara online yang dinamakan Carian E-Insolvensi. Bagaimanapun strategi-strategi berikut telah dirancang untuk memenuhi program 6:

- (a) Memantapkan lagi promosi perkhidmatan carian E-Insolvensi;
- (b) Membangunkan Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) - satu sistem baru yang lebih efisien dan berteknologi tinggi serta memudahkan integrasi sistem dilaksanakan bersama agensi-agensi yang berkaitan; dan
- (c) Menyediakan produk baru untuk kemudahan pelanggan dan *stakeholders* Mdl.

Perkhidmatan Carian E-Insolvensi v Kaunter

Berdasarkan statistik, perkhidmatan e-Insolvensi menjadi pilihan pelanggan iaitu mencapai 97% tahap penggunaannya bagi tahun 2011 berbanding dengan perkhidmatan carian kaunter yang secara purata hanya 3% tahap penggunaannya. Ini kerana perkhidmatan online lebih mudah dan menjimatkan masa serta kos. Perbandingan tahap penggunaan carian secara online dan kaunter sepanjang tahun 2011 ditunjukkan seperti Rajah 17 berikut:

Rajah 17: Prestasi Perkhidmatan Carian E-Insolvensi Dan Kaunter Bagi Tahun 2011



Sistem Insolvensi Bersepadu [INSIST]

Mdl akan memastikan projek INSIST dilaksanakan sepenuhnya supaya perkhidmatan online dan produk baru Mdl dapat diperluaskan kepada pelanggan dan orang awam dengan kadar segera. Bagaimanapun, INSIST akan hanya beroperasi pada tahun 2014. Oleh itu, Mdl buat masa ini sedang menjalankan kajian dan perancangan untuk menawarkan perkhidmatan carian insolvensi secara pukat kepada pelanggan seperti pejabat peguam, pihak bank, LHDN dan SME.



PROGRAM 7: PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN SUMBER MANUSIA

PRESTASI LATIHAN PENJAWAT Mdl

Mdl telah menetapkan jumlah 7 hari berkursus untuk semua penjawat awam Mdl selaras dengan saranan Kerajaan ke arah peningkatan pembangunan sumber manusia. Bagi tahun 2011 semua penjawat Mdl iaitu seramai 1136 (100%) telah berjaya menghadiri kursus. Daripada jumlah tersebut seramai 1129 (99.4%) orang telah menghadiri kursus cukup atau melebihi 7 hari dan hanya seramai 7 orang (0.6%) sahaja yang masih belum mencukupi 7 hari berkursus yang terdiri daripada pegawai yang baru berkhidmat dengan Mdl.

Matlamat mencapai 100% kehadiran kursus sememangnya menjadi keutamaan Mdl, namun begitu fokus kali ini lebih kepada melahirkan seberapa ramai 'resource person' di kalangan pegawai selain melahirkan pegawai yang kompeten dalam bidang tugas selari dengan prestasi jabatan untuk menjadi agensi korporat dan sebagai pusat rujukan insolvensi serantau. Prestasi kehadiran kursus mengikut pecahan gred/kumpulan ditunjukkan di Jadual 19 seperti berikut:

Jadual 19: Prestasi Keseluruhan Latihan/Kursus Bagi Tahun 2011

Bil	Gred/ Kumpulan	Bilangan Anggota	Kursus Pendek			Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang > 3 Bulan
			Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Hadir < 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus	
1.	JUSA	4	4	-	-	-
2.	Pengurusan & Professional L41 - L54 M44 - M48 W41 - W54 F41 - F44	51	41 2 7 1	-	-	-
3.	Sokongan 1	971	968	3	-	-
4.	Sokongan 2	110	106	4	-	-
Jumlah		1136	1129	7	-	-
Peratusan		100%	99.4%	0.6%	-	-

Selain daripada pematuhan dasar kerajaan, Mdl memberi lebih tumpuan kepada peningkatan tahap kompetensi para penjawat Mdl terutamanya dalam bidang spesifik berkenaan insolvensi, leadership skills dan ekonomi. Tumpuan juga diberikan kepada objektif untuk melahirkan ramai pegawai pakar dalam Mdl. Mdl telah menjalinkan kerjasama dengan pihak ILKAP dalam mengendalikan kursus-kursus khas yang bersesuaian dengan penjawat Mdl. Mdl juga menjalinkan kerjasama dengan pihak Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) dalam memantapkan kompetensi para pegawai dalam bidang perundangan insolvensi khususnya undang-undang syarikat dan perakaunan.

Bagi tahun 2011 Mdl telah manganjurkan beberapa kursus yang dapat meningkatkan kompetensi pegawai dalam mentadbir hal ehwal insolvensi serta program yang dapat memupuk budaya inovasi pegawai seperti berikut:



(a) Kursus "Introduction for Company Law and Finance for Non-Finance Executive".

Mdl telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) dalam memantapkan lagi kompetensi para pegawai dalam bidang perundangan insolvensi khususnya undang-undang syarikat dan perakaunan. Kursus khas mengenai asas perakaunan bagi non finance executive dengan kerjasama COMTRAC telah diadakan pada 13-14 September 2011 disertai oleh seramai 30 orang terdiri daripada Pegawai Undang-undang dan Penolong Pegawai undang-undang Mdl.



Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan yang bernilai kepada pegawai insolvensi agar memahami perkara-perkara asas berkenaan dengan penubuhan sesebuah syarikat serta implikasi perundangan dalam transaksi perniagaan bagi memudahkan pegawai mengaplikasikannya dalam pentadbiran insolvensi.

Selain itu, kursus ini juga memberi pendedahan kepada pegawai insolvensi yang kebanyakannya tidak mempunyai latar belakang perakaunan untuk memahami asas perakaunan dalam memeriksa penyata kewangan serta memahami isi kandungannya untuk dijadikan mekanisma pemantauan bagi melaksanakan pentadbiran dan pemantauan insolvensi yang berkesan dari perspektif perakaunan dan kewangan.

(b) Bengkel Pendakwaan

Bagi meningkatkan lagi kompetensi Pegawai Pendakwa satu Bengkel Pendakwaan Bil. 1/2011 telah diadakan pada 29 dan 30 Julai 2011 di Ibu Pejabat Putrajaya. Ketua Pengarah Insolvensi turut hadir merasmikan Bengkel Pendakwaan ini. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan amalan praktikal kepada Pegawai Pendakwa dalam menjalankan tugas pendakwaan di mahkamah dengan lebih efektif dan mantap. Selain itu tatacara pengendalian kes dan etika mahkamah juga diketengahkan kepada mereka. Bengkel ini amat bermanfaat dalam memupuk budaya kerja yang cemerlang.



(c) Kompetensi Pegawai Pendakwa dan Penyiasat terus dimantapkan dengan mengadakan satu Perjumpaan Ketua-Ketua Unit Penyiasatan & Penguatkuasaan Bil. 1/2011 telah diadakan pada 30 Jun 2011 – 1 Julai 2011 di Ibu Pejabat Putrajaya. Ketua Pengarah Insolvensi juga turut hadir merasmikan perjumpaan ini. Sesi persidangan ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh cawangan dalam mengendalikan siasatan kes dan sekaligus mengatur strategi penyelesaian kearah penyiasatan dan penguatkuasaan yang berkualiti dan berkesan.



(d) Laporan Pemenang Anugerah Pertandingan Inovasi Mdl





Pertandingan Inovasi 2010 Jabatan Insolvensi Malaysia telah dilancarkan pada Januari 2010 oleh Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia. Pertandingan Inovasi ini bertujuan bagi mengumpul idea-idea inovatif yang boleh memperkasakan proses kerja dan seterusnya menyumbang kepada transformasi Mdl kepada sebuah organisasi yang inovatif sejajar dengan tema Mdl bagi tahun 2010 iaitu Pembangunan Kecemerlangan Operasi. Sebanyak 51 Idea dan Produk Inovasi telah diterima daripada warga Mdl berkaitan Pertandingan ini yang telah ditutup pada penghujung tahun 2010. Mesyuarat saringan pemilihan pemenang telah diadakan pada penghujung tahun 2010. Idea yang diterima merupakan idea yang hasilnya boleh dilihat oleh Mdl yang dinilai dari segi keberkesanan idea tersebut kerana ada sesetengah idea terlalu futuristic tetapi di peringkat pelaksanaan ia tidak mampu dilaksanakan kerana kos yang tinggi dan tidak sesuai pada masa ini.

Mesyuarat pada Ogos 2011 bersetuju bagi memilih 4 idea atau produk inovasi terbaik Mdl untuk dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia 2010. Kemenangan 4 pemenang Anugerah Inovasi ini telah dipilih dan dihantar maklumatnya ke Buku Akar Umbi MOSTI.

Pengumuman mengenai 4 pemenang ini telah dibuat pada Hari Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia tahun 2010 yang telah disambut pada 19.9.2011 di Dewan Harmoni, Bangunan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

Hari Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia 2010 telah mendapat sambutan meriah dengan kehadiran lebih daripada 300 jemputan yang terdiri daripada warga Mdl Ibu Pejabat dan pejawat dari agensi awam Malaysia. Hari Inovasi ini diisi dengan 4 pengisian utama yang mengandungi ucpatama Inovasi oleh Ketua Pengarah Insolvensi, Penyampaian Anugerah Inovasi 2010 kepada 4 pemenang Anugerah, Ceramah Inovasi oleh pakar Inovasi jemputan Mdl dan Pameran Showcase lain-lain produk atau idea Inovasi Mdl. Sijil-sijil pemenang telah diberikan kepada wakil Ketua Cawangan di Laguna Conference Room, Aras 3, Paradise Sandy Beach Resort pada 18.10.2011 bersempena dengan Mesyuarat Suku Tahun Ketiga 2011 Ketua-Ketua Cawangan seluruh Malaysia.

Sinopsis 4 pemenang Anugerah Inovasi Jabatan Insolvensi Malaysia 2010 adalah seperti berikut:





(i) Standard Operating Procedure (SOP) bagi tindakan penyitaan kenderaan penggulungan Syarikat (inovasi sistem) oleh PI Encik Loqman bin Azmi dari Mdl Cawangan Kuantan, Pahang.

Menyedari wujudnya kesamaran kerana kurang pengalaman, tenaga kerja, sumber sokongan dan ketidakseragaman prosedur serta garis panduan di peringkat cawangan dalam mengambil tindakan lawat periksa / siasatan ke premis yang melibatkan kes-kes penggulungan syarikat maka satu ad-hoc analisis ringkas dilaksanakan terhadap keperluan menyediakan satu senarai semakan untuk kegunaan warga kerja yang terlibat. Senarai semakan ini dirangka mengikut keperluan dan aktiviti-aktiviti utama (minor/major) tindakan awal, semasa dan selepas atau peringkat penghasilan / penyimpanan stor inventori / barang-barang rampasan. Oleh itu, Checklist Untuk Tindakan Lawat Periksa / Siasatan ini dicadangkan sebagai panduan alternatif kepada Bahagian Likuidasi di setiap cawangan yang tidak mempunyai pengalaman atau pengetahuan asas untuk mewujudkan keseragaman manual prosedur kerja dan sekaligus pemudah cara dalam mencapai sasaran penghasilan yang ditetapkan dengan penggunaan sumber-sumber secara optima dan mengambil kira Value for Money.

(ii) Database Mdl Muar kebangkrupan oleh Encik PI Idlen bin Ibus dari Mdl Cawangan Muar, Johor.

Sistem pangkalan data kebangkrupan Mdl Muar telah mula dibangunkan pada pertengahan tahun 2009. Idea pembangunan ini tercetus apabila cawangan sering mengalami masalah dalam penyediaan statistik serta laporan kerana tiada sistem rekod yang lengkap. Oleh itu, Mdl Muar telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sistem ini bagi meningkatkan kecekapan pengurusan fail dan kes kebangkrupan. Sistem ini direka bagi menyimpan data-data utama setiap kes kebangkrupan seperti butiran am bankrap dan tarikh satu-satu pentadbiran kes dilaksanakan.

(iii) Penggunaan satu Database kebangkrupan Mdl Taiping oleh Puan PI Mazakiah binti Mat Din, Puan PI Nurul Nadia binti Abdul Hadi dan Puan PI Rafidah binti Mat Assan @ Hashim dari Mdl Cawangan Taiping, Perak.

Produk ini menggunakan satu pangkalan data kebangkrupan di mana segala maklumat penting berkenaan sesuatu fail kebangkrupan dimasukkan di dalam sistem data tersebut. Data kebangkrupan ini hanya menggunakan Microsoft Excel dan disimpan pada komputer yang terletak di dalam bilik fail. Setiap kakitangan boleh mengakses data tersebut dan mengemaskini data hanya melalui komputer masing-masing dengan membina shortcut komputer bilik fail tersebut ke desktop sendiri.

(iv) TwinSystem Mdl Sibuloh oleh Encik Mohadil bin Ahmad dari Mdl Sibuloh, Sarawak.

Dalam tahun 2002 cawangan telah memindahkan data-data kebangkrupan, penggulungan syarikat, persatuan dan kesatuan sekerja dalam bentuk soft copy Microsoft Office Excel worksheet. Sistem pencarian fail cawangan telah berubah ke satu tahap hasil dari sistem indeks kebangkrupan yang dicipta menggunakan Microsoft Office Excel worksheet. Sistem indeks kebangkrupan ini banyak membantu mempercepatkan pencarian fail dan semakan kes di cawangan. Masa yang digunakan untuk membuat semakan kes hanya dalam 5 minit dan pencarian satu fail mengambil masa dalam 10 minit. Dalam tahun 2010 cawangan telah mencuba membuat satu sistem yang mengabungkan sistem carian fail & kes, rekod penerimaan surat, direktori jabatan & agensi, daftar R.O & A.O, daftar notis surat amaran, daftar Kebankrupan, daftar Likuidasi, rekod carian rasmi hartanah, rekod kaveat hartanah dan rekod pindah hakmilik hartanah yang dinamakan TwinSystem Mdl Sibuloh menggunakan Microsoft Acces dan Microsoft Office Excel worksheet yang dapat diakses melalui network sharing ke setiap komputer pegawai Mdl cawangan Sibuloh.



DISIPLIN & INTEGRITI PENJAWAT Mdl

Statistik kes disiplin & integriti yang dikendalikan pada 2011 oleh Unit Disiplin & Integriti ditunjukkan di Jadual 20 seperti berikut:

Aspek disiplin dan integriti amat ditekankan di kalangan warga Mdl. Sebarang pelanggaran peraturan atau undang-undang berhubung kelakuan dan tatatertib akan diambil tindakan punitif dengan tegas dan adil. Secara keseluruhan sebanyak 138 kes telah dikendalikan oleh Unit Disiplin dan Integriti (UDI) Mdl sepanjang tahun 2011 seperti di jadual 20.

Jadual 20 : Jumlah kes dalam peratusan kesalahan disiplin dan integriti sepanjang tahun 2011

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES	%
1	Tidak hadir bertugas	70	50.7%
2	Tidak mematuhi waktu bekerja	27	19.6%
3	Lewat hadir bertugas	13	9.4%
4	Gagal menjelaskan saman jabatan	3	2.2%
5	Meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan	3	2.2%
6	Menyelenggara taraf hidup melebihi emolumen (disyaki memiliki perniagaan yang tidak diisytiharkan kepada ketua Jabatan)	3	2.2%
7	Tidak bertanggungjawab	3	2.2%
8	Melanggar Arahan Perbendaharaan	2	1.4%
9	Mengambil cuti rehat melebihi kelayakan	2	1.4%
10	Jenayah	2	1.4%
11	Rasuah	1	1.0%
12	Penyalahgunaan dadah	1	1.0%
13	Mengemukakan sijil cuti sakit palsu	1	0.7%
14	Meniru tandatangan pegawai	1	0.7%
15	Pecah amanah	1	0.7%
16	Mengambil cuti sakit swasta melebihi 15 hari	1	0.7%
17	Memburukkan imej Jabatan	1	0.7%
18	Mengemukakan tuntutan palsu	1	0.7%
19	Jenayah Syariah	1	0.7%
20	Khalwat	1	0.7%
Jumlah keseluruhan		138	100.0%

Kesemua kes yang dilaporkan di atas telah diambil tindakan sewajarnya dengan kadar segera seperti dinyatakan seperti dalam Jadual 21 berikut :



Jadual 21: Senarai Tindakan Yang Telah Diambil Oleh UDI Sepanjang Tahun 2011

JENIS TINDAKAN	Q1	Q2	Q3	Q4	Sepanjang Tahun 2011
Surat tunjuk sebab tidak hadir bertugas	5	4	14	6	29
Surat tunjuk sebab lewat hadir bertugas	4	-	4	-	8
Surat tunjuk sebab tidak mematuhi waktu bekerja	-	21	1	-	22
Surat tunjuk sebab pecah amanah	-	-	1	-	1
Surat tunjuk sebab mengambil cuti sakit swasta melebihi 15 hari	1	-	-	-	1
Arahan hadir bertugas serta-merta	2	1	-	-	3
Surat Amaran kerana memburukkan imej Jabatan	1	-	-	-	1
Surat Amaran kerana tidak mematuhi waktu bekerja	6	-	13	-	19
Surat Amaran kerana lewat hadir bertugas	-	4	-	-	4
Surat Arahan potongan/kutipan balik gaji & emolumen	2	1	12	-	15
Surat tunjuk sebab kerana meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan	-	2	-	1	3
Surat amaran kerana meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan	-	-	-	1	1
Pelaporan ke Lembaga Tatatertib	4	2	1	-	7
Ditamatkan perkhidmatan	1	-	-	-	1
Lucut Hak Emolumen	2	-	-	-	2
Turun Gaji	1	-	-	-	1
Tahan Kerja	-	1	-	-	1
Gantung Kerja	-	-	-	1	1
Buang Kerja	1	3	1	2	7

Dengan pemantauan yang berkesan oleh UDI tahap integriti dan disiplin penjawat awam akan dapat dipertingkatkan lagi.



PENCAPAIAN KESELURUHAN DAN ANUGERAH YANG DITERIMA OLEH Mdl SEPANJANG TAHUN 2011

Pencapaian Top Line Key Performance Indicator (KPI) Mdl

Prestasi keseluruhan Mdl sepanjang tahun 2011 telah menghasilkan pencapaian yang membanggakan buat Mdl apabila kesemua Top Line KPI (TKPI) yang ditetapkan untuk tahun 2011 tercapai sepenuhnya seperti berikut:

BIL	Mdl TKPI (TOP LINE KEY PERFORMANCE INDICATOR)	KEPUTUSAN SEBENAR (%)	
1	60% Pengisytiharan Dividen Dari Jumlah Kes Yang Boleh (Declarable Cases)	Kebankrapan	75%
		Penggulungan Syarikat	100%
2	80% Kadar Penyelesaian Kes Insolvensi	Kebankrapan	89% (10680 KES)
		Penggulungan Syarikat	92% (1660 KES)
		Pertubuhan	81% (806 KES)
		Kesatuan	99% (79 KES)
3	40% Kadar Peratusan Sabitan	50% (153 kes daripada 304 kes yang diputuskan)	
4	Memperoleh hasil Pendapatan Sebanyak RM 38,111,000 Bagi Tahun 2011	103 % (RM 46, 586,585)	
5	Meningkatkan Kedudukan Negara Dalam Laporan Bank Dunia 2012 Kenaikan 5 Anak Tangga	Kenaikan 8 anak Tangga (Tangga ke 47 (2012) berbanding 55 (2011))	
6	Rang Undang-Undang Akta Insolvensi 2011 diluluskan oleh Parlimen pada 31.12.2011	80% proses telah selesai (Draf Undang -Undang Akta Insolvensi diperingkat masih diperingkat semakan dan penelitan lanjut pihak Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara)	
7	80% Program Penjenamaan (Rebranding) Imej Mdl Dilaksanakan	98% program yang dirancang telah berjaya dijalankan (258 program telah dilaksanakan)	
8	80% Pematuhan Piagam Pelanggan	89% (kadar pematuhan)	

Anugerah Yang Diterima oleh Mdl Pada Tahun 2011

A. Penerimaan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011

Pada bulan Ogos 2011, Mdl telah berjaya mendapat pengiktirafan empat (4) bintang di bawah Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri oleh Jabatan Audit Negara Tahun 2010. Kejayaan ini telah membuktikan kesungguhan Mdl dalam melakukan transformasi menyeluruh yang berprinsipkan kepada Kepimpinan, Pemantauan dan Akauntabiliti sebagai pemangkin utama transformasi Mdl.

Inisiatif Mdl menubuhkan Unit Audit Dalamn/Pemantauan sebagai langkah awal untuk memastikan Pengurusan Kewangan Mdl di seluruh cawangan dan ibu pejabat dipantau ternyata membuahkan hasil apabila budaya pemantauan yang serius diutamakan dalam pentadbiran jabatan terutamanya pengurusan kewangan yang berhemah dan berdisiplin. Mdl akan terus memastikan kejayaan ini diteruskan pada masa akan datang.





B. Kejayaan Laman Web Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) memperoleh penarafan 5 Bintang

Pada 1 Disember 2011 bertempat di Dewan B1 Pusat Konvensyen Antabangsa Putrajaya (PICC), YBhg. Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia telah menerima Sijil Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web bagi pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi).

Penilaian telah dilakukan oleh Malaysia *Government Portals And Websites Assessment* (MGPWA). Laman Web Jabatan Insolvensi Malaysia merupakan salah satu dari 285 portal dan laman web yang telah dipilih memenangi Anugerah ini daripada keseluruhan 1,155 portal dan laman web yang dinilai oleh MGPWA 2011.



YBhg Datuk Ketua Pengarah Insolvensi menerima Sijil Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web bagi pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)



Autograf





ISSN 2180-2939



9 772180 293909

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 4-7, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA

TEL : 03 8885 1000
FAKS : 03 8885 1048 03 8885 1051 03 8885 1127
WEB : <http://www.bheuu.gov.my>